

# KERATAN AKHBAR



UNIT INTEGRITI

ARAS 9, MENARA MBBJ

EMAIL: [unitintegriti@mbjb.gov.my](mailto:unitintegriti@mbjb.gov.my)

LAMAN WEB: [www.mbjb.gov.my](http://www.mbjb.gov.my)

NO. TEL: 07-219 8117 NO FAKS: 07-219 8116

**TAHUN  
2021  
(Jan-Jun)**



**JANUARI 2021**



# KERATAN AKHBAR (Januari 2021)

**BERITA HARIAN: 20/01/2021 (Rabu)**



RABU, 20 JANUARI 2021 11

## Komentari

# ‘Menjiwai semula’ nilai integriti kekang rasuah sektor awam

Rasuah mungkin dianggap tajuk laluk, namun topik ini perlu terus dipertingkatkan mengambil kira kesedaran bersejaja kepada hansen dan tanah air. Relevannya adalah tentu untuk mencari solusi supaya rasuah tidak terus berleluasa, umpama seekor yang tiba-tiba menjadi lera.



**Zukifere Ibrahim**

Biar pun rasuah membolehkan isu umum, tumpuan utama tuar meliputi pegawai awam. Selalunya hanya segelintir terbahit, dengan begitunya boleh mencalar kehormatan, kesedaran perkhidmatan awam segera.

Insiden lakenya pintu masuk negara, terlepasnya cukai hasil pendapatan negara dan kebirisan peruntukan perolehan bertilion

ringgit yang marak ke negara hingga kepada episod daging kartel, semuanya mengandungi masalah jauh lebih besar jika tidak segera ditangani.

Amatlah Neha Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman, yang memarahi pegawai awam mengambil sikap ‘menjaga tepi kain orang’ perlu dibarengi perkhidmatan untuk menyensar gejala yang dibarengi ‘selukar dalam dagang’ ini daripada berterusan.

Pegawai awam perlu sadar matlamat perkhidmatan untuk masyarakat hanya dikecualikan apabila sistem penyempulatan perkhidmatan awam dilaksanakan penuh berintegriti.

Di sini, integriti perlu dilihat sebagai kata kunci yang menjadi prasyarat kejayaan perkhidmatan dan institusi. Seseorang pegawai awam diamana nakhikan kuasa dan tanggungjawab perlu bertindak secara telus serta mematuhi proses atau prosedur undang-undang ditetapkan.

Memahami maksud integriti dan amanat disampingkan, semua pegawai awam harus menghidusi diri mereka dari terdapat ketidakpuasan sepanjang pegawai jawatan, supaya tidak terjebak amalan tidak berintegriti, daripada kecil kecil perkara hingga kepada salah guna kuasa dan rasuah.

Tekanan erti kata lain, integriti menjadi faktor yang menegahkan amalan rasuah dan salah guna kuasa.

Perkhidmatan sepejabatnya disempulakan berkesan dan telus dengan slogan ‘Perkhidmatan Untuk Negara’, boleh sahaja terpacu dengan motif seuntai ngan perkhidmatan dalam pelbagai bentuk seperti duit kopi, pengeras, wang pinilir atau wang jersi yang jelas bersempulakan amaran undang-undang konkrit secara, bermaksud hukuman agara. Sempulapan pelbagai institusi dan

usaha dilaksanakan berkesan demi memperkukuhkan nilai integriti dalam kalangan pegawai awam seperti pengumuman Perintah-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Taburatab) 1990; pengesanan pelbagai dasar bermula dengan Dasar Pencerapan Nilai-Nilai Islam; Dasar Bersih, Cakap dan Amanah; Dasar Teguhak 12; pelancaran Paksi Integriti Nasional hingga kepada penitchehan nilai integriti di setiap agensi awam, namun gosok rasuah ini masih tidak berkesudahan.

Ini dibuktikan data Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menunjukkan 25 kes rasuah kalangan pegawai awam direkodkan pada 2018, diikuti 457 kes bagi pada 2019.

Data ini membawa ingatan kita kepada tiga disarawasa kita, ketika Susem Scholastic dalam Asia’s New Link Dialogue: The Dynamic Emergence of Indonesia, Thailand and Malaysia, menyebut raman yang berleluasa sebagai antara faktor besar yang menjejaskan perubahan asing ke Malaysia.

Krisis keyakinan Scholastic ini juga turut dinyatakan Derek De Sidiq Fadzil dalam tulisannya ‘Jenayah Boleh Pali-Krisis Erika Pengurusan?’ di Berita Harian.

Seruan ini ditambah pula dengan laporan Indeks Persepsi Rasuah Malaysia 2020 yang masih jauh terkebelak

yang dihandingkan Singapura atau Brunei.

Melekitan data hanya angka, naratif di sahik segala yang berlaku memberi ayurak yang memantap setiap prosidil secara gahak supaya dapat membendung gejala ini daripada berterusan berlaku.

Ini boleh dijayakan dengan ‘menjiwai semula’ nilai integriti dalam posisi masing-masing. Bagi menfokong aspirasi ini, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) memperkenal siri program ‘UMT Pimpin’, dengan harapan di samping lapisan kesempulapan, mampu menyemarakkan penghayatan integriti dalam konteks universiti awam.

Sebagai kesimpulan, integriti adalah etika, gosolehan atau akhlak mulia seseorang pegawai awam.

Seruan ‘menjaga tepi kain orang’ perlu dilihat dalam konteks berbeza, iaitu sebagai sebuah blowers dalam mengungkap gejala rasuah daripada terus memalarah.

Marilah kita bersama menghayati nilai integriti dan wawasan perkhidmatan awam lebih cemerlang, supaya Malaysia mampu melangkahi gajah lebih berkesan!

Penulis adalah Pendaftar Universiti Malaysia Terengganu (UMT)



# KERATAN AKHBAR (Januari 2021)

**BERITA HARIAN: 20/01/2021 (Rabu)**



## Rasuah polis RM50, pemandu teksi dihukum penjara dan denda

**KUALA LUMPUR** - Padah memberi rasuah RM50 kepada anggota polis, seorang pemandu teksi dihukum penjara sehari dan denda RM5,000 oleh Mahkamah Seven pada Selasa.

Beh Por Teik, 56, dikenakan hukuman itu selepas mengaku bersalah atas pertuduhan pubahan yang dibacakan di hadapan Hakim, Kamarudin Kamson.

Mahkamah turut memercitahkan letaki itu menjalani hukuman penjara enam bulan jika gagal membayar denda tersebut.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu yang mengaku orang kurang upaya (OKU) iaitu tempung sejak berusia 5 tahun dituduh memberi suspan kepada anggota polis crewangan kereta peronda, Iba Pejabat Polis Dang Wangi, Lans Kogoral Adam Mohd Alhafiz.

Ini sebagai doongan supaya tidak mengambill tindakan ke atasnya kerana dia disersio dalam kes dikehendasi bersabit laporan Doping membabitkan Seksyen 420 Kanun Keseksian iaitu difahamkan kesalahan menipu.

Kesalahan itu dilakukan di Jalan Kuching jam 11 pagi pada 16 September 2020 dan itu boleh dihukum mengikat Seksyen 214 Kanun Keseksian yang membawa hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda atau kedua-duanya.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Afiqah Ab Razuk memohon mahkamah menggunakan hukuman setimpul sebagai pengajaran.

Hagapungpun, Por Teik yang tidak diwakili peguam merayu

mahkamah mengenakan hukuman ringan atas alasan perlu menanggung tawanan.

Mengikut fakta kes, ketika keratan polis menahan teksi yang dipandu tertatih.

Setelah membuat semakan terhadap tertatih melalui kad pengesanan dan sistem Mobile Card Acceptance Device (MCAD), polis mendapati tertuduh mempunyai tiga rekod lampau hits salah satunya berhubung laporan kes di Taiping yang kemudian polis memaklumkan asan membuat bagkapan terhadap tertatih.

Semasa proses tangkapan dilaksanakan, tertatih telah menunjukkan wang RM50. Ekoran kejadian itu, anggota polis berkenaan telah membuat satu laporan kepada SPRM dan tertatih kemudian ditangkap pada hari yang sama.



# KERATAN AKHBAR (Januari 2021)

**HARIAN METRO: 20/01/2021 (Rabu)**



STAR LITAWY - HARI 20 JANUARI 2021

**M**AHKAMAH & JENAYAH

## Tiga pegawai Maqis direman

Disyak terlibat rasuah berhubung kemasukan daging beku secara haram

08/11/2020, AZURA MHD ANAN

**JUJOUR BAHRU**

**T**iga pegawai Jabatan Pendaftaran Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) direman lima hari bermula Selasa kerana disyaki terlibat rasuah berhubung kemasukan daging beku yang tidak dibenarkan Jabatan Veterinar Malaysia.

Perintah reman ke atas mereka dikeluarkan Penolong Pendafatar, Nuz Fathiah Mohd Fedzir di Mahkamah Majistret Johor Bahru selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor membuat permohonan berkenaan pada Selasa.

Terdahulu, ketiga-tiga suspek tiba di pekanagan Kompleks Mahkamah kira-kira jam 8:20 pagi dengan berpakaian baju lokap SPRM.

Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi berkata, ketiga-tiga suspek masing-masing berusia 40, 44, dan 55 tahun ini ditahan di Pejabat SPRM Johor pada Isnin malam selepas hadir untuk membantu siasatan.

"Kes ini diisytiharkan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009," katanya.

Tamizulu, SPRM Johor dilaporkan menahan seorang pengasas syarikat berusia 36 tahun di Johor Bahru sebelum suspek ditahan bersama enam hari bermula ke malam.

Sementara itu, dalam perkembangan berkaitan, SPRM menerusi kenyataan dikeluarkan memberitahu sudah menahan seramai lapan suspek sejak 4 Januari lalu bagi membantu siasatan berhubung isu kartel daging sejuk beku.

SPRM dilaporkan memaklumkan juga seramai 27 saksi juga dipanggil dalam siasatan kes berkenaan terdiri daripada pekerja syarikat, ejen pengimport serta pegawai kerajaan.

Suatu tajuknya itu menyaksikan kes berkenaan mengikut Akta SPRM 2009 yang menjerus kepada kesalahan mereduksi rasuah, mengemukakan tuntutan palsu serta kesalahan berkaitan pemalsuan dokumen.

Pada 2 Disember lalu, *Sinar Harian* menerusi laporan khas membongkar kegiatan kartel mengimport daging dari beberapa negus yang tidak halal sebelum meluaskan logo halal palsu untuk dijual dan dibekalkan di pasaran tempatan.

Serban dilakukan Maqis bersama-sama agensi lain di sebuah stor di Senai dekat sini, sekali gus mendedahkan kegiatan itu yang menggemparkan seluruh negara.



**KES KARTEL DAGING**

Tiga pegawai Maqis di bawa ke Mahkamah Majistret Johor Bahru untuk permohonan reman pada Selasa.





# KERATAN AKHBAR (Januari 2021)

**BERITA HARIAN: 20/01/2021 (Rabu)**

731 RABU, 20 JANUARI 2021

Nasional

Kes kartel daging import

## 3 lagi pegawai MAQIS direman

### Suspek ditahan SPRM selepas hadir bantu siasatan

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Tiga pegawai Jabatan Pendaftaran Negara dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) direman hari ini bermula semalam bagi membantu siasatan kegiatan rasuah semasukan daging beku tidak dibenarkan Jabatan Pendaftaran Negara.

Perintah reman selangga Sabtu ini dikeluarkan Penolong Pendaf- tar Mahkamah Magistret Johor Bahru, Nur Fathiah Mohd Fadzler

selepas mendengar pertunjukan sumpahannya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor, pagi se- malam.

Ia menjadikan lima pegawai ja- batan itu disiasat setelah ini ber- hubung kes tertabit selepas dua pegawai MAQIS Johor berusia 27 dan 28 tahun ditahan semalam di Seksyen 17 (b) Akta SPRM 2009 pada 7 Januari lalu.

Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi, ber- kata ketiga-tiga suspek masing- masing berusia 31, 44, dan 55 tahun ditahan di Pejabat SPRM Johor kira-kira jam 7 malam kel- maris selepas hadir membantu siasatan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009," katanya.

Kelmaris, SPRM Johor dipap- rkan menahan seorang pengarah syarikat berusia 36 tahun di Johor

Bahru, sebelum suspek direman sebagai enam hari.

Pada 12 Januari lalu, seorang ejen penghantaran direman lima hari kerana disyaki terlibat ke- giatan rasuah bertukang isu skandal kartel daging import yang mengempurkan tanah air pada bulan lalu.

Telaki berusia 35 tahun berse- nama sebelum itu ditahan di Pe- jabat SPRM Johor bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 18 Ak- ta SPRM 2009.

Pada 4 Januari pula, seorang pengarah dan tiga pekerja sya- rikat pengimport daging sejuk be- ku, di sini, dilaporkan turut di- reman.

Empat suspek berusia 18 dan 23 tahun itu adalah pengarah, per- garah operasi dan kakam dari- pada sebuah syarikat sejuk beku, manakala seorang lagi pengarah



Tiga pegawai MAQIS Johor dan Mahkamah Majlisraya Bahru, selepas ditangkap penitah tahanan negeri lima hari, semalam. (Gara-Zain Akmal/BH)

syarikat lain.

Kelmaris, SPRM dalam satu ke- nyataan memaklumkan lapan suspek sudah ditahan sejak 4 Ja- nuari lalu bagi membantu sia- satan bertukang isu kartel da- gung sejuk beku dan 27 suspek di- pangkil membabitkan pekerja syarikat, ejen pengimport serta pegawai kerajaan.

Kes berkenaan disiasat mengi-

kut Akta SPRM 2009 yang men- jurus kepada keselamatan memari- ma rasuah, mengemukakan tita- tutan pelisa serta kesalahan ber- kaitan pemalsaan dokumen.

Bulan lalu, media melaporkan kewujudan kartel menyalangi pe- nyeludupan daging import dari negara sumber tidak sah, dengan produk yang dibawa masuk di- ragni label status dan kualitinya.



# KERATAN AKHBAR (Januari 2021)

HARIAN METRO: 21/01/2021 (Khamis)



## 69 fail CCTV jadi bukti kes pecah amanah Hasanah

Oleh NORLIZAH ABAS

**KUALA LUMPUR** – Sebanyak 69 fail rakaman televisyen litar tertutup (CCTV) sebuah kondominium di Cyberjaya dikedukukan di Mahkamah Tinggi semalam sebagai bahan bukti kes pecah amanah wang AS\$12.1 juta (RM50.4 juta) melibatkan bekas Ketua Pengarah Organisasi Perisikan Luar Malaysia (MEIO), Datuk Hasanah Abdul Harid.

Fail-fail berdurasi 60 minit itu yang dirakam antara 9 Mei 2018 dan 30 Ogos 2018 diperolehi oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) daripada bahagian keselamatan kondominium itu ketika siasatan kes.

Salah satu fail rakaman itu yang dipertontonkan di mahkamah menunjukkan sepasukan pegawai SPRM membawa keluar sejumlah kotak yang disorong menggunakan troli melalui lif selepas menggeledah kondominium tersebut pada 30 Ogos 2018.

Bagaimanapun, mahkamah tidak diberitahu kandungan kotak-kotak berkenaan atau daripada umi mana kotak-kotak itu diperolehi.

Rakaman CCTV itu dikemukakan oleh pihak pendakwaan melalui keterangan pegawai forensik SPRM yang memeriksa dua barang kes iaitu sebuah pemacu kilat (flash drive) mengandungi



**HASANAH (kanan)** hadir perbicaraan kes pecah amanah RM50.4 juta yang dihadapinya di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur semalam.

rakaman CCTV di kondominium manakala satu cakera keras mengandungi rakaman CCTV di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Rakaman di JPM yang berdurasi satu jam akan dikemukakan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Shahrir Mohd. Salleh, hari ini.

Saksi pendakwaan kelapan,

Penguasa Kanan Bahagian Teknologi Forensik SPRM, Badri Azni berkata, dia telah diminta oleh pihak siasatan agar memeriksa kedua-dua barang kes itu bagi mendapatkan rakaman video dan salinan pendua.

Ujarnya, kedua-dua barang kes itu yang diterima pada 19 Sep-

tember 2018 berada dalam keadaan baik manakala rakamannya juga tidak dikacau garung atau menghadapi sebarang masalah ketika pemeriksaan dijalankan.

CCTC itu yang dirakam di kawasan luar lif di kawasan tingkat 13 berdasarkan tarikh ter-

tentu, kemucian dimainkan di mahkamah satu persatu.

Ia menunjukkan pergerakan keluar masuk individu tidak dikenali manakala rakaman terakhir pada 30 Ogos 2018 menunjukkan beberapa orang lelaki menyorong keluar sejumlah kotak menggunakan troli.

Ketika ditanya oleh Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Farid Ahmad Kamal pada sesi pemeriksaan utama, Badri berkata, pasukan siasatan tidak memahamkan kepadanya identiti sekumpulan lelaki yang membawa keluar kotak-kotak berkenaan.

Mahkamah sedang mende-ngar perbicaraan terhadap Hasanah yang didakwa melakukan pecah amanah wang berjumlah AS\$12.1 juta milik Kerajaan Malaysia.

Tertuduh, 64, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan sebagai seorang penjawat awam iaitu Ketua Pengarah Penyelidikan Jabatan Perdana Menteri (JPM) melakukan kesalahan itu di pejabat Ketua Pengarah, Bahagian Penyelidikan JPM, Kompleks JPM, Putrajaya di antara 30 April dan 9 Mei 2018.

Hasanah dituduh mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan serta denda jika sabit kesalahan.

Harizah Mstpr  
21/1/2021  
K4KMB





# KERATAN AKHBAR (Januari 2021)

HARIAN METRO: 21/01/2021 (Khamis)

## Pengarah syarikat didakwa kes rasuah pada hari jadi ke-60

**SHAH ALAM** - Sambutan hari jadi ke-60 semalam pastinya menjadi 'korangan' tidak diupayakan seorang pengarah syarikat pembatalan komponen elektronik apabila didakwa di Mahkamah Sesiyen di sini atas pertuduhan memberi rasuah RM10,000 kepada kakitangan awam.

Ang Boon Chin, mengaku bersalah terhadap pertuduhan pilihan yang dibacakan dalam bahasa Mandarin di hadapan Hakim Rihada Rafie.

Lolaki itu didakwa telah memberi rasuah wang tunai RM10,000 kepada seorang pengeksekutif pegawai daerah tanah Klang sebagai balasan tidak mengambill tindakan terhadap kilangnya, Gallex Enterprise (M) Sdn. Bhd.

Ia berisutan syarikat tersebut sedang disiasat atas kesalahan mencoreboh tanah kerajaan di Lot 83096, Jalan Lengkang Selatan, Taman Perindustrian Pandamaran di sini di bawah Seksyen 125 (d) Kanun Tanah Negara.



**BOON CHIN** (tengah) didakwa mencoreboh tanah rizab sungai di Mahkamah Sesiyen Shah Alam semalam.

Perbuatan itu dilakukan di Pejabat Daerah dan Tanah Klang pada 23 Mac lalu. Sekiranya disabitkan kesalah-

an boleh dipenjarakan maksimum 10 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali mengikut Seksyen 214 Kanun Keseksaan.

Timbalan Pendakwa Raya Serahanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Farid Ah Wahab memohon tarikh ba-



KERATAN Kosmo/26 Mac 2021.

hari untuk jatuh hukuman sebelum memajukan jaminan RM20,000 bersama seorang penjamin dan syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah.

Bagaimanapun, Peguam Lo Mei Na mewakili tertuduh memohon jaminan dikurangkan berikutan anak guamannya memberikan kerjasama kepada siasatan SPRM dan tiada risiko melarikan diri.

Mahkamah menetapkan jaminan RM10,000 bersama penjamin dan membolehkan syarat tambahan pihak pendakwaan.

Tarikh jatuh hukuman ditetapkan pada 15 April depan.





**FEBRUARI 2021**



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

BERITA HARIAN: 09/02/2021 (Selasa)



*Kes rasuah projek bina lebuh raya di Perak, Kedah*

## Abdul Latif dilepas tanpa bebas

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Sesyen di sini, semalam, melepaskan tanpa membebaskan Datuk Abdul Latif Abdul Rahim, abang kepada bekas Pengerusi Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez, daripada dua pertuduhan bersubhat dengan adiknya itu menerima rasuah membabitkan projek pembinaan lebuh raya dan naik taraf jalan raya di Perak serta Kedah.

Timbalan Pendakwa Raya Adam Mohamed, berkata Hakim Azura Alwi membuat keputusan itu selepas pihaknya memohon Abdul Latif dilepas tanpa dibebaskan daripada pertuduhan itu dengan menjadikannya saksi pendakwaan.

"Jabatan Peguam Negara (AGC) mempertimbangkan permohonan pihak pembelaan untuk menggugurkan pertuduhan ke atas Abdul Latif selepas dua representasi diserahkan kepada AGC tiga bulan lalu.

"Jadi, pihak kami memohon untuk melepaskan tanpa membebaskan tertuduh (Abdul Latif) daripada pertuduhan ini. Mahkamah kemudian membenarkan permohonan itu," katanya ketika

dihubungi media, semalam.

Perbicaraan kes Abdul Azeez dan abangnya itu sepatutnya bersambung semalam di hadapan Azura.

Adam berkata, perbicaraan kes yang dijadualkan berlangsung semalam hingga Rabu dilapangkan selepas pihaknya memaklumkan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Muhammad Jamil Hussin membenarkan permohonan Abdul Azeez untuk menangguhkan perbicaraan sementara menunggu permohonannya bagi membatalkan tiga pertuduhan rasuah dan 10 pertuduhan pengubahan wang haram dihadapinya didengar pada 23 Februari ini.

Katanya, Abdul Azeez tidak hadir pada prosiding semalam dan peguam Hisyam Teh Poh Teik yang mewakilinya mengemukakan sijil sakit tertuduh dari 5 hingga 11 Februari.

Sementara itu, peguam Datuk Seri Jahaberdeen Mohamed Yunos yang mewakili Abdul Latif berkata, pihaknya memohon anak guamnya dilepaskan dan dibebaskan daripada dua pertuduhan itu jika pihak pendakwaan tidak mahu



**Abdul Latif Abdul Rahim**

meneruskan pendakwaan.

"Sepatutnya anak guam saya dilepas dan dibebaskan kerana ia tidak adil dan dia akan fikir pendakwaan akan menuduhnya semula jika dia tidak dibebaskan daripada pertuduhan itu," katanya.

Abdul Azeez, 54, yang juga Ahli Parlimen Baling menghadapi tiga pertuduhan menerima rasuah RM5.2 juta berkaitan projek jalan raya di Perak dan Kedah serta 10 pertuduhan pengubahan wang haram.

Pertuduhan rasuah itu didakwa dilakukan di Bank CIMB cawangan Menara UAB, Jalan Tun Perak, di sini pada 8 Disember

2010 dan di Affin Bank Berhad, Setiawalk, Persiaran Wawasan, Pusat Bandar Puchong di Petaling, Selangor pada 13 Jun 2017 serta 10 April 2018.

Bagi pertuduhan pengubahan wang haram, Abdul Azeez didakwa melakukan kesalahan itu di Lembah Klang antara 8 Mac 2010 hingga 30 Ogos 2018.

Abangnya, Abdul Latif, 63, didakwa atas dua pertuduhan bersubhat dengan Abdul Azeez yang didakwa menerima RM1 juta daripada Mohamad Rezwan Mohanan Abdullah sebagai upah membantu syarikat Menuju Asas Sdn Bhd mendapatkan projek jalan raya secara tender terhadap daripada Kementerian Kerja Raya.

Projek itu membabitkan Lebuhraya Persisiran Pantai Baru dan kerja menaik taraf Jalan Persekutuan FT005 (Teluk Intan ke Kampung Lekir, Perak) bernilai RM644,480,000.

Kedua-dua kesalahan itu didakwa dilakukan di Affin Bank Berhad, Setiawalk, Persiaran Wawasan, Pusat Bandar Puchong, Petaling, Selangor antara 13 Jun 2017 hingga 10 April 2018.

BERNAMA



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)



BERITA HARIAN: 09/02/2021 (Selasa)

Isu kartel daging import

## Salahuddin dakwa pernah ditawar percutian mewah

Bekas menteri tolak pelawaan supaya kartel jadi 'pilihan' utama kementerian

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub menandatangani, beliau pernah ditawarkan percutian mewah ke Eropah oleh individu dipercayai mewakili kartel daging import ketika baru beberapa bulan di lantik ke jawatan berkenaan.

"Saya pernah didatangi (wakil) syarikat kartel di pejabat ketika menjadi Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, menawarkan saya percutian kelas pertama di Eropah. Saya memang tak sanggup," katanya yang menegaskan, beliau menolak tawaran tersebut.

Difahamkan, tindakan kartel itu dipercayai bagi memastikan syarikat mereka menjadi 'pilihan' utama kementerian untuk urusan membawa masuk bekalan daging sejuk beku ke negara ini.

Salahuddin yang menasabah kementerian berkenaan tempur dua tahun bermula Mac 2018, turut mengaguti terpaksa berdepan kerosah birokrasi agensi awam tertentu apabila mahu melakukan penambahbaikan prosedur mengimport bekalan daging sejuk beku.

"Perjalanan tidak mudah, ter-

pasoka berjuang untuk penambahbaikan prosedur berkenaan," katanya menambah, antara kejayaan dicapai ialah menambah jumlah loji penyembelihan di India bagi mengurangkan 'monopoli' syarikat tertentu daripada tapak pusat ketika itu kepada 11.

"Saya perlu melawan birokrasi dan ia tidak mudah. Segu bawak isu ini ke masyarakat Kabinet dan akhirnya berjaya menambah jumlah loji penyembelihan (di India)," katanya.

Katanya lagi, beliau difahamkan, Malaysia setakat ini mengimport 78 peratus bekalan daging sejuk beku dari India, 16 peratus dari Australia dan selebihnya dari Brazil serta negara lain, tetapi kerajaan dicadang menambah sumber produk itu bagi mengurangkan kebergantungan kepada India.

Salahuddin berkata, proses tambah baik lain cuba dilaksanakan, termasuk menyarankan penyertaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam setoran agensi kerajaan yang diberi tanggungjawab memeriksa loji penyembelihan di luar negara.

Beliau menjelaskan, tiga agensi sedia ada yang memikul tanggungjawab itu adalah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Kesihatan (KKM).

"Tujuan saya mahu keluarkan mereka (SPRM, NGO) bagi memastikan loji penyembelihan itu benar-benar halal dan selamat sebelum (produk) diizinkan dibawa masuk ke negara kita, namun tidak kesampaian. Usaha ini per-



Salahuddin Ayub

lu lebih dari satu pengal penadbiran untuk dijayakan," katanya.

Bekas menteri itu turut mengesyorkan semula pembaharuan Sistemnya Siasatan Diraja (RCT) dalam menyelesaikan isu bekalan daging import, bagi membolehkan usaha mengesan putaka sebenar masalah berkenaan, sama ada di pintu masuk negara atau aspek pengangkutan.

Sementara itu, *BH* dan *The New Straits Times* (NST) memperoleh banyak mesej komunikasi di aplikasi sembang, dipercayai ejen kartel daging import meminta bantuan pegawai agensi kerajaan tertentu untuk memburukkan kandungan daging sejuk beku yang tidak disahkan, keluar dari pelabuhan.

Melalui gambar diperoleh, kelihatan individu tertentu memunculkan kotak yang diperiksa di pelabuhan, dipercayai mengandungi daging lembu sejuk beku diimport dari negara Asia bersama logo halal yang dipreskri.

Ada individu dipercayai pegawai agensi tertentu beritahu kepada individu dipercayai ejen kartel, sama ada terlapat pegawai kerajaan lain di pelabuhan

mengambil sampel daging terabit. Ia kerana gambar kotak itu menunjukkan adanya dibungkus dan ada pelekat dari agensi kerajaan tertentu, bukannya dilepaskan dari pelabuhan.

Menerusi maklumat sumber, pemeriksaan di pelabuhan diperlukan kerana bekalan dalam kes berkenaan tidak memenuhi syarat lain, malah sumber juga berkesempatan beberapa tangkap layar lain dari mesej WhatsApp yang dipercayai di antara wakil kartel selepas berjaya mengambil bekalan.

Berdasarkan mesej itu, anggota sindiket mendapat arahan daripada individu lain disyaki majikan untuk 'membungkus semula' bekalan dipercayai tulang sejuk beku ke dalam kotak baharu, bersama logo yang disahkan halal dari negara sumber.

Individu disyaki majikan itu turut memaklumkan, sebuah lori akan keluar untuk mengantar 600 hingga 800 kotak daging lembu yang dibungkus semula sebelum dibekalkan kepada pengedar dan pasar tempatan.

Sumber memberitahu *BH*, itu antara cara bagaimana sindiket daging import mengendalikannya aktiviti mereka, menasabah produk dan kemudian membungkus semula bersama label halal sah diberikan syarikat pengimport, sekali gus menyukarkan usaha mengenal pasti produk disahkan halal atau tidak.

Difahamkan, kegiatan berterusan makin semakin dibantoss dan bertahan sekian lama berikutan ada dakwaan unsur penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan oleh beberapa pegawai dalam agensi tertentu.



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)



HARIAN METRO: 09/02/2021 (Selasa)

Shah Alam

Seorang penolong pegawai Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan menerima suapan berjumlah RM377,696, tiga tahun lalu.

Ahmad Hasrul Ahmad Nordin, 43, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Rozilah Saleh.

Mengikut pertuduhan pertama, dia didakwa menggunakan kedudukannya sebagai Penolong Pegawai Seni Bina Jabatan Kejuruteraan MBPJ untuk mendapatkan suapan dengan menyediakan dan menandatangani Borang Arahan Kerja bagi tuntutan pembayaran berjumlah RM318,762.54 berkaitan Kerja-kerja Penyelenggaraan Tahunan Kwarters MBPJ (Zon A) fasa satu tahun pertama kepada syarikat Foller Trading.

Dia yang mempunyai kepentingan dalam pelaksanaan kerja-kerja tersebut menggunakan Foller Trading, selaku syarikat pelaksana untuk menerima suapan berjumlah RM302,824 melalui syarikat Zie Maju Construction milik adik lelakinya selepas menolak lima peratus bayaran wang sewaan lesen syarikat.

Bagi pertuduhan kedua, Ahmad Hasrul didakwa menggunakan kedudukannya

**PENOLONG PEGAWAI MBPJ DIDAKWA**

## Terima rasuah **RM377k**

nya untuk mendapatkan suapan bagi dirinya dengan menyediakan dan menandatangani borang sama bagi tuntutan pembayaran sebanyak RM78,813.60 berkaitan kerja-kerja penyelenggaraan tahunan fasa dua tahun pertama kuarters sama kepada Foller Trading.

Dia yang mempunyai

kepentingan dalam pelaksanaan kerja-kerja tersebut menggunakan Foller Trading, selaku syarikat pelaksana untuk menerima suapan RM74,872 melalui syarikat miliknya Hasraf Design Construction selepas menolak lima peratus bayaran wang sewaan lesen syarikat.

ANGGOTA SPRM membawa tertuduh (tengah) keluar dari Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam.

Ahmad Hasrul diduduh melakukan kedua-dua perbuatan tersebut di MBPJ pada pada 4 Jun 2018 dan 28 Disember 2018 mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24 (1) akta sama.

Jika sabit kesalahan, dia boleh dihukum penjara hingga 20 tahun atau denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi.

**RM40k**

Jumlah jaminan ditetapkan mahkamah terhadap tertuduh

Timbalan Pendakwa Raya SPRM Fadhi Ab Wahab menawarkan jaminan RM80,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan iaitu menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri setiap awal bulan di pejabat SPRM Selangor.

Peguam tertuduh, Ariff Azami Hussein memohon mahkamah mengurangkan jaminan kepada RM20,000 memandangkan Ahmad Hasrul perlu menanggung isteri serta tiga anaknya.

Rozilah menetapkan jaminan RM40,000 dengan seorang penjamin serta membenarkan syarat tambahan dan menetapkan 9 Mac untuk sebutan semula kes. - Bernama





# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)



HARIAN METRO: 09/02/2021 (Selasa)



NORSHAHRIIL, didenda RM3,000 selepas mengaku bersalah terima suapan wang tunai, lima tahun lalu.

## Bekas kakitangan Kemas mengaku ambil rasuah

**Ayer Keroh:** Seorang bekas kakitangan Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) diarahkan membayar denda RM3,000 selepas mengaku bersalah atas pertudu-

**RM2,5k**

Jumlah wang tunai diterima tertuduh

han pilihan menerima suapan lima tahun lalu.

Hakim Datuk Mohd Nasir Nordin menjatuhkan hukuman itu terhadap Norshahril Ramlee, 40, selepas membuat pengakuan sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan jurubahasa mahkamah.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh yang ketika itu menjawat jawatan Pembantu Tadbir Kanan di Unit Kewangan Kemas Melaka dituduh menerima wang tunai berjumlah RM2,500 tanpa balasan daripada individu bernama Mohd Hyzery Elec yang mana tertuduh mengetahui individu terbabit mempunyai hubungan dengan kerja rasmi tertuduh.

Kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh di 379-1 Jalan Melur 1, Taman Pe-

ringgit Jaya, dalam daerah Melaka Tengah pada 14 November 2016.

Bagi kesalahan itu, Norshahril dituduh melakukan kesalahan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksamaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM3,000 dan tertuduh kemudian membayar denda berkenaan.

Kes pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Irwan Shah Abdul Samat manakala tertuduh diwakili peguam Azrul Zulkifli Stork.



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

NEW STRAITS TIMES: 09/02/2021 (Selasa)



## TRIAL OF EX-TABUNG HAJI CHAIRMAN

# Latif to testify against brother Azeez in RM4 million bribery case

**KUALA LUMPUR:** The elder brother of former Tabung Haji chairman Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim was yesterday given a discharge not amounting to an acquittal (DNAA) from two charges of abetting his brother to obtain a RM4 million bribe.

Abdul Latif Abdul Rahim's case was dropped by Sessions Court judge Azura Alwi after she allowed an application by the prosecution to grant the DNAA against him.

Deputy public prosecutor Adam Mohamed said the prosecution made the application after Latif agreed to become a witness against his brother.

"The defence had sent two rep-

resentation letters to the Attorney-General's Chambers requesting us to drop his charges three months ago. Today (yesterday), we told the court about our request (over the DNAA) and the court allowed it," he said.

Latif was accused of abetting his brother in obtaining a RM4 million bribe from Mohammad Redzuan Mohanan Abdullah, director of Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd, as gratification to help the company secure road projects through limited tender from the Works Ministry.

The court yesterday also vacated Azeez's trial which was scheduled to resume following a High Court ruling which granted a stay



*Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim (left) and his elder brother, Abdul Latif Abdul Rahim.*

on the hearing pending Azeez's application to quash his 13 corruption charges including money laundering.

Azeez's counsel Joshua Tay when contacted confirmed the matter.

"We received a letter from the High Court Senior Deputy Registrar Norazihah Asmuni informing us about the matter."

The Baling member of parliament on Dec 23 had applied to

strike out all of his corruption charges at the High Court.

Azeez claimed the prosecution against him was mala fide and that the charges were defective and groundless.

The trial of the corruption case involving Azeez and his brother Latif had been held before judge Azura with five prosecution witnesses being called.

Azeez, 53, is charged with three counts of accepting bribes to-

talling RM5.2 million in connection with road projects in Perak and Kedah, and nine counts of money laundering, involving nearly RM140 million, while his 62-year-old brother was accused of abetting him.

The project involved the Pantan Baru Coastal Expressway Project and upgrading works of Federal Road FT005 (Teluk Intan to Kampung Lekir, Perak) valued at RM644,480,000.



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

NEW STRAITS TIMES: 09/02/2021 (Selasa)



MEAT CARTEL SCANDAL

## SALAHUDDIN WAS OFFERED EUROPE TRIP

He was approached by frozen meat importer after he was appointed minister under PH govt

MOHAMED BASYIR  
KUALA LUMPUR  
[news@nst.com.my](mailto:news@nst.com.my)

**A** FORMER minister has revealed that he was offered an all-expenses-paid trip to Europe for him and his family by a frozen meat importer allegedly linked to a meat cartel that had for more than 40 years developed a stranglehold on the country's imported meat business.

Datuk Seri Salahuddin Ayub, who is former agriculture and agro-based industry minister, dropped a bombshell by claiming that he was approached by the company two years ago when he first took office.





# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

NEW STRAITS TIMES: 09/02/2021 (Selasa)



He said the meeting took place several months after Pakatan Harapan won the 14th General Election and he was appointed minister.

The meeting, he said, was supposed to be an introductory session between industry players and the new minister.

However, he said, he noticed something amiss when during the meeting he was offered holiday packages, but they framed the Europe trip as a "courtesy visit".

"They offered luxurious holiday packages to me and my family. An all-expenses-paid trip to Europe. But I had to decline," he said in a special interview with the *New Straits Times* and *Berita Harian* recently.



Datuk Seri Salahuddin Ayub



Former agriculture and agro-based industry minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said he was offered an all-expenses-paid Europe trip that was framed as a 'courtesy visit'.

Asked why he did not lodge a report with the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC), he said at the time, he was not sure of the nature of the offer.

He said the company's representatives did not ask for anything in return and he did not accept their offer and, as such, decided to let the matter go.

He said one company had monopolised abattoir operations in India, with at least four out of the seven abattoirs in India that exported meat to Malaysia at the time held by the same company.

Representatives from this company, he claimed, offered him the Europe trip.

Salahuddin said during his two-year stint as minister, he wanted to address the issue of meat imports, but faced a host of problems.

"I faced bureaucratic challenges from another government agency when I wanted to make changes to the procedures governing the import of frozen supplies."

He said upon learning about the monopoly on frozen meat imports, he worked towards certifying more abattoirs to give Malaysian importers more options to obtain their products.

He said he eventually managed to get four more abattoirs certified, albeit with much difficulty.

"We received reports that a company had been monopolising the supply from existing abattoirs, so I added a few more to overcome the issue.

"But we faced a host of bureaucratic issues. The agencies had asked for justification on why we needed to certify more abattoirs when what we already had were enough for the Malaysian market.

"My aim was that by adding more sources, we would be able to break the monopoly.

"I had to bring it to the cabinet before finally getting approval."

He said Malaysia depended on

India for 78 per cent of its beef supply, with 10 per cent coming from Australia, and the rest from Brazil and other countries.

Salahuddin, who is also Parti Amanah Negara deputy president, said during his tenure as minister, he wanted MACC representatives and those from non-governmental organisations to join the three government agencies' visits to abattoirs for the import approval to be issued.

The three agencies are the Veterinary Services Department, Islamic Development Department and Health Ministry.

The aim of including other parties, he said, was to ensure that the process was transparent. The presence of integrity agencies such as the MACC, he said, would have ensured that any form of corrupt practices would be tackled.

"I just wanted to make sure the process and products are fully halal-compliant and safe for our people.

"But it did not happen. It needed more than just one term to materialise.

"I also wondered, when these government agencies go there, who takes care of them? Their arrival, accommodations and others, what happens there?"

Salahuddin called for a Royal Commission of Inquiry (RCI) to

be established to investigate the meat cartel's operations.

"It is the best way to get to the bottom of this," said Salahuddin.

Last year, the *New Straits Times* shed light on the activities of a meat cartel that had allegedly been operating for more than 40 years.

Sources had claimed that senior officers from no fewer than four government agencies were working hand-in-glove with the syndicate to bring non-certified meat into Malaysia and distribute them as halal-certified products.

The senior officers had allegedly turned a blind eye to the cartel's operations and allowed its activities to go undetected.

They were alleged to have received money as bribes and in some cases women for sex.

The NST also reported on the discovery of cold storage warehouses that had been used to mix beef from certified and non-certified abattoirs.

Following the reports, the MACC made a series of arrests. Up to Feb 2, 11 people have been detained in connection with the case.

They include five Malaysian Quarantine and Inspection Services Department officers, a delivery agent, as well as directors and employees of two import companies.

## PRAYER TIMES

	SUBUH (Jam)	SYURUK	ZUHUR	ASAR (Jam)	MAGHRIB	ISTAK
Melaka	6:15	7:25	1:28	4:48	7:28	8:39
Penang	6:25	7:33	1:35	4:55	7:32	8:43
K. Lumpur	6:19	7:27	1:30	4:51	7:29	8:40
Johor Baru	6:08	7:18	1:22	4:41	7:22	8:33
Kuantan	6:12	7:22	1:25	4:45	7:24	8:31
Iphoh	6:22	7:29	1:33	4:53	7:31	8:42



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

SINAR HARIAN: 10/02/2021 (Rabu)



## Golongan terdesak paling mudah terlibat rasuah

### KUALA TERENGGANU

- Individu yang berada dalam situasi terdesak dan tersepit antara golongan paling tinggi terdorong melakukan jenayah rasuah.

Peguam, Mohd Hayyatuddin Muhamad berkata, jenayah rasuah biasa berlaku dalam situasi terdesak selepas wujudnya persaingan perniagaan terutama keupayaan usahawan mendapatkan projek pembangunan yang ditawarkan.

"Disebabkan terdesak untuk mendapatkan projek-projek yang ditawarkan dengan harga lumayan, pihak terlibat sanggup melakukan apa sahaja. Contohnya, menawarkan pelbagai imbuhan dengan pihak dirasakan dapat membantunya tanpa memikirkan kesan pada masa akan datang.

"Bermula dari itu juga akan wujud kesalahan jenayah lain yang boleh dikaitkan seperti salah guna jawatan untuk kepentingan diri yang merupakan satu kesalahan mengikut Seksyen 16 (b)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Biasanya, sebagai satu 'penghargaan', ahli perniagaan itu akan menawarkan lima hingga 10 peratus daripada harga projek diperoleh kepada pihak berkenaan sekiranya membantu mendapatkan projek tersebut meskipun syarikatnya tidak layak," katanya kepada *Sinar Ha-*



MOHD HAYYATUDDIN

rian di sini baru-baru ini.

Mohd Hayyatuddin berkata, selain terdesak, individu dalam situasi tersepit dengan persekitaran sanggup memilih jalan salah sehingga bertindak berani menawarkan peguam untuk menjadi 'orang tengah' antara mereka dengan polis atau pun mahkamah.

"Mereka ini bertindak sedemikian selepas proses pertuduhan di mahkamah mungkin kerana terlalu tersepit disebabkan takut dijatuhi hukuman berat dan sebagainya sehingga sanggup lakukan apa sahaja," katanya.

Menurutnya, beliau secara peribadi berpendapat masyarakat pada umumnya masih tidak begitu jelas apa yang dimaksudkan dengan rasuah.

"Mereka selalu kaitkan jenayah itu hanya dengan jumlah duit yang banyak ditawarkan serta bakal diterima.

"Sedangkan sebenarnya budaya memberi dan menerima hadiah yang diamalkan sejak berkurun lama terutama pada musim perayaan dan majlis-majlis keramaian turut dikategorikan satu rasuah, cuma bergantung kepada niat individu tersebut.

"Jika pemberi berniat amalan itu cuma sekadar untuk mengeratkan silaturahmi serta persahabatan, namun pemberian itu boleh menjadi rasuah apabila diberikan dengan ada tujuan," katanya.



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

SINAR HARIAN: 10/02/2021 (Rabu)



## Semak semula tindakan penguatkuasaan

**SHAH ALAM** - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mencadangkan tindakan penguatkuasaan serta aspek pencegahan efektif dilaksanakan bagi menangani trend pelakuan rasuah dalam tempoh peralihan semasa dan pasca pemulihan Covid-19.

Pemangku Presiden MTUC, Mohd Effendy Abdul Ghani mendakwa, kerajaan dilihat tidak tegas dalam pelaksanaan sistem, prosedur serta peraturan bagi memerangi rasuah di tempat kerja melalui Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) dan Pelan Integriti Nasional (PIN).

Menurutnya, gejala rasuah di Malaysia bukan sahaja disebabkan faktor ketidakstabilan ekonomi negara tetapi berpunca daripada kelemahan nilai moral dan pemikiran individu itu sendiri termasuk gagal mengawal nafsu dan tamak selain tekanan politik.

“MTUC mencadangkan sistem dan mekanisme dikaji semula bagi memerangi rasuah serta salah guna kuasa membabitkan budaya berintegriti.

“Sebagai contoh pendekatan pencegahan, pendidikan dan pendakwaan



MOHD EFFENDY

perlu disemak semula sesuai NACP yang digubal dua tahun lalu,” katanya.

Selain itu, Mohd Effendy berkata, masyarakat dan pemegang taruh perlu memainkan peranan proaktif bagi memastikan isu rasuah dapat ditangani secara bersepadu dan bukan menjadi tugas kerajaan atau agensi awam semata-mata.

“Dari konteks pekerja, MTUC melahirkan kebimbangan mengenai aktiviti penyeludupan, pemerdagangan manusia serta kemasukan secara haram ke negara ini yang melibatkan rasuah.

“Kesimpulannya, isu rasuah ini tidak boleh diambil tindakan sebelah pihak sahaja sebab jika tiada pemberi maka tiada penerima. Tindakan tegas juga perlu diambil terhadap pemberi rasuah,” ujarnya.

Dalam pada itu, Mohd Effendy berkata, kerajaan perlu mengambil langkah sewajarnya bagi mengatasi amalan bodek-membodek.

“MTUC juga berharap bagi amalan bodek-membodek untuk mendapatkan sesuatu perlu dilihat sebagai sebahagian daripada jenayah rasuah,” jelasnya.



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

SINAR HARIAN: 10/02/2021 (Rabu)



## Pegawai perancang bandar didakwa terima rasuah

**KUALA TERENGGANU** - Seorang Pegawai Perancang Bandar dan Desa mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM4,500 tiga tahun lalu.

Tertuduh, Zariman Ibrahim, 41, semasa kejadian berkhidmat di Majlis Daerah Besut membuat pengakuan tidak bersalah itu selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Dazuki Ali.

Mengikut pertuduhan, tertuduh sebagai penjawat awam gred J41 didakwa menerima wang berjumlah RM4,500 melalui akaun peribadinya dengan tiada balasan daripada seorang individu yang mengetahui beliau mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasminya.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu pada 4 September 2018 yang merupakan kesalahan mengikut

Seksyen 165 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen sama.

Jika disabitkan kesalahan, tertuduh boleh dihukum penjara sehingga tempoh tidak melebihi dua tahun atau didenda atau kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Farah Yasmin Salleh dan tertuduh tidak diwakili peguam bela.

Sejurus pengakuan tidak bersalah direkodkan, mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM5,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah dan perlu melaporkan diri di pejabat SPRM setiap 1 hari bulan sehingga kes selesai.

Mahkamah menetapkan sebutan semula kes untuk serahan dokumen dan lantikan peguam pada 9 Mac depan.

FOTO: BERNAMA



Zariman mengaku tidak bersalah atas pertuduhan menerima rasuah RM4,500 di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu pada Selasa.



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

SINAR HARIAN: 10/02/2021 (Rabu)



## Bekas penolong pengurus perolehan Paip didenda RM20,000

**KUANTAN** - Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa menjatuhkan hukuman denda RM20,000 ke atas bekas penolong pengurus perolehan Pengurusan Air Pahang Berhad (Paip) selepas dia mengaku bersalah terhadap dua pertuduhan pilihan menerima rasuah berjumlah RM4,500 tiga tahun lalu.

Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain juga memerintahkan hukuman penjara 12 bulan ke atas Rosman Mohad Basir, 42, yang juga pemegang kad orang kurang upaya (OKU), jika gagal membayar denda tersebut.

Rosman mengaku bersalah menerima suapan RM3,000 dan RM1,500 daripada seorang ahli perniagaan pada 4 April dan 21 Ogos 2018, secara tunai di Bandar Indera Mahkota di sini, sebagai balasan selepas mendedahkan maklumat perolehan projek di bawah Paip.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Wan Shahrudin Wan Ladin mengikut Seksyen 25(1) Akta SPRM 2009 yang boleh dihukum penjara maksimum 10 tahun atau denda tidak lebih RM100,000 atau kedua-duanya.

Sekitar 2017 hingga 2019, antara bidang tugas tertuduh yang berasal dari Raub ialah menyemak senarai kontrak dan memasukkan sebut harga pembekal selain bertanggungjawab menyemak senarai dan maklumat kontraktor.

### RASUAH

Pada prosiding itu, peguam Zulfitri Yong merayu supaya anak guamnya tidak dipenjarakan kerana masih menerima rawatan fisioterapi di sebuah hospital selepas mengalami serangan angin ahmar selain telah memberikan kerjasama sepanjang siasatan dijalankan.

Pada prosiding berasingan, Ahmad Zamzani menjatuhkan hukuman denda RM15,000 ke atas pengarah sebuah syarikat pembungkusan minyak masak, Ibrahim Lamri, 59, selepas dia mengaku bersalah memalsukan invoice tuntutan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dua tahun lalu.

Ahmad Zamzani memerintahkan Ibrahim yang beralamat di Semambu di sini, dipenjarakan selama lapan bulan jika gagal menjelaskan denda yang dikenakan.

Ibrahim didakwa mengemukakan invoice palsu dalam tuntutan bayaran bantuan kewangan kepada kilang penapis/pembungkus minyak sawit tulen kepada KPDNHEP bagi Mac 2019 melibatkan bayaran RM3,430.89 di Taman Teknologi Pahang di sini, pada 5 April 2019.

Bagi kesalahan itu, bapa kepada lima orang anak itu didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman maksimum penjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan. - *Bernama*



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

SINAR HARIAN: 10/02/2021 (Rabu)



## Bekas pegawai kebudayaan didenda RM40,000

**IPOH** - Bekas Pegawai Kebudayaan Kumpulan Selendang Perak di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak didenda RM40,000 oleh Mahkamah Sesyen Ipoh pada Selasa selepas mengaku bersalah atas dua pertuduhan menerima suapan berjumlah RM25,500, tiga tahun lalu.

Hakim S Indra Nehru menjatuhkan hukuman itu terhadap Herman Ibrahim, 46, selepas mengaku bersalah bagi pertuduhan pilihan itu.

Mahkamah turut memerintah tertuduh membayar RM45,000 kepada kerajaan Malaysia bagi pemulangan semula semua harta yang disita daripada tertuduh ketika operasi iaitu kedai dobi dan barang kemas.

Berdasarkan pertuduhan, Herman didakwa atas enam pertuduhan menerima suapan dengan jumlah keseluruhan RM257,600 antara November 2018 hingga Februari 2019.

Semua kesalahan itu dilakukan di tempat dan waktu berbeza ketika ber-



Herman didenda RM40,000 oleh Mahkamah Sesyen Ipoh pada Selasa selepas mengaku bersalah atas dua pertuduhan menerima suapan berjumlah RM25,500, tiga tahun lalu.

tugas sebagai ejen kepada Sekretariat Sukma XIX Perak 2018.

Pendakwaan terhadapnya dibuat mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan.

Dia bagaimanapun dilepaskan dan dibebaskan bagi empat pertuduhan lain di bawah Seksyen 171A Kanun Prosedur Jenayah.

Peguam Khairil Azwar Khalil yang mewakili tertuduh memberitahu mahkamah bahawa pihak pembelaan dan pendakwaan telah mengadakan Akuan Run-

dingan dan dipersetujui semua pihak mengikut Seksyen 172C Kanun Tatacara Jenayah.

Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Wahida Jaluiddin yang mengendalikan kes itu bersetuju dengan rundingan tersebut dan mengesahkan borang akuan berkenaan.

Selepas meneliti dan mengambil kira hujah pihak pembelaan dan pendakwaan, mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM20,000 dan jika gagal bayar dipenjara lapan bulan bagi setiap pertuduhan.



# KERATAN AKHBAR (*Februari 2021*)

HARIAN METRO: 10/02/2021 (*Rabu*)



## Bekas penjawat awam didenda RM40,000 kes terima suapan RM25,500

**Ipoh:** Bekas penjawat awam didenda RM40,000 oleh Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, selepas mengaku bersalah atas dua pertuduhan menerima suapan RM25,500, ketika bertugas sebagai ejen kepada Sekretariat SUKMA XIX Perak 2018, tiga tahun lalu.

Hakim S Indra Nehru membuat keputusan itu terhadap tertuduh, Herman Ibrahim, 46, yang juga bekas Pegawai Kebudayaan Kumpulan Selendang Perak di Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Perak.

Terdahulu, tertuduh didakwa dengan enam pertuduhan menerima suapan antara 15 November 2018 hingga 18 Februari 2019, membabitkan nilai RM257,600 yang mana tertuduh mengaku tidak bersalah atas kesemua pertuduhan yang dikenakan ke atasnya.

Semua pertuduhan berkenaan adalah mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali bagi setiap pertuduhan.

Bagaimanapun tertuduh yang diwakili peguam Khairil Azwar Khalil menukar pengakuannya kepada bersalah terhadap dua daripada enam pertuduhan itu dalam prosiding hari ini.

Dua pertuduhan berkenaan membabitkan penerimaan suapan sebanyak RM7,500 dan RM18,000 daripada dua individu berbeza yang mempunyai kaitan urusan rasmi dengan tertuduh ketika itu, masing-masing pada 15 dan 18 November 2018.

Sementara untuk empat lagi pertuduhan, tertuduh dilepas dan dibebaskan mengikut Seksyen 171A Kanun Prosedur Jenayah selepas menerima tawaran oleh pihak pendakwaan yang dikelola Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Nurul Wahida Jaluddin.



# KERATAN AKHBAR (*Februari 2021*)

*HARIAN METRO: 10/02/2021 (Rabu)*



Hakim menjatuhkan hukuman denda RM20,000 bagi setiap daripada dua pertuduhan yang tertuduh mengaku bersalah atau lapan bulan penjara jika gagal membayar denda bagi setiap pertuduhan yang dihadapi.

Mahkamah turut memerintahkan harta yang disita oleh SPRM daripada tertuduh iaitu sebuah kedai dobi dan barangan kemas dipulangkan kembali kepada tertuduh dengan bayaran RM45,000 dibayar kepada Kerajaan Malaysia.



# KERATAN AKHBAR (*Februari 2021*)

HARIAN METRO: 10/02/2021 (*Rabu*)



HERMAN diiringi anggota polis di Mahkamah Sesyen Ipoh, semalam.

## **Denda RM40,000 rasuah RM25,500**

**Ipoh:** Seorang bekas penjawat awam dijatuhi hukuman denda RM40,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah terhadap dua pertuduhan menerima suapan RM25,500 pada 2018.

Hakim S Indra Nehru turut memerintahkan Herman Ibrahim, 46, bekas Pegawai Kebudayaan Kumpulan Selendang Perak di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak itu dipenjara lapan bulan lagi bagi setiap pertuduhan jika gagal membayar denda.

Herman bagaimanapun dilepas dan dibebaskan daripada empat pertuduhan menerima suapan RM232,100 di tempat dan masa berbeza pada 2018 dan 2019 mengikut Seksyen 171A Kanun Prosedur Jenayah selepas semua pertuduhan diambil kira pihak pendakwa-

an. Indra Nehru membuat keputusan hasil rundingan akuan dan persetujuan pihak pembelaan serta pihak

pendakwaan mengikut Seksyen 172C Kanun Tatacara Jenayah.

Terdahulu, Herman mengaku bersalah atas pertuduhan menerima wang RM7,500 sebagai balasan daripada pemilik syarikat Pro Explore Event Management, Mohd Zulkhibri Abdul Mutalib di Public Bank Berhad, Jalan Sultan Idris Shah di sini, pada 15 November 2018 ketika bertugas sebagai ejen kepada Sekretariat Sukma XIX Perak 2018.

Dia mengaku bersalah atas pertuduhan menerima RM18,000 daripada pemilik Syarikat Shadess Event Planner yang mempunyai hubungan dengan kerja rasminya di sekitar kawasan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di sini, pada 18 November 2018.

Hakim turut mengarahkan harta sitaan daripada Herman iaitu kedai dobi dan barang kemas dipulangkan kembali dengan bayaran RM45,000 kepada Kerajaan Malaysia.





# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

HARIAN METRO: 10/02/2021 (Rabu)



## Terima suap RM4,500 denda RM20,000

**Kuantan:** Mahkamah Sesyen di sini, semalam menjatuhkan hukuman denda RM20,000 ke atas bekas penolong pengurus perolehan Pengurusan Air Pahang Berhad (Paip) selepas dia mengaku bersalah terhadap dua pertuduhan pilihan menerima rasuah RM4,500, tiga tahun lalu.

Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain juga memerintahkan hukuman penjara 12 bulan ke atas Rosman Mohad Basir, 42, yang juga pemegang kad

orang kurang upaya (OKU), jika gagal membayar denda berkenaan.

Rosman mengaku bersalah menerima suapan RM3,000 dan RM1,500 daripada seorang ahli perniagaan pada 4 April dan 21 Ogos 2018, secara tunai di Bandar Indera Mahkota, di sini, sebagai balasan selepas mendedahkan maklumat perolehan projek di bawah Paip.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Wan Shaharuddin Wan Ladin mengikut Seksyen 25(1) Akta SPRM 2009 yang boleh dihukum penjara maksimum 10 tahun atau denda tidak lebih RM100,000 atau kedua-duanya.

Sekitar 2017 hingga 2019, antara bidang

tugas tertuduh ialah menyemak senarai kontrak dan memasukkan sebut harga pembekal selain bertanggungjawab menyemak senarai dan maklumat kontraktor.

Pada prosiding itu, peguam Zulkifli Yong merayu supaya anak guamnya tidak dipenjarakan kerana masih menerima rawatan fisioterapi di hospital selepas mengalami serangan angin ahmar selain memberikan kerjasama sepanjang siasatan dijalankan. -Bernama.

**Rosman mengaku terima suapan RM3,000 dan RM1,500 daripada seorang ahli perniagaan**



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

**SINAR HARIAN: 11/02/2021 (Khamis)**



Jenayah rasuah perlu diterap dalam silibus pelajaran



TENGU HAPHIZ

**KUALA TERENGGANU** - Pendedahan terhadap jenayah rasuah perlu dimulakan di peringkat sekolah.

Ketua Pemuda UMNO Terengganu, Tengku Haphiz Tengku Putera berkata, penekanan terhadap jenayah rasuah perlu diterapkan melalui silibus pelajaran.

"Silibus pelajaran di sekolah juga mesti diterap secara serius isu berkaitan rasuah, misalnya, setiap subjek teras sentiasa memberi penekanan terhadap isu rasuah selain diwujudkan juga persatuan atau kelab pencegahan rasuah.

"Soalan peperiksaan, contohnya Bahasa Melayu, diwajibkan ada soalan pilihan untuk esei berkaitan rasuah. Begitu juga di universiti," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, usaha mengekang dan membanteras amalan rasuah perlu dilaksanakan di semua peringkat sehingga ke akar umbi.

Katanya, langkah itu perlu dilakukan kerana budaya rasuah tidak terhad kepada kelompok tertentu.

"Kajian menunjukkan sebanyak 22.1 peratus hingga 51.4 peratus kelompok utama rakyat di negara ini termasuk mahasis-

wa dan penjawat awam sedia menerima rasuah.

"Amalan rasuah perlu dibanteras bermula daripada akar masyarakat. Ia harus ditangani secara jihad dengan asas nahi mungkar. Sebagai umat Islam, perkara ini bukan main-main lagi," katanya.

Dalam pada itu, ujarinya, usaha secara bersama perlu bagi membanteras jenayah itu, bukan sahaja kepada penerima bahkan kepada pemberi rasuah.

"Mahu tidak mahu, ruang untuk memberi rasuah mesti disekat supaya tidak berlaku permulaan rasuah iaitu ruang penerima rasuah," tegas beliau.

Tengku Haphiz menambah, sikap individu yang mengambil jalan singkat untuk meraih keuntungan segera dan ingin terlepas daripada dikompaun atau denda menyebabkan mereka memilih melakukan jenayah itu.

Selain itu, katanya, sistem libat urus dalam membuat sesuatu keputusan berkaitan projek yang hanya melibatkan seorang atau dua orang turut menyumbang kepada amalan rasuah.

Beliau berkata, banyak cara boleh dilakukan bagi membanteras rasuah antaranya bermula di peringkat jabatan dan agensi.

"Setiap jabatan atau kementerian perlu mempunyai unit atau badan penguat kuasa rasuah di mana mereka perlu berhubung terus di bawah arahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan tidak tertakluk kepada arahan jabatan atau kementerian supaya siasatan boleh dibuat dengan tiada unsur 'takut bos'.

"Selain itu, orang awam yang bekerjasama membantu menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa juga wajar dihargai dengan memberikan sedikit ganjaran sebagai tanda penghargaan," katanya.

**Soalan peperiksaan, contohnya Bahasa Melayu, diwajibkan ada soalan pilihan untuk esei berkaitan rasuah. Begitu juga di universiti."**



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

SINAR HARIAN: 11/02/2021 (Khamis)



## Mudah terpengaruh kerana iman tak kuat

Didikan agama dapat elak seseorang leka kejar kemewahan untuk diri sendiri

Oleh SARINAH MAT KASIM

SEREMBAN



MIA NURHAMIZAH

U saha memerangi kes rasuah perlu diperhebatkan bermula dari sekarang bagi memastikan generasi akan datang bersih dan bebas rasuah.

Presiden Pertubuhan Ikon Malaysia, Mia Nurhamizah Abdul Ghapar berkata, penghayatan, didikan agama dan moral merupakan pedoman serta panduan yang dapat membantu dalam menempuh pelbagai cabaran kehidupan.

Katanya, seseorang yang tidak mempunyai iman yang kuat mudah terpengaruh dengan dunia hedonistik yang mementingkan kebendaan semata-mata.

"Biasanya mereka yang

ingin hidup mewah akan leka mengejar kekayaan dan mudah terjebak dengan jenayah rasuah untuk memenuhi kepentingan diri sendiri.

"Namun jika iman seseorang itu kuat dan teguh serta takut dengan hukuman dunia dan akhirat, pasti amalan itu dapat dijauhi," katanya kepada *Sinar Harian*.

Tambahnya, rasuah kini merupakan wabak sosial yang mesti dibanteras hingga ke akar umbi bukan sahaja di peringkat atasan, malah rakyat marhaen juga perlu diberi perhatian.

Kata Mia, semua pihak tidak kira pangkat atau kuasa seharusnya menggembleng

Biasanya mereka yang ingin hidup mewah akan leka mengejar kekayaan dan mudah terjebak dengan jenayah rasuah untuk memenuhi kepentingan diri sendiri."

tenaga dan berganding bahu berusaha untuk mengatasi gejala rasuah di negara ini.

"Jika setiap individu memainkan peranan dengan mengelakkan diri daripada mengambil dan memberi rasuah, pasti masalah ini dapat ditangani.

"Selain itu, pihak kerajaan seharusnya melancarkan kempen, iklan yang efektif dengan menggunakan media massa secara holistik, seperti yang dilakukan *Sinar Harian* termasuk menggunakan medium internet untuk memastikan setiap lapisan masyarakat terdedah dengan usaha memerangi rasuah," katanya.



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

**SINAR HARIAN: 11/02/2021 (Khamis)**



## NGO jadi mata, telinga SPRM

KUANTAN - Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Gerakan Rakyat Hentikan Pencemaran Bauksit (Geram) sedia menjadi mata dan telinga Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam memerangi gejala rasuah melibatkan isu alam sekitar di negeri ini.

Pengerusinya, Ali Akbar Othman berkata, sebagai NGO yang memperjuangkan isu alam sekitar, beliau melihat isu rasuah melibatkan alam sekitar juga perlu diberi tumpuan dan diperangi habis-habisan.

Menurutnya, gejala rasuah boleh berlaku dalam pelbagai sektor dan tidak terkecuali dalam aktiviti melibatkan alam sekitar.

"Kita juga bimbang rasuah turut menyumbang kepada pelanggaran undang-undang yang akhirnya mengundang kemusnahan alam sekitar dan menjejaskan kehidupan orang ramai," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.

Ali Akbar berkata, sebagai NGO, mereka tiada kuasa untuk mengambil tindakan, namun sebagai pejuang alam sekitar, pihaknya boleh turut serta memainkan peranan membantu pihak berkuasa memerangi permasalahan itu.



ALI AKBAR

"Kita sebenarnya memang menuju ke arah itu lebih-lebih lagi selepas turut dilibatkan dalam program SPRM Pahang sejak tiga tahun lalu.

"Kita ada kesedaran untuk menjaga dan memelihara khazanah alam sekitar dan usaha bersama memerangi rasuah dalam isu ini juga sebahagian daripada usaha itu," katanya.

Beliau berkata, sebarang aktiviti penceroakan hutan baik bagi tujuan pembangunan, pembalakan, perlombongan dan sebagainya perlu mengikut prosedur dan mematuhi syarat ditetapkan.

"Jangan sesekali menjadikan rasuah sebagai jalan mudah untuk menidakkan peraturan demi keuntungan dan kepentingan individu atau kelompok tertentu," katanya.

Tambah beliau, sebagaimana usaha pihak *Sinar Harian* menggerakkan kempen memerangi rasuah melalui Sinar Untuk Malaysia #NilaiMoralKarakterBangsa bagi membanteras rasuah dan membina semula negara, NGO juga perlu bersama-sama memainkan peranan.

"Ahli NGO itu sendiri perlu ada kesedaran untuk tidak sesekali menghulur atau menerima rasuah," katanya.



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

SINAR HARIAN: 11/02/2021 (Khamis)



## Bisnes dan rasuah berjalan seiring?



PERSPEKTIF  
DATUK SERI AKHBAR SATAR

Ada orang berkata bisnes dan rasuah berjalan seiring, benarkah? Salah seorang ahli perniagaan yang tersohor dan juga salah seorang Ahli Lembaga Pencegah Rasuah Malaysia berpendapat kenyataan ini tidak benar, malah tidak dapat dipertahankan.

Di peringkat antarabangsa adalah jelas di antara negara-negara yang mempunyai reputasi terbaik kerana amalan rasuah pada tahap minima. Sebagai contoh New Zealand dan Sweden merupakan negara-negara yang paling kurang rasuah di dalam Indeks Persepsi Rasuah 2020 (CPI 2020) merupakan antara negara yang paling disenangi untuk menjalankan perniagaan.

Dalam persekitaran urusniaga negara-negara ini, bukan saja amalan ketelusan diutamakan, malah tahap kesedaran antirasuah juga berada pada tahap yang amat tinggi. Negara-negara ini mempunyai ekonomi yang maju, mantap dan didukung institusi berbilang yang bebas.

Apabila wujud tanggapan 'bisnes dan rasuah berjalan seiring' maka ia adalah petanda dan salah satu ciri ekonomi serta amalan perniagaan dalam negara yang sedang membangun di mana urus tadbir tidak sejajar dengan amalan baik.



Jenayah rasuah atau bisnes dan rasuah seiring boleh berlaku di mana-mana sahaja sama ada oleh orang dalam sesebuah agensi atau organisasi sendiri ataupun ekoran kerjasama atau pembabitian pihak luar dan syarikat.

kaya raya melalui pendapatan yang tidak halal.

Della Porta and Vannucci dalam kajian rasuah di Italy berpendapat bahawa *corrupt exchanges between public officials and business managers are usually sustained through networks of politicians, business, mafia and middlemen. Corruption operates successfully because of a complex web of relationships between public officials (bribe-receivers), business cartels (bribe-givers), middlemen (act as consultants or agents) and organised crime (play a covert enforcement role) that ensure 'flow of information' (discretionary powers) in exchange for 'money' (bribes) with the underlying element of 'trust'.*

Tambah beliau, ia berlaku sama di negara-negara lain. Individu atau kelompok tertentu yang mempunyai

meminta syarikat-syarikat tertentu memasuki sebut harga dengan harga yang lebih tinggi, sengaja mencipta sebut harga dengan menggunakan kepala surat atau profil syarikat-syarikat tertentu sedangkan syarikat tersebut sendiri tidak tahu-menahu mengenainya dan berpakat dengan syarikat pembekal untuk mendapatkan sebut harga lima syarikat yang lain sebagai syarat mematuhi peraturan.

### Sogok

Bentuk-bentuk kesalahan kerap dilakukan oleh syarikat pembekal pula termasuklah menyogok pegawai untuk memenangi projek atau kontrak ditawarkan, peranan orang tengah yang mengumpulkan profil-profil syarikat lain untuk memasuki sebut harga, meraikan pegawai bagi tujuan melobi projek, membayar rasuah untuk

mereka kena bagi wang rasuah walaupun bisnes dibuat secara betul lurus ikut prosedur bagi permohonan lesen, permit, kebenaran atau kelulusan.

Dalam negara-negara membangun, gejala tersebut di atas amat berleluasa. Dalam dekad-dekad terkini juga terdapat juga negara-negara maju yang Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2020 merosot terjerumus ke arah keruntuhan moral, etika dan amalan rasuah melibatkan kecanggihan perancangan untuk mengelak kongkongan undang-undang untuk meminggirkan pematuhan sebagai satu langkah mencapai kelebihan.

Akhirnya mengatasi rasuah dan mengikis amalan rasuah perlulah bermula dengan setiap individu secara spontan dan nilai murni yang menjadi pedoman hidup.

Justeru, pemimpin, ahli politik ketua-ketua jabatan perlu lebih bertanggungjawab, akauntabiliti dan peka terhadap perlakuan rasuah, salah guna kuasa, penyalahgunaan. Mereka tidak harus melepaskan tangan dan tahu membezakan kuasa budi bicara sehingga berlakunya penyalahgunaan kuasa.

Setiap ketua jabatan perlu membentuk sistem pemantauan dan kelulusan berlapis. Ia bukan bertujuan untuk mewujudkan kerenah birokrasi tetapi mengurangkan keputusan terhadap sesuatu pembelian berpusat kepada seseorang individu sahaja. Tetapi agar efektif sebagai ketua mereka hendaklah menjadi putih dari putih.

Pemeriksaan mengejut ke atas pelaksanaan projek wajar dilaksanakan bertepatan dengan konsep turun



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

SINAR HARIAN: 11/02/2021 (Khamis)



Kebanyakan negara-negara ini terdiri daripada kedudukan CPI yang rendah dan tercorot termasuk Malaysia. Natiujahnya, tiada siapa mahu melancong apatah lagi melabur jika indeks rasuahnya teruk sekali gus menjejaskan ekonomi. Jenayah rasuah atau bisnes dan rasuah sciring boleh berlaku di mana-mana sahaja sama ada oleh orang dalam sesebuah agensi atau organisasi sendiri ataupun ekoran kerjasama atau pembabitan pihak luar dan syarikat.

Apabila kerajaan memperkenalkan dasar penswastan dan *Malaysian Incorporated*, penekanan diberikan meningkatkan kerjasama sektor awam dan swasta untuk mempergiatkan lagi proses pembangunan negara.

Malangnya dasar itu disalah guna serta diktsploitasi, bersekongkol oleh kedua-dua belah pihak termasuk ahli politik dan pegawai kanan kerajaan (penerima) dengan ahli perniagaan (pemberi) yang tiada integriti kerana ghairah hendak cepat kaya.

Rasuah dibayar untuk mendapatkan keistimewaan dan kelebihan demi mendapat keuntungan lebih. Mereka merosakkan dasar kerajaan dan menyebabkan lahir segelintir menjadi

pengaruh atau kekuasaan boleh berbuat sesuatu untuk mendapat keuntungan dan kepentingan peribadi. Ada yang berselindung dengan syarikat tertentu. Pemilik benefisiari ini iaitu pemilik sebenar syarikat atau harta hanya boleh diketahui apabila Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) meminda Akta SPRM 2009 kelak.

Berdasarkan aduan rasuah, SPRM mendapati 63 peratus melibatkan pegawai sektor awam, sektor perolehan 43 peratus dan penguatkuasaan 24 peratus. Ini adalah kerana *public sector that has the power that is exchangeable with money*.

SPRM mengenal pasti 16 bentuk penyelewengan yang kerap berlaku dalam sistem perolehan melibatkan pegawai yang diberi amanah berkaitan urusan perolehan dan perbekalan.

Ia termasuklah menerima komisen antara lima hingga 10 peratus berdasarkan harga projek daripada syarikat-syarikat yang berjaya, membocorkan maklumat termasuk nilai kontrak kepada kontraktor tertentu, menciplak kertas cadangan dikemukakan oleh pihak tertentu dan kemudian memberi kepada syarikat lain, sengaja

mendapatkan surat sokongan orang-orang kenamaan, membuat tuntutan penuh sedangkan perbekalan barangan tidak lengkap atau mencukupi dan mengurangkan kualiti barangan yang dibekalkan.

Wujudnya hubungkait antara bisnes dan rasuah adalah disebabkan amalan rasuah perlu dilakukan untuk mengelakkan sebarang rintangan daripada pihak berkuasa iaitu mendapat sesuatu urusan dengan kadar segera, mendapat sesuatu melalui saluran pintas dan mengelak sebarang tindakan penguatkuasaan.

Amalan rasuah juga merupakan satu amalan untuk mendapat keistimewaan kelulusan dan syarat lebih longgar, memperdaya kerajaan dari segi bayaran cukai dan hasil negara, elakkan aktiviti haram dan tanpa izin - umpama membawa masuk pendatang asing tanpa izin (PATI).

Perlu ditekankan di sini bahawa pendirian kebanyakan golongan peniaga adalah tiada sebab seseorang peniaga rela mengeluarkan wang bayaran rasuah jika bukan kerana sudah terpaksa. Buat apa mereka hendak habiskan wang mereka sendiri. Tetapi kerana terpaksa

padang. Syarikat-syarikat pembekal atau kontraktor yang gagal memenuhi syarat kontrak atau sebut harga wajib disenarai hitam dan diambil tindakan undang-undang.

Meskipun pihak berkuasa telah memperbaiki sistem dan prosedur berbanding situasi satu atau dua dekad yang lalu, memandangkan isu rasuah dan ketirisan masih mendapat perhatian termasuk hasil Laporan Ketua Audit Negara, prosedur operasi standard (SOP) sistem pengurusan kewangan Kementerian Kewangan terutama dari segi kuasa budi bicara (*discretion power*) perlu diteliti semula. Ini termasuk sistem audit sendiri.

Dalam hal ini kerjasama orang ramai juga penting memberi sokongan penuh bagi membolehkan SPRM bertindak dengan efektif dan bebas.

Jika setiap individu mempunyai kesedaran etika kerja, mengamalkan sikap integriti dan amanah dalam menjalankan tugas atau bisnes maka rasuah dapat diatasi dengan baik.

*\* Datuk Seri Akhbar Satar ialah Presiden Persatuan Pemeriksa Fraud Bertauliah Malaysia (MACFE)*



# KERATAN AKHBAR (*Februari 2021*)

THE STAR: 11/02/2021 (*Khamis*)



## Committed to fighting corruption

AS chairman of MDEC (Malaysia Digital Economy Corporation), I support initiatives to address the scourge of corruption in Malaysia.

Corruption hurts the poor disproportionately, diverts funds intended for development, leaks precious public resources, and undermines a government's ability to provide basic services.

MDEC is strongly committed to radical transparency, accountability and integrity under its "Reinvent" mission, which will drive our strategy moving forward, thereby ensuring that we serve the rakyat and industry better.

MDEC has taken serious measures to improve administrative processes. Recently, we engaged KPMG and Ernst & Young to provide expert counsel to further strengthen governance in the organisation.

As an example, we have eliminated direct negotiation and closed tenders practices, and instituted an

open tender system. We recently introduced Discretionary Authority Limits (DAL), which clearly specifies the limits of authority, processes and reporting that will govern the utilization of all MDEC grant disbursement and resources.

MDEC's "Reinvent" mission promotes governance processes and policies that uphold competency, accountability and radical transparency with an emphasis on "know-how" instead of "know-who" as the key criterion in fair and transparent evaluation.

As an agency under the Communications and Multimedia Ministry, MDEC leads the aspiration of Malaysia to establish itself as a regional digital powerhouse at the forefront of the Fourth Industrial Revolution.

**DATUK WIRA DR HJ RAIS  
HUSSIN MOHAMED ARIFF**  
Chairman  
MDEC



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)



BERITA HARIAN: 11/02/2021 (Khamis)

*Kes rasuah projek tenaga solar sekolah*

## Nasib Rosmah diketahui 18 Februari

Isteri bekas Perdana Menteri berdepan tiga pertuduhan minta suapan

Oleh Farah Marshita Abdul Patah  
farahmarshita@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Keputusan sama ada Datin Seri Rosmah Mansor akan dilepaskan atau dipanggil membela diri atas tuduhan rasuah berhubung projek tenaga solar di sekolah luar bandar Sarawak, akan diketahui 18 Februari ini.

Hakim Mahkamah Tinggi Mohamed Zaini Mazlan, menetapkan tarikh itu selepas mendengar hujah-hujah pihak pendakwaan dan peguam yang mewakili isteri bekas Perdana Menteri itu, semalam.

Rosmah menghadapi satu tuduhan meminta wang berjumlah

RM187.5 juta dan dua pertuduhan menerima suapan berjumlah RM6.5 juta daripada bekas Pengarah Urusan Jepak Holdings Sdn Bhd Saidi Abang Samsudin.

Pada 15 November 2018, beliau mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, atas dua tuduhan meminta rasuah wang tunai RM187.5 juta dan menerima RM1.5 juta berhubung projek pembekalan dan pemasangan tenaga solar di sekolah luar bandar di Sarawak.

Bagi pertuduhan pertama, Rosmah didakwa meminta suapan untuk dirinya sendiri RM187.5 juta, yang dibuat melalui bekas pegawai khususnya Datuk Rizal Mansor, iaitu 15 peratus nilai kontrak daripada Saidi.

Wang berkenaan sebagai upah membantu Jepak Holdings mendapatkan projek dikenali sebagai Projek Bersepadu Sistem Solar Photovoltaic (PV) Hibrid dan Penyelenggaraan serta Operasi Gen-set/Diesel bagi 309 Sekolah Luar Bandar Sarawak yang bernilai RM1.25 bilion secara rundingan terus daripada Kementerian Pendidikan.



Rosmah keluar dari Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Hairul Anwar Rahim/BH)

Rosmah didakwa melakukan perbuatan itu di Lygon Bistro, G-24, Ground Floor, Sunway Putra Mall, 100, Jalan Putra, Chow Kit dekat sini antara Mac dan April 2016.

Bagi pertuduhan kedua, beliau didakwa menerima rasuah berjumlah RM1.5 juta daripada Saidi sebagai upah membantu Jepak Holdings mendapatkan projek itu di No 11, Jalan Langgak Duta, Taman Duta, pada 7

September 2017.

Rosmah didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Sabit kesalahan, ia memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana yang lebih tinggi.

Pada 10 April 2019, Rosmah sekali lagi dihadapkan ke Mahkamah Sesyen atas pertuduhan menerima suapan RM5 juta daripada Saidi menerusi Rizal kerana membantu Jepak Holdings mendapatkan projek serupa di tempat sama di Jalan Langgak Duta.

Semua kes itu sudah dipindahkan dari Mahkamah Sesyen ke Mahkamah Tinggi untuk percabaran yang bermula 5 Februari tahun lalu.



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)



BERITA HARIAN: 11/02/2021 (Khamis)

## Timbalan Presiden AMANAH dinasihati lapor SPRM

**Kuala Lumpur:** Timbalan Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), Datuk Seri Salahuddin Ayub dinasihati membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ia susulan dakwaan bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani itu pernah menerima tawaran percutian mewah oleh individu dipercayai mewakili kartel daging import ketika baru beberapa bulan dilantik ke jawatan itu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki, berkata pihaknya bersedia menjalankan siasatan berhubung pendedahan itu.

"Sekiranya Salahuddin mengakui pernah menerima tawaran percutian mewah daripada syarikat pengimport daging ketika menjadi menteri itu benar-benar berlaku, beliau perlu tampil membuat aduan kepada SPRM," ka-

tanya kepada *BH*, semalam.

Salahuddin sebelum ini mengakui pernah didatangi wakil syarikat 'kartel' di pejabat kementerian dan menawarkan percutian kelas pertama ke Eropah.

Difahamkan, tindakan kartel itu bagi memastikan syarikat mereka menjadi 'pilihan' utama kementerian bagi urusan membawa masuk bekalan daging sejuk beku ke negara ini.

Salahuddin yang juga Ahli Parlimen Pulau itu turut mengakui terpaksa berdepan kerenah birokrasi agensi awam tertentu apabila mahu melakukan penambahbaikan prosedur mengimport bekalan daging sejuk beku.



**Jika Salahuddin mengakui pernah menerima tawaran percutian mewah daripada syarikat pengimport daging ketika menjadi menteri, beliau perlu buat aduan.**

**Azam Baki,**  
Ketua Pesuruhjaya SPRM



# KERATAN AKHBAR (*Februari 2021*)

*SINAR HARIAN: 15/02/2021 (Isnin)*



## Pegawai kerajaan beri kontrak RM36,000 kepada keluarga

**KOTA KINABALU** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang pegawai kerajaan yang disyaki menyalahgunakan kedudukannya dengan memberi kontrak bernilai kira-kira RM36,000 kepada ahli keluarga.

Menurut sumber, lelaki berusia 40-an yang bertugas di sebuah pusat latihan agensi kerajaan Persekutuan itu ditahan kira-kira jam 12.15 tengah hari pada Ahad di Pejabat SPRM Sabah.

Pengarah SPRM Sabah, S Karunanithy ketika dihubungi mengesahkan penahanan.

Katanya, suspek disiasat kerana disyaki memberikan

beberapa kontrak pembekalan dan pembaikan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta pembekalan makanan kepada ahli keluarga.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Karunanithy turut mengesahkan dua lagi individu ditahan susulan penahanan empat kakitangan sebuah agensi kerajaan Persekutuan di Sabah berhubung kesalahan mengemukakan tuntutan elaun perjalanan palsu pada Rabu lalu.

Menurut beliau, kakitangan daripada agensi yang sama berusia 39 dan 41 tahun itu ditahan kira-kira jam 12 tengah hari Ahad di Pejabat SPRM Sabah.



# KERATAN AKHBAR (*Februari 2021*)

SINAR HARIAN: 15/02/2021 (*Isnin*)



## Makan suap babitkan pelbagai bentuk dosa lain

**SHAH ALAM** - Salah laku rasuah merupakan dosa besar kerana turut menghimpunkan perbuatan atau dosa lain untuk menyokongnya.

Pensyarah Kanan di Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Dr Ahmad Sufian Che Abdullah berkata, rasuah tidak akan berlaku begitu tanpa dusta atau penipuan.

"Maknanya sebelum nak rasuah, seseorang itu kena menipu dahulu, kena ambil harta atau hak orang secara batil malah lebih buruk sehingga memberi bahaya atau mudarat kepada orang lain.

"Definisi rasuah juga luas, bukan setakat pemberian wang tetapi menu-

rut para fuqaha ia menjadi lebih besar kerana melibatkan penyalahgunaan kuasa, pilih kasih termasuk urus tadbir," katanya pada Wacana Al-Quran Siri 85 bertajuk 'Rasuah Dalam Perubatan' di Kumpulan Karangkrif di sini pada Jumaat.

Ahmad Sufian turut memberi contoh proses nepotisme atau 'kabel' juga merupakan rasuah. Jika bukan disebabkan wujud 'sistem kabel' ini, hukuman terhadap seseorang itu mungkin berbeza.

Mengulas lanjut, Ahmad Sufian berkata, rasuah bukan sahaja tidak diterima oleh Islam tetapi agama lain.

Beliau berkata, disebutkan juga dalam al-Quran bahawa ALLAH SWT melaknat orang yang memberi, menerima dan men-

jadi perantara salah laku rasuah.

"Dalam agama tiada peruntukan secara spesifik tentang hukuman terhadap jenayah rasuah mahupun riba tetapi pesalah jenayah ini boleh dikenakan hukuman takzir iaitu ruang yang lebih luas untuk kerajaan atau pemerintah menghukum mereka yang melakukan dosa besar.

"Rasuah ada impak besar dan kecil dan kadang-kadang boleh sebabkan kematian. Contoh rasuah dalam perubatan boleh membahayakan orang lain, justeru hukumannya bergantung kepada kesan dan Islam serahkan kepada



AHMAD SUFIAN

pemerintah untuk tentukan takzir," katanya.

Dalam pada itu, Ahmad Sufian memberitahu, untuk mengelakkan rasuah, penerapan nilai takwa serta amanah dalam masyarakat amat penting.

"Takwa banyak ditekankan dalam pelbagai aspek terutama al-Quran dan ia mampu menghalang seseorang daripada terjerumus dalam rasuah.

"Konsep amanah pula diterjemahkan melalui ketelusan kerana kuasa ketelusan boleh menjadi kunci mengelak rasuah," katanya.



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

SINAR HARIAN: 15/02/2021 (Isnin)



## Rasuah dalam sektor perubatan

Beli sijil cuti sakit, rasuah mempercepat temu janji doktor berlaku di hospital

Oleh HASNIZA HUSSAIN

SHAH ALAM

**RASUAH BUSTERS**



Disiarkan secara langsung bermula 19 Oktober pada hari Isnin hingga Jumaat setiap jam 6 petang menerusi platform digital Sinar Harian



Dari kiri: Fazrul, Amrahi, Ahmad Sufian dan Ahmad Tarmizi pada Wacana Al-Quran Siri 85 bertajuk 'Rasuah Dalam Perubatan' yang disiarkan secara langsung di Kumpulan Karangkrif, Shah Alam pada Jumaat.

**R**asuah dalam bidang perubatan boleh berlaku menerusi pelbagai bentuk dan selalunya dipengaruhi oleh niat atau nafsu seseorang.

Presiden Persatuan Farmasi Malaysia, Amrahi Buang berkata, rasuah yang jelas dan mudah dilakukan antaranya adalah membuat tuntutan bayaran, membeli sijil cuti sakit, serta rasuah untuk mempercepat urusan di kaunter, berjumpa doktor dan mengambil fail.

Beliau berkata, malah rasuah lebih besar boleh berlaku apabila pihak berkenaan terlibat dengan pembelian seperti peralatan perubatan atau berkaitan aspek pembangunan.

"Bagaimanapun, perubatan sebagai satu bidang yang sangat mulia sebenarnya mempunyai kod etika yang menghalang kakitangannya melakukan perkara bertentangan termasuk rasuah.

"Jika ada ahli farmasi umpamanya yang



AMRAHI

melanggar kod etika, mereka akan dihawa kepada Lembaga Farmasi Malaysia untuk tindakan selanjutnya," katanya pada Wacana Al-Quran Siri 85 bertajuk 'Rasuah Dalam Perubatan' yang disiarkan secara langsung di Kumpulan Karangkrif di sini pada Jumaat.

Turut menjadi panel program itu, Pengerusi Kanan di Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Dr Ahmad Sufian Che Abdullah.

Program itu dikendalikan oleh Ketua Pegawai Penyelidik Yayasan Warisan Ummah Ikhlas, Fazrul Ismail dan Qari, Ahmad Tarmizi Abdul Rahman memperdengarkan bacaan Surah al-Maidah ayat 42 dan Surah al-Baqarah ayat 188.

Mengulas lanjut, Amrahi berkata, jika melihat dari segi peraturan sektor awam juga terdapat perintah-perintah am yang sangat terperinci berkaitan hal ini tetapi rasuah tetap berlaku walaupun ada amaran seperti denda, gantung kerja atau hilang pencen jika dikesan terlibat.

Beliau berkata, contoh lain berkaitan

penguatkuasaan undang-undang yang menyeluruh adalah menerusi bidang farmaseutikal.

"Kita mempunyai Dasar Ubat Nasional yang telah diluluskan Kabinet.

"Dalam Dasar Ubat Nasional, salah satu komponennya disebut sebagai *good governance in medicine* atau tatakelolaan ubat dari mula hingga akhir iaitu daripada proses penyelidikan dibuat, pengeluaran, pengedaran ke institusi sehingga ia tiba ke tangan orang awam," katanya.

Menurutnya, perkara itu sudah ada dalam dasar tersebut dan Kementerian Kesihatan (KKM) juga melaksanakannya mengikut kerangka kerja yang diwujudkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Justeru katanya, berdasarkan kerangka kerja itu, di negara ini mempunyai dua garis panduan bagi mengekang rasuah dalam bidang perubatan iaitu garis panduan untuk anggota farmasi berurusan dengan wakil-wakil syarikat farmaseutikal dan pembekal serta garis panduan pemberian dan penerimaan hadiah anggota farmasi KKM.



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

SINAR HARIAN: 15/02/2021 (Isnin)



## Medium dakwah banteras rasuah

Manfaat pentas ceramah, kuliah terangkan kepada masyarakat mengenai hinanya rasuah

Oleh SAIFULLAH AHMAD

IPOH

Ceramah dan kuliah agama perlu dijadikan medium yang sentiasa relevan sepanjang zaman bagi membendung gejala rasuah dalam kalangan masyarakat.

Guru takmir, Mohd Hafez Sabri berkata, menjadi kewajipan umat Islam menggerakkan seluruh kaedah dakwah untuk membendung perbuatan kemungkaran agar dapat mengajak masyarakat kembali menjerjakan perkara yang makruf.

Menurutnya, pentas ceramah atau kuliah perlu dimanfaatkan semaksimum mungkin bagi menerangkan kepada masyarakat mengenai hinanya perbuatan rasuah itu.

“Kita akui pendekatan dakwah hari ini harus dipelbagaikan agar ia kekal relevan dan menepati keperluan kelompok sasaran.

“Namun apa yang ingin ditekankan adalah medium ceramah atau kuliah ini merupakan pembentukan modal insan melalui pendengaran. Mereka belajar sesuatu perkara baik atau buruk menggunakan pendengaran.

“Sama-sama kita berusaha menjadikan ceramah dan kuliah sebagai medium yang sentiasa relevan sepanjang zaman bagi



MOHD HAFEZ

membendung gejala tidak sihat seperti rasuah agar sentiasa menjadi peringatan buat semua,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Beliau hubungan itu berkata, guru takmir perlu memanfaatkan media sosial sebagai jambatan

kepada masyarakat selain daripada pusat pengajian, masjid dan surau.

Sebagai contoh, katanya, ceramah atau kuliah agama yang berlangsung di surau atau masjid kini boleh ditonton se-

siapa sahaja di seluruh dunia secara langsung menerusi Facebook, WhatsApp, Instagram dan medium-medium yang lain.

Menurutnya, dengan cara itu masyarakat berkesempatan menghubungi guru takmir yang berilmu itu untuk mendapatkan khidmat nasihat agar tidak terjebak ke kancah rasuah yang membinasakan.

Sementara itu, Mohd Hafez berkata, guru takmir mesti berperanan menjadi pembimbing dan memberi solusi terhadap sesuatu masalah atau isu dari perspektif Islam.

Menurutnya, tugas mereka bukan sahaja membimbing masyarakat tetapi turut membimbing pemerintah agar tidak terlibat dengan rasuah.



# KERATAN AKHBAR (*Februari 2021*)

**SINAR HARIAN: 15/02/2021 (Isnin)**



## Gesa siasat bekas menteri gagal lapor tawaran sogokan

**ALOR SETAR** - Polis Diraja Malaysia (PDRM) diminta menyiasat bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub di atas kegagalan beliau melaporkan tawaran percutian mewah yang diterima daripada sebuah syarikat kartel daging import.

Ketua Penerangan Pemuda Pas Kedah, Abdul Hadi Omar berkata, Timbalan Presiden Parti Amanah Negara itu menerusi laporan sebuah akhbar mendedahkan pernah menolak tawaran percutian kelas pertama ke Eropah selepas beberapa bulan dilantik sebagai menteri.

Katanya, pihaknya turut mempersoalkan mengapa Ahli Parlimen Pulaui itu ketika menjadi menteri tidak melaporkan kes sogokan seperti yang didakwa kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

“Lima orang kakitangan Kementerian Kewangan telah didenda oleh mahkamah kerana gagal melaporkan kesalahan sogokan berlaku dua tahun

lalu dan buat pertama kali mereka didakwa di bawah Seksyen 25(1) Akta SPRM 2009 (Akta 694).

“Kenyataan Salahuddin mendedahkan kesalahannya kerana melanggar Seksyen 25(1) yang mewajibkan mana-mana pegawai badan awam yang diberi, dijanjikan atau ditawarkan apa-apa suapan untuk melaporkan pemberian, janji atau tawaran itu kepada pegawai SPRM atau PDRM yang paling hampir,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Setar pada Ahad.

Turut hadir Exco Pemuda Pas Kedah, Adnan Yusuf dan Ikram Zaki Mohd.

Abdul Hadi berkata, pihaknya turut menganggap kegagalan Salahuddin melaporkan kes sogokan tersebut kepada SPRM menggambarkan integriti rendah kerajaan Pakatan Harapan ketika berkuasa.



Abdul Hadi (tengah) membuat laporan polis di IPD Kota Setar pada Ahad.



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

SINAR HARIAN: 15/02/2021 (Isnin)



## Beri kebebasan media lapor berita benar, telus

**KUALA TERENGGANU** - Semua media berdaftar di negara ini tidak kira media cetak mahupun elektronik seharusnya diberi ruang serta kebebasan untuk memainkan peranan sebagai cermin masyarakat.

Peguam Mazlan Md Zain berkata, media perlu digalakkan untuk membuat laporan yang tepat dengan mendapat sokongan dan perlindungan daripada pihak yang memiliki 'kuasa' dan jangan sesekali memberi sebarang tekanan pada laporan berita dengan meletakkan pelbagai syarat tidak munasabah.

"Sebagai contoh, membenarkan media melaporkan kes-kes tertentu sahaja dengan alasan perlu menjaga sensitiviti individu tersebut selain menetapkan beberapa syarat lain antaranya tidak boleh memaparkan wajah tertuduh, tidak boleh memaklumkan nama atau jawatan dan lain-lain.

"Jadi, bagaimana pihak media hendak menjalankan peranan media yang umum sedia maklum media merupakan tiang keempat selain Eksekutif, Kehakiman dan Parlimen dalam sistem demokrasi hari ini," katanya kepada *Sinar Harian* baru-baru ini.

Mazlan berkata, secara peribadi, beliau berpendapat media perlu diperkasa kerana ia salah satu elemen terpenting dalam membantu ketelusan politik, tindakan kementerian dan korporat.

"Konsep ketelusan dalam pentadbiran tidak akan mempunyai sebarang makna sekiranya media tidak diberi ruang untuk menjalankan peranan sebagai cermin



MAZLAN

masyarakat," katanya.

Menurutnya, jenayah rasuah yang mendatangkan faedah kepada kedua-dua pelaku sama ada pemberi mahupun penerima boleh dikawal dengan adanya laporan media berbentuk siasatan kewartawanan, selain pendekatan siasatan dan penguatkuasaan yang dilakukan pihak berkuasa.

"Susulan itulah media perlu digalakkan membuat laporan yang tepat dengan mendapat sokongan dan perlindungan daripada pihak berkuasa tanpa memberi sebarang tekanan kepada media.

"Keberkesanan media yang bertindak menyuluh aktiviti-aktiviti rasuah ini bergantung kepada akses terhadap maklumat-maklumat dan perlindungan daripada campur tangan kuasa berbentuk formal atau tidak formal.

"Apabila media bertanggungjawab menyiarkan berita yang diperoleh daripada sumber yang tepat terutama daripada pihak berkuasa tanpa rasa takut dan adil, saya yakin jenayah rasuah ini akan dapat dibendung dengan saksama," kata beliau.

Katanya, pendedahan media ini boleh membantu pihak berkenaan memulakan siasatan dan sebarang harta atau kemewahan individu hasil dari rasuah boleh disita dan dilucuthakkan di bawah Seksyen 41 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009.

"Tetapi, laporan media itu perlulah telus dan bertanggungjawab. Mempunyai akses kepada maklumat tepat dan dilindungi daripada pengaruh kuasa-kuasa pemerintah atau politik adalah amat penting dalam perang jenayah rasuah ini," ujarnya.



# KERATAN AKHBAR (*Februari 2021*)

HARIAN METRO: 15/02/2021 (*Isnin*)



## *Salah guna kuasa beri keluarga kontrak*

**Kota Kinabalu:** Seorang pegawai sebuah institut latihan awam ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki menyalahgunakan kedudukannya memberikan beberapa kontrak bernilai RM36,000 kepada ahli keluarganya.

Pengarah SPRM Sabah, S Karunanithy ketika dihubungi mengesahkan penaha-

nan lelaki berusia 40 tahun berkeenaan ditahan di pejabat SPRM Sabah, jam 12.15 tengah hari semalam.

Katanya, suspek ditahan berhubung pemberian beberapa kontrak pembekalan dan pembaikan peralatan teknologi komunikasi maklumat (ICT) serta pembekalan makanan kepada ahli keluarga.

"Suspek akan dituduh di

Mahkamah Khas Rasuah Kota Kinabalu jam 9 pagi esok (hari ini) mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009," katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan lain Karunanithy juga mengesahkan dua lagi individu ditahan susulan penahanan empat kakitangan sebuah agensi Kerajaan Persekutuan di negeri ini berhubung kesala-

han mengemukakan tuntutan elaun perjalanan palsu beberapa hari lalu.

Katanya, suspek berusia 39 dan 41 tahun itu ditahan jam 12 tengah hari semalam di pejabat SPRM Sabah atas kesalahan sama iaitu Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

"Mereka akan dituduh di ke Mahkamah Khas Rasuah Kota Kinabalu esok (hari ini)," katanya.



# KERATAN AKHBAR (*Februari 2021*)

NEW STRAITS TIMES: 15/02/2021 (*Isnin*)



## Sabah civil servant nabbed by MACC

**KOTA KINABALU:** A government training centre officer was arrested by graftbusters here for alleged abuse of power. The man, in his 40s, was detained at 12.15pm yesterday at the state Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) office. He was suspected to have misused his position by giving several contracts worth RM36,000 to family members. Sabah MACC director Karunanithy Subbiah said the man had allegedly given contracts for supplying and repairing ICT equipment to family members.



# KERATAN AKHBAR (*Februari 2021*)

**SINAR HARIAN: 17/02/2021 (Rabu)**



## Inspektor mengaku tidak bersalah terima suapan RM1,500

**IPOH** - Seorang pegawai polis berpangkat inspektor mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ipoh pada Selasa atas pertuduhan menerima rasuah membabitkan wang tunai RM1,500 tiga tahun lalu.

Tertuduh, Firdaus Khalid, 37, yang bertugas sebagai inspektor risikan di Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak membuat pengakuan itu selepas pertuduhan ke atasnya dibacakan di hadapan Hakim S Indra Nehru.

Mengikut pertuduhan, Firdaus didakwa telah menerima suatu suapan berjumlah RM1,000 hingga RM1,500 daripada seorang individu berusia 36 tahun di Bahagian Siasatan Jenayah Balai Polis Kampung Tawas dalam daerah Kinta pada 24 Jun 2019.

duh didakwa di bawah Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24 (1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, yang mana lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Nurul Wahida Jalaluddin menawarkan jaminan RM20,000 selain tertuduh perlu melaporkan diri sebulan sekali ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terdekat.

Tertuduh diwakili Peguam Mohamad Salihen Mastor memohon jaminan dikurangkan antara RM5,000 hingga RM8,000.

Ia sebagai dorongan untuk tertuduh sebagai pegawai badan awam menyediakan laporan pakar judi yang negatif bersabit satu kertas siasatan.

Bagi kesalahan itu, tertu-

Mahkamah kemudiannya membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 28 Mei depan sebagai sebutan semula kes.



**Tertuduh mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ipoh pada Selasa atas pertuduhan menerima rasuah membabitkan wang tunai RM1,500, tiga tahun lalu.**



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

SINAR HARIAN: 17/02/2021 (Rabu)



## Krisis buka peluang pencabulan integriti

Kerajaan perlu pastikan akauntabiliti ketat dalam peruntukan Covid-19

Oleh MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM

SHAH ALAM



AKHBAR

**K**erajaan perlu memastikan supaya segala peruntukan yang digunakan bagi menangani pandemik Covid-19 melalui proses akauntabiliti yang ketat.

Presiden Persatuan Pemeriksa Fraud Bertauliah Malaysia, Datuk Seri Akhbar Satar berkata, krisis wabak yang melanda seluruh dunia ketika ini dilihat membuka peluang kepada berlakunya pencabulan integriti seperti rasuah dan penipuan.

Menurutnya, hal yang demikian berlaku kerana usaha menangani pandemik Covid-19 di seluruh dunia memerlukan peruntukan dana yang besar dan antara bahagian yang paling terdedah adalah sektor perolehan perubatan dan bekalan dalam sistem kesihatan.

"Disebabkan terdapat mekanisme singkat yang diletakkan semasa pandemik ini bagi mendapatkan barangan dan perkhidmatan penting, individu korup akan cuba menggunakan isu global tentang kekurangan



Krisis wabak yang melanda seluruh dunia ketika ini dilihat membuka peluang kepada berlakunya pencabulan integriti seperti rasuah dan penipuan.

kedua-dua bekalan perubatan dan kesihatan.

"Mereka melihat perkara ini sebagai peluang keemasan untuk mengambil kesempatan krisis semasa atas perolehan peribadi mereka," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Selasa.

Akhbar berkata, kegiatan penipuan dan rasuah lazimnya dilakukan dengan cara menge-

nakan sekatan terhadap maklumat yang sukar untuk dicapai, menghapuskan keperluan ketelusan daripada perolehan awam dan mengelakkan mekanisme akauntabiliti awam.

Beliau berkata, tindakan kebanyakan negara di seluruh dunia yang lazimnya akan melonggarkan kaedah sedia ada untuk perolehan awam serta semak dan imbang bagi mempercepat-

kan penghantaran bantuan serta pertolongan kepada rakyat mereka juga menjadi punca kepada berlakunya kegiatan sedemikian.

Sehubungan itu, beliau menggesa agar agensi kerajaan seperti Jabatan Audit Negara dan beberapa auditor dalaman di sektor awam supaya terus melakukan tugas tanpa mengtepekkan prinsip yang sepatutnya diamalkan.

"Seperti dalam perbelanjaan yang tidak berkaitan dengan Covid-19, mereka perlu melaporkan mana-mana tindakan yang tidak betul dalam pemberian dan pembayaran wang daripada pakej yang berkaitan dengan wabak berkenaan, terutamanya mereka yang terlibat dengan agensi barisan hadapan.

"Penelitian ini boleh disokong lagi dengan pemantauan dan pelaporan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan media sekiranya terdapat jaminan kebebasan media serta capaian mudah bagi maklumat yang relevan," katanya.



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

**SINAR HARIAN: 17/02/2021 (Rabu)**



## Rasuah berterusan selagi wujudnya pemberi, penerima

**SHAH ALAM** – Aktiviti rasuah tidak akan berhenti selagi wujudnya pemberi dan penerima rasuah.

Ahli Institut Integriti Kebangsaan, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, perang menentang rasuah tidak dapat dimenang dalam sekelip mata, sebaliknya memerlukan usaha, komitmen serta kecenderungan yang berterusan.

Menurutnya, gejala rasuah tidak dapat dibanteras sepenuhnya di mana-mana negara atau dalam masyarakatnya.

“Laporan terbaru menunjukkan Malaysia memperoleh penurunan enam mata dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Transparency International (TI

(2020) merupakan perkara serius dan tidak boleh dipandang remeh.

“Sebaliknya, kita tidak boleh membiarkannya dan sentiasa berwaspada memerangi rasuah di mana sahaja dan bila-bila masa dan bagaimanapun ia berlaku.

“Sudah tentu, rasuah merupakan kesengsaraan yang memberi kesan buruk kepada rakyat dalam pelbagai cara,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Tambah Lam Thye, rasuah menyebabkan berlakunya pembaziran, pengalihan sumber daya dari yang memerlukan selain hilangnya kepercayaan kepada pihak berwajib.

“Suruhanjaya Pencegahan

melaksanakan kempen Rasuah Busters sebagai langkah memerangi rasuah di negara ini.

“Kita perlu menyokong kempen #RasuahBusters sebagai suatu gerakan oleh rakyat demi rakyat untuk menghapuskan budaya memberi dan menerima rasuah serta sebarang bentuk penyalahgunaan kuasa di dalam ekosistem di negara ini.

“RasuahBuster membentuk kebangkitan rakyat agar menentang pandemik rasuah yang merosakkan rakyat dan negara. Kempen ini juga membawa nilai integriti yang melahirkan moral dan karakter bangsa yang bertamadun serta berjaya,” katanya.

Rasuah Malaysia (SPRM) harus diberi pujian atas tindakan pantas jika terdapat bukti amalan rasuah melibatkan sektor swasta dan awam.

“Ia telah berjaya mendapatkan sabitan dalam sejumlah kes berprofil tinggi,” katanya.

Beliau berkata, usaha bersepadu termasuk penguatkuasaan undang-undang sedia ada selain pendidikan pencegahan perlu dilaksanakan untuk meminimumkan aktiviti rasuah.

“Setiap hari, beratus-ratus kes tidak dilaporkan walaupun



LAM THYE

pemberi maklumat diberi perlindungan di bawah Akta Pemberi Maklumat 2010.

“Memerangi rasuah adalah tugas semua orang. Ia akan membawa padah sekiranya kita mengabaikannya.

“Oleh itu, masyarakat perlu dididik mengenai perlunya beretika, menjaga integriti dan membenci rasuah bermula di sekolah. Minda golongan muda perlu ditekankan dengan integriti dan tanggungjawab,” katanya.

Dalam pada itu, Lam Thye memuji usaha *Sinar Harian*



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

SINAR HARIAN: 17/02/2021 (Rabu)



## Usaha tangani Covid-19 perlu jadi contoh dalam banteras rasuah

**SEREMBAN** - Usaha dan pendekatan membanteras gejala rasuah perlulah mengambil contoh seperti kesepakatan antara kerajaan dan semua pihak dalam menangani penularan pandemik Covid-19.

Penasihat Persatuan Sahabat Kafa (PESAK) Negeri Sembilan, Zulkifli Muhammed berkata, seperti mana kesepakatan masyarakat membenci dan takut terhadap Covid-19, begitu juga dengan rasuah.

"Dalam menangani wabak Covid-19, semua pihak berdiri di atas satu kesungguhan iaitu menangani virus Covid-19 ini tanpa toleransi. Perlu ada satu tindakan serius.

"Lihat saja dalam tempoh hampir setahun pendekatan yang diambil, kita nampak bagaimana kesedaran ini sampai ke akar umbi dan saya berpendapat konsep kesepakatan yang sama ini perlu diterjemahkan dalam usaha kita membanteras gejala rasuah," kata beliau kepada *Sinar Harian* di sini pada Selasa.

Menurutnya, beliau yakin jika dilaksanakan, ia bakal melahirkan satu generasi yang bukan sahaja bebas ra-



ZULKIFLI

suah tetapi membenci rasuah sebagaimana bencinya kepada virus Covid-19.

Selain itu, katanya, satu sentimen perlu diwujudkan supaya semua pihak benar-benar takut melakukan perbuatan rasuah.

"Sekarang ini orang tahu rasuah itu salah, tapi orang tak rasa takut nak

terima dan beri rasuah sepertimana mereka takut dengan Covid-19.

"Mereka rasa mereka boleh terlepas, tidak kanto atau sebagainya. Jadi sentimen ketakutan itu perlu diwujudkan supaya semua benar-benar sedar," katanya.

Beliau berkata, kesedaran holistik daripada masyarakat merupakan vaksin terbaik dalam perjuangan melumpuhkan gejala rasuah.

Dalam pada itu, katanya, budaya hidup bersederhana khususnya dalam kalangan kepimpinan perlu diperlihatkan secara meluas.

"Budaya positif sebegini boleh menjadi ikutan dalam kalangan masyarakat, sekali gus mampu memutuskan rantaian gejala rasuah," katanya.



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

SINAR HARIAN: 17/02/2021 (Rabu)



## Perkeso terima 348 aduan salah guna PSU

Sebanyak 269 aduan telah selesai, tiga aduan dirujuk SPRM, 79 kes lagi masih dalam siasatan

Oleh MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID

SHAH ALAM

**P**ertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) menyatakan pihaknya telah menerima 348 aduan berkaitan penyalahgunaan Program Subsidi Upah (PSU) dan penipuan dalam pembayaran bantuan subsidi upah di bawah pakej Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Peniana).

Ketua Eksekutifnya, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, daripada jumlah itu, 269 aduan telah diselesaikan dengan tiga aduan dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) manakala 79 kes lagi masih dalam siasatan.

Beliau berkata, penahanan dua pengarah syarikat swasta oleh SPRM pada Isnin lalu adalah hasil kerjasama antara Perkeso dan SPRM Johor ekoran siasatan awal yang dijalankan oleh pertubuhan itu.

“Seorang pengarah syarikat wanita, 39 tahun membuat tuntutan PSU untuk 52 pekerja yang melibatkan bayaran subsidi upah sebanyak RM282,600.

“Sementara seorang lagi, lelaki berusia 64 tahun menuntut bayaran PSU untuk 38 pekerja melibatkan pembayaran sebanyak RM195,600. Bayaran telah dibuat Perkeso bermula bulan Mei sehingga Oktober 2020,” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Mengulas lanjut, Mohammed Azman berkata, dua kes berkenaan antara tiga aduan yang dirujuk kepada SPRM untuk tindakan lanjut.

Dalam pada itu, beliau turut menjelaskan, PSU merupakan bantuan kewangan kerajaan kepada majikan yang terjejas dari segi ekonomi akibat pandemik Covid-19.

“Setakat ini, Perkeso telah membuat pembayaran berjumlah RM13.5 bilion kepada majikan yang layak menerima bantuan tersebut.

“Perkeso komited dalam memastikan agar bantuan kewangan yang diberikan kerajaan disalurkan dengan betul mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.”



MOHAMMED AZMAN

kan,” katanya.

Menurutnya, Perkeso juga sentiasa membuat pemantauan terhadap permohonan yang dikemukakan oleh majikan dan tidak teragak-agak untuk melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya terdapat unsur-unsur penipuan atau penyalahgunaan bantuan tersebut.

“Perkeso sekali lagi ingin mengingatkan majikan supaya bersikap jujur dalam mengemukakan permohonan PSU.

“Mana-mana majikan yang telah menyalahgunakan subsidi ini diminta untuk tampil berhubung dengan pihak Perkeso,” katanya.

Beliau berkata, majikan yang tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan diminta untuk memulangkan bayaran PSU yang diterima dengan membuat bayaran balik ke akaun Maybank bernombor **564427515459** (Perkeso SIP-Bayaran) dengan rujukan ‘Bayaran balik PSU’.

Katanya, majikan juga perlu mengisi borang persetujuan bayaran balik bantuan PSU/ERP dan mengemukakannya kepada Perkeso beserta bukti bayaran balik melalui e-mel [sip.payment@perkeso.gov.my](mailto:sip.payment@perkeso.gov.my).



# KERATAN AKHBAR (*Februari 2021*)

*SINAR HARIAN: 17/02/2021 (Rabu)*



## Penjawat awam didenda RM25,000 terima suapan

**MELAKA** - Seorang bekas penjawat awam didenda RM25,000 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas pertuduhan menerima suapan RM4,000 ketika bertugas di Jabatan Perikanan Negeri.

Hakim Datuk Mohd Nasir Nordin membuat keputusan itu terhadap tertuduh, Abd Rahim Ali, 63, yang juga bekas penolong pegawai di jabatan berkenaan.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh sebagai seorang penjawat awam iaitu Penolong Pegawai Perikanan yang bertugas di Cawangan Pengembangan dan Pemin-dahan Teknologi telah menerima suapan wang tunai RM4,000 daripada seorang individu, Rahim Maarof, 60.

Kesalahan itu dilakukan

tertuduh sebagai upah untuk memberikan kerja-kerja pembekalan tong insulasi 75 liter sebanyak 90 unit bagi program Touch Point jabatan berkenaan di Jabatan Perikanan Melaka di Batu Berendam antara jam 11.30 pagi hingga 1 petang, 8 Ogos 2017.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Irwan Shah Abdul Samat memohon hukuman setimpal diberikan sebagai pengajaran terhadap tertuduh dan masyarakat.

Tertuduh diwakili peguam Augustus Walter CN Jacobs bagaimanapun merayu hukuman ringan diberikan.

Selepas mendengar rayuan kedua-dua pihak, mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM25,000 atau penjara enam bulan jika gagal membayar denda.



Abd Rahim (kiri) ketika hadir di mahkamah pada Selasa.



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

**SINAR HARIAN: 17/02/2021 (Rabu)**



## Didenda RM3,000 kerana rasuah polis RM240

**SEREMBAN** - Gara-gara memberi rasuah sebanyak RM240 kepada anggota polis pada November tahun lalu, seorang pemandu lori didenda RM3,000 oleh Mahkamah Sesyen Seremban pada Selasa.

Hakim Madihah Harullah menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh, R Kesavan, 28, yang membuat pengakuan bersalah selepas kertas pertuduhan dibacakan.

Mahkamah turut memerintahkan hukuman penjara dua bulan dikenakan jika tertuduh gagal menjelaskan bayaran denda.

Mengikut pertuduhan, tertuduh telah menawarkan dan menyerahkan

wang tunai RM240 kepada seorang anggota polis berpangkat lans koperal daripada unit kereta peronda (MPV) yang menjalankan tugas pematuhan Covid-19 bersama seorang lagi polis berpangkat konstabel di sekitar Gemas, Negeri Sembilan pada jam 11.30 pagi, 3 November 2020.

Wang tunai itu diberi supaya polis tidak mengambil tindakan undang-undang ke atasnya kerana memiliki beberapa kotak mercun dan barang letupan terlarang di dalam bonet kereta Proton Persona.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Mohamad Azriff Firdaus Mohamad Ali.



Tertuduh diiringi pegawai SPRM di Mahkamah Sesyen Seremban pada Selasa.



# KERATAN AKHBAR (*Februari 2021*)

HARIAN METRO: 17/02/2021 (*Rabu*)



## Pemandu lori didenda cuba merasuah polis

**Seremban:** Seorang pemandu lori warga tempatan di-jatuhi hukuman denda RM3,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan memberi rasuah bagi melepaskan diri daripada tindakan memiliki beberapa kotak mercun dan barang letupan terlarang pada November tahun lalu.

Hakim Madihah Harullah menjatuhkan hukuman itu terhadap R Kesavan, 28, selepas tertuduh mengaku bersalah sebaik pertuduhan terhadapnya dibacakan jurubahasa mahkamah.

Mahkamah turut memeringintahkan tertuduh menjalani hukuman tambahan iaitu penjara dua bulan jika gagal membayar denda terbabit.

Kes dikenal-dalikan Timbalan Pendakwa

Raya, Mohamad Azriff Firdaus Mohamad Ali manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Berdasarkan kertas pertuduhan, R Kesavan didakwa memberi rasuah RM240 kepada Lans Koperol Mohamad Mustaqim Mohamad Mustafa ketika menjalankan tugas cawangan kereta peronda (MPV) dan pematuhan Covid di sekitar Gemas, Negeri Sembilan pada 3 November 2020, jam 11.30 pagi.

Dia didakwa mengikut Seksyen 17(b), Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan Seksyen 214, Kanun Keseksaan, yang boleh di-

hukum penjara maksimum 10 tahun atau denda atau ke-dua-duanya.

**Didakwa beri RM240 elak kena tindakan miliki mercun dan barang letupan terlarang**



# KERATAN AKHBAR (*Februari 2021*)

HARIAN METRO: 17/02/2021 (*Rabu*)



## Mengaku terima RM4k

**Ayer Keroh:** Seorang bekas pegawai kerajaan mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh di sini, semalam kerana menerima suapan RM4,000 empat tahun lalu.

Tertuduh, Abd Rahim Ali, 63, membuat pengakuan terbabit terhadap pertuduhan pilihan sejour dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim, Datuk Mohd Nasir Nordin.

Mengikut pertuduhan pilihan, tertuduh ketika bekerja di Jabatan Perikanan Melaka sebagai Penolong Pegawai Perikanan di Cawangan Pengembangan Dan Pemindahan Teknologi (PPT) menerima suatu benda berharga iaitu wang tunai RM4,000 tanpa balasan daripada Rahim Maarop yang mana tertuduh mengetahui lelaki ber-

kenaan mempunyai hubungan dengan kerja rasminya.

Mengikut fakta kes, tertuduh didakwa menerima suapan itu kerana memberi kerja bagi membekalkan 90 tong insulasi 75 liter bagi program *Touch Point* daripada Jabatan Perikanan negeri pada 8 Ogos 2017 di Jabatan Perikanan negeri, Batu Berendam di sini.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(a), Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dengan mengambil kira berdasarkan Seksyen 171, Kanun Prosedur Jenayah.

Mohd Nasir menetapkan denda RM25,000 ke atas tertuduh dan enam bulan penjara jika gagal bayar denda.

Bagaimanapun, tertuduh melunaskan bayaran denda itu.



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

HARIAN METRO: 17/02/2021 (Rabu)



## Minta RM1,500 untuk ubah laporan

*Pegawai polis berpangkat inspektor mengaku tidak bersalah*

Oleh Balqis Jazimah  
Zahari  
am@hmetro.com.my

**Ipoh**

**P**egawai polis berpangkat inspektor dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan meminta rasuah berjumlah RM1,000 hingga RM1,500 dua tahun lalu.

Tertuduh, Firdaus Khalid, 36, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim S Indra Nehru.

Mengikut pertuduhan, Firdaus didakwa melakukan kesalahan itu di Bahagian

Siasatan Jenayah Balai Polis Kampung Tawas dengan meminta suapan untuk dirinya daripada Woo Kin Soon sebagai suatu dorongan menyediakan laporan judi yang negatif bersabit kertas siasatan pada 24 Jun 2019.

Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang dibaca bersama Seksyen 24 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Ia diperuntukkan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun, didenda tidak kurang daripada lima kali ganda

### » INFO

Tertuduh minta suapan daripada Woo Kin Soon sebagai suatu dorongan menyediakan laporan judi yang negatif.

Mahkamah perintahkan tertuduh membayar wang jaminan sejumlah RM10,000.

jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Wahida Jalaluddin dan tertuduh diwakili peguam bela Mohamad Sali-

hen Mastor.

Terdahulu, Nurul Wahida menawarkan tertuduh diikat jamin RM20,000 selain perlu melaporkan sebulan sekali di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terdekat.

Bagaimanapun, Mohamad Salihen memohon supaya wang jaminan dikurangkan antara RM5,000 ke RM8,000 kerana anak guamnya memberi kerjasama yang baik selain perlu menanggung isteri dan tiga anak.

Mahkamah memerintahkan tertuduh membayar wang jaminan RM10,000 dan menetapkan 28 Mei hadapan sebagai sebutan semula kes.



# KERATAN AKHBAR (*Februari 2021*)

HARIAN METRO: 17/02/2021 (*Rabu*)





# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

SINAR HARIAN: 22/02/2021 (Isnin)



## Tujuh kakitangan JPJ Johor ditahan

Bantu siasatan ketirisan kutipan cukai jalan JPJ bernilai RM3.1 juta

Oleh ZULHISHAM ISAHAK

JOHOR BAHRU

**S**uruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor menahan tujuh petugas kaunter Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pada Ahad bagi membantu siasatan urusan cukai jalan Lesen Kenderaan Motor (LKM) melibatkan lebih 1,000 jenis kenderaan bermotor.

Menurut sumber, mereka yang ditahan itu terdiri daripada lima lelaki dan dua wanita yang berusia 27 hingga 42 tahun.

"Kescmua kakitangan yang ditahan tersebut bertugas di JPJ Negeri Johor. Mereka dipercayai telah memanipulasi sistem

MYSIKAP bagi urusan cukai jalan LKM yang mana jumlah ketirisan kutipan cukai jalan JPJ Negeri Johor.

"Ketirisan kutipan tersebut mencecah RM3.1 juta dalam tempoh enam bulan iaitu bermula Julai hingga Disember 2019," jelas sumber tersebut pada Ahad.

Menurutnya lagi, kaunter hadapan JPJ dikenal pasti antara yang mudah terdedah kepada aktiviti jenayah terutama membabitkan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

"Isu paling kerap berlaku ialah perbuatan salah guna kuasa oleh kakitangan dengan menceroboh sistem JPJ," katanya.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki yang kini berada di Johor Bahru bagi menghadiri mesyuarat bersama-sama SPRM Johor mengesahkan tangkapan tersebut.

Menurut beliau, kescmua suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Johor Bahru pada Isnin bagi proses reman dan kesiasatan dijalankan di bawah



Antara kakitangan JPJ Johor yang ditahan bagi membantu siasatan kes ketirisan kutipan bernilai RM3.1 juta pada Ahad.

Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Mengulas lanjut, beliau berkata, siasatan itu bermula hasil maklumat dan kerjasama yang baik daripada Bahagian Integriti dan Pejabat Ketua Pengarah JPJ.

"SPRM akan meneruskan kerjasama dengan JPJ agar langkah pematuhan dan penambahbaikan proses kerja dapat dilakukan sebagai langkah

mengelakkan kegiatan rasuah ini berulang khususnya ia menyebabkan ketirisan hasil kerajaan.

"Perkara ini telah dibincangkan dengan Ketua Pengarah JPJ sebelum ini dan perkongsian maklumat seumpama ini dapat meningkatkan integriti dan tabir urus jabatan sekali gus menutup ruang dan peluang rasuah," katanya.

Beliau meminta mana-mana pihak atau agensi untuk memberi maklumat kepada SPRM seperti yang dilakukan oleh pihak Ketua Pengarah JPJ ini.

Azam juga meminta agar masyarakat yang berurusan di kaunter-kaunter jabatan untuk ambil peduli dan sentiasa memeriksa resit-resit selepas melakukan urusan di kaunter atau pun ejen-ejen yang dilantik.



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

SINAR HARIAN: 22/02/2021 (Isnin)



## Wakil peguam antara empat individu direman SPRM

**ALOR SETAR** - Seorang wakil peguam antara empat individu direman pada Ahad bagi membantu siasatan kes meminta wang.

Penolong Pendaftar, Wan Nor Fadzilah Wan Ibrahim mengeluarkan perintah reman itu bermula Ahad hingga 26 Februari depan selepas membenarkan permohonan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kedah.

Pada Ahad, SPRM Kedah menahan lima individu terdiri daripada seorang wakil peguam, seorang anggo-

ta polis dan tiga orang awam yang berusia 26 hingga 64 tahun bagi membantu siasatan dalam kes tersebut.

Bagaimanapun, seorang orang awam yang ditahan hanya dirakamkan perangkap dan dibebaskan dengan jaminan SPRM.

Tangkapan itu dibuat susulan SPRM menerima aduan pada 4 Februari mengenai dakwaan meminta wang berjumlah RM18,000 berkaitan penyelesaian satu kes jenayah iaitu sebagai balasan untuk menarik balik aduan terhadap seorang

pengadu dan rakannya.

Pengadu dipercayai membayar wang sebanyak RM3,000 kepada seorang suspek manakala baki RM15,000 akan dibayar sebelum Selasa ini.

Pengarah SPRM Kedah, Datuk Shaharom Nizam Abd Manap ketika dihubungi mengesahkan lima tangkapan dibuat namun seorang daripadanya dibebaskan dengan jaminan SPRM.

Kes disiasat di bawah Seksyen 16 (A) (a) Akta SPRM 2009.



Seorang wanita dipercayai wakil peguam direman lima hari bagi membantu siasatan kes meminta wang RM18,000 di Alor Setar pada Ahad.



# KERATAN AKHBAR (*Februari 2021*)

*SINAR HARIAN: 22/02/2021 (Isnin)*



## Tubuh kelab, badan beruniform perangi rasuah

**SHAH ALAM** - Kerajaan wajar menubuhkan kelab anti rasuah ataupun badan beruniform khas sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah mahupun institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai usaha memerangi budaya rasuah dalam kalangan pelajar.



**MOHAMAD ALI**

Presiden Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN), Profesor Madya Datuk Dr Mohamad Ali Hasan berkata, cadangan tersebut perlu dipertimbangkan memandangkan ia masih belum lagi diwujudkan di semua institusi pendidikan.

Menurutnya, musuh utama negara bukan sahaja dadah malah budaya rasuah turut tergolong sama.

"Mungkin kerajaan boleh bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menubuhkan satu kelab anti rasuah dan juga badan beruniform seperti kadet SPRM di semua peringkat

sekolah rendah, menengah dan juga IPT.

"Dengan wujudkan badan-badan berkenaan, ia secara tidak langsung dapat melahirkan satu generasi yang bukan sahaja bebas rasuah tetapi membenci rasuah sebagaimana bencinya kepada virus Covid-19," katanya ketika dihubungi pada Sabtu.

Mengulas lanjut, Mohamad Ali berkata, prestasi berkaitan budaya rasuah di negara ini dilihat agak jauh ketinggalan berbanding dengan negara luar.

Katanya, walaupun pelbagai insentif telah diperkenalkan oleh kerajaan termasuklah akta dan undang-undang namun keberkesannya itu kurang menonjol.

"Saya lihat ramai kakitangan awam seperti guru dan pengetua sekolah terlibat dengan budaya rasuah.

"Ini memberi kesan yang kurang baik dari segi pendidikan. Jadi, saya rasa usaha bersepadu perlu dilakukan di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)," katanya.



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

SINAR HARIAN: 22/02/2021 (Isnin)



## Pelajar kurang didedah bahaya rasuah

Tahap kesedaran pelajar sekolah masih membimbangkan

Oleh RAJA NUR FAZNIE AIDA

SHAH ALAM

**K**esedaran pelajar sekolah rendah dan menengah berhubung budaya rasuah masih lagi berada di tahap yang membimbangkan.

Presiden Ikatan Guru-Guru Muslim Malaysia (iGuru), Mohd Azizee Hasan berkata, kebanyakan pelajar di sekolah kurang didedahkan mengenai



MOHD AZIZEE

bahaya rasuah meskipun sudah ada subjek Pendidikan Sivik dan Moral.

Beliau berkata, guru-guru di sekolah tidak menyentuh dengan begitu meluas perkara berkenaan kerana mereka lebih memfokuskan kepada subjek teras.

“Jadi, ini merupakan satu kelompongan yang perlu ditangani oleh guru bagi memastikan pelajar menyedari bahawa rasuah adalah satu barah masyarakat malah turut memberi ancaman buat negara,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Sabtu.

Beliau berkata, elemen mengenai bahaya rasuah wajar dimasukkan ke dalam semua subjek kurikulum.



FOTO: BERNAMA

Elemen mengenai bahaya rasuah wajar dimasukkan ke dalam semua subjek kurikulum untuk pelajar.

“Sebagai contoh, kalau belajar subjek Pendidikan Islam, mereka diajar mengenai nilai integriti dan juga hukum sekiranya terlibat dengan rasuah,”

kata beliau lagi.

Sehubungan itu, beliau berkata, kerjasama antara Institut Pendidikan Guru Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Ra-

suah Malaysia (SPRM) merupakan wadah terbaik untuk memastikan nilai-nilai seperti membenci rasuah dipupuk dalam generasi muda.



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

SINAR HARIAN: 22/02/2021 (Isnin)



## Dasar kerajaan beri ruang lakukan rasuah

**IPOH** - Dasar kerajaan yang memberikan bantuan secara membuta tuli antara punca rasuah menular dalam kalangan masyarakat khususnya orang Melayu.

Presiden Dewan Perhimpunan Melayu Perak (DPMP), Datuk Zahar Hashim berkata, habuan diberikan dalam bentuk bantuan adalah semata-mata untuk mendapatkan sokongan rakyat.

Menurutnya, perbuatan itu disebabkan sikap sebilangan orang Melayu yang mahukan sesuatu secara mudah tanpa berusaha, mahu cepat kaya dan dihormati kerana harta.

"Kerajaan sepatutnya memberikan 'pancing' kepada rakyat untuk mereka berusaha, bukan beri 'ikan' untuk terus mereka makan. Disebabkan itu, rasuah dalam kalangan orang Melayu sudah menjadi begi-



ZAHAR

tu parah dan boleh dianggap seperti tidak boleh dipisahkan lagi.

"Masyarakat sendiri sudah tidak memandang jijik kepada rasuah kerana mereka nampak ia merupakan perkara biasa atau norma baharu," katanya di sini baru-baru ini.

Zahar berkata, kegagalan kerajaan membendung gejala itu disebabkan Akta Rasuah tidak diperkasakan apabila kebanyakan yang dikenakan tindakan merupakan penerima rasuah sedangkan pemberi rasuah terlepas dan bebas.

Selain itu, katanya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sepatutnya menjadi badan bebas yang tidak dikawal oleh ahli politik dan diletakkan terus di ba-

wah Yang di-Pertuan Agong.

Sementara itu, katanya, beliau melihat masih ada ruang untuk kegiatan rasuah berkenaan dibendung iaitu melalui pendidikan dengan silibus khas diperkenalkan seawal tadika sehinggalah ke universiti.

"Selain itu, usaha membendung kegiatan rasuah ini adalah dengan memperkasa dan menanamkan sifat jati diri dalam kalangan Melayu juga melalui pendidikan.

"Ini bertujuan agar orang Melayu mempunyai sifat dan sikap mulia di samping menyayangi sesama bangsa serta saling bantu-membantu dalam aspek kehidupan mahupun ekonomi," katanya.

Jelas Zahar, apabila orang Melayu mempunyai jati diri yang kuat, mereka akan dipandang hebat dan mulia serta kebal daripada segala unsur negatif seperti rasuah dan dadah.

## Rasuah sebabkan negara jadi mundur



MOHAMAD RAFIE

**SEREMBAN** - Rakyat perlu bangkit untuk menolak sesi-apa sahaja yang terbabit dengan rasuah termasuk pemimpin politik, pegawai kerajaan dan ahli-ahli perniagaan.

Exco Pelaburan, Perindustrian, Keusahawanan, Pendidikan dan Modal Insan Negeri Sembilan, Datuk Dr Mohamad Rafie Ab Malek

berkata, hal ini kerana gejala rasuah membawa kemunduran kepada negara.

"Rasuah menyebabkan negara kita tidak mempunyai daya kompetitif di peringkat global.

"Malaysia sebagai sebuah negara kecil perlu mampu menembusi pasaran antarabangsa tetapi kita tidak akan berkemampuan jika usaha-

wan dan rakyat negara ini terjebak dengan rasuah," katanya pada Sabtu.

Dalam pada itu, beliau berkata, pihaknya menyokong penuh usaha untuk membentasi rasuah termasuk gerakan Sinar Rasuah Busters yang dilancarkan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Kumpulan Karangkruf, Datuk Dr Hussamuddin Yaacob.



# KERATAN AKHBAR (*Februari 2021*)

**SINAR HARIAN: 22/02/2021 (Isnin)**



## Rasuah kikis kepercayaan awam

**SUNGAI PETANI** - Tindakan memberi dan menerima rasuah akan mengikis kepercayaan awam terhadap golongan yang diberi amanah dan tanggungjawab.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Merdeka, Ahmad Fadzli Hashim berkata, rasuah boleh ditakrifkan sebagai penerimaan atau pemberian



AHMAD FADZLI

suapan sebagai upah atau dorongan melakukan sesuatu atau tidak melakukan sesuatu.

Menurutnya, pemberian seperti wang atau hadiah sebagai habuan, boleh menghakis kepercayaan terhadap institusi mahupun individu yang mengamalkan rasuah.

"Dalam ajaran Islam sendiri, Rasulullah SAW menyatakan bahawa golongan pemberi dan penerima rasuah dilaknat dan tempat mereka di neraka," katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Beliau menjelaskan, sekiranya setiap individu memahami dan menghayati ajaran Islam sebenar, sudah pasti mereka berasa jijik dengan kesan dan keburukan rasuah.

Katanya, ancaman rasuah telah menyebabkan hilangnya integriti sekali gus kredibiliti seseorang itu tercalar.

"Rasuah juga boleh mencemarkan imej seseorang, memporak-perandakan hubungan kekeluargaan, menjatuhkan pentadbiran kerajaan sehingga boleh mengancam kestabilan politik negara," katanya.

Tambah Ahmad Fadzli, berdasarkan implikasi dan bahayanya rasuah, menjadi tanggungjawab masyarakat dan komuniti untuk membanteras gejala rasuah serta memperkukuh jati diri supaya tidak terjebak dalam perilaku terkutuk itu.



# KERATAN AKHBAR (*Februari 2021*)

*BERITA HARIAN: 22/02/2021 (Isnin)*



*Lima petugas kaunter JPJ Johor yang ditahan SPRM, semalam.*

(Foto ihsan SPRM)

## **SPRM tahan tujuh petugas kaunter JPJ**



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

*BERITA HARIAN: 22/02/2021 (Isnin)*



Bantu siasatan kes seleweng urusan cukai jalan babitkan kerugian RM3.1j

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

**Johor Bahru:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor menahan tujuh petugas kaunter Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Johor semalam, bagi membantu siasatan berhubung penyelewengan urusan cukai jalan Lesen Kenderaan Motor (LKM) bagi lebih 1,000 jenis kenderaan bermotor, membabitkan kerugian RM3.1 juta.

Sumber berkata, mereka yang ditahan itu membabitkan lima kakitangan lelaki dan dua wanita berusia antara 27 hingga 42 tahun yang semuanya dipercayai bertugas di JPJ Johor Bahru.



*Dua wanita antara 7 petugas kaunter JPJ yang ditahan SPRM, semalam.*



# KERATAN AKHBAR (*Februari 2021*)

*BERITA HARIAN: 22/02/2021 (Isnin)*



Katanya, penahanan tujuh kakitangan terbabit dilakukan antara jam 11 pagi hingga jam 1 tengah hari semalam di pejabat SPRM.

"Mereka dipercayai memanipulasi sistem transaksi MySIKAP bagi urusan cukai jalan LKM dengan jumlah ketirisan kutipan cukai jalan JPJ Johor mencecah RM3.1 juta dalam tempoh enam bulan iaitu bermula Julai hingga Disember 2019.

"Kaunter hadapan JPJ dikenal pasti antara yang mudah terdedah kepada aktiviti jenayah terutama membabitkan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa, isu paling kerap berlaku ialah perbuatan salah guna kuasa oleh kakitangan dengan menceroth sistem JPJ," kata sum-

ber berkenaan.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki yang kini berada di Johor Bahru bagi menghadiri mesyuarat bersama SPRM Johor mengesahkan tangkapan berkenaan.

Katanya, semua suspek akan dibawa ke Mahkamah Majistret Johor Bahru hari ini, bagi proses reman dan kes siasatan dijalankan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

"Siasatan ini bermula hasil makluman dan kerjasama yang baik oleh Bahagian Integriti dan Pejabat Ketua Pengarah JPJ.

"SPRM akan meneruskan kerjasama dengan JPJ supaya langkah pematuhan dan penambahbaikan proses kerja dapat dilakukan bagi mengelak kegiatan

rasuah ini berulang khususnya ia menyebabkan ketirisan hasil kerajaan.

"Perkara ini dibincangkan dengan Ketua Pengarah JPJ sebelum ini dan perkongsian maklumat seumpama ini dapat meningkatkan integriti dan tadbir urus jabatan, sekali gus menutup ruang serta peluang rasuah," katanya.

Susulan itu, Azam meminta mana-mana pihak atau agensi memberi maklumat kepada SPRM seperti dilakukan pihak Ketua Pengarah JPJ ini.

"Masyarakat yang berurusan di kaunter jabatan perlu bersikap ambil peduli dan sentiasa memeriksa resit selepas melakukan urusan di kaunter atau pun ejen dilantik," katanya.



# KERATAN AKHBAR (*Februari 2021*)

HARIAN METRO: 22/02/2021 (*Isnin*)



**SELEWENG CUKAI JALAN LKM**

## **7 petugas JPJ ditahan SPRM**



TUJUH petugas kaunter JPJ termasuk dua wanita (gambar kanan) ditahan untuk bantu siasatan.



# KERATAN AKHBAR (*Februari 2021*)

*HARIAN METRO: 22/02/2021 (Isnin)*



Oleh Mohamed Farid Noh  
am@hmetro.com.my

## Johor Bahru

**T**ujuh petugas kaunter Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Johor ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam bagi membantu siasatan berhubung penyelewengan urusan cukai jalan Lesen Kenderaan Motor (LKM) membabitkan lebih 1,000 jenis kenderaan bermotor.

Menurut sumber, mereka terdiri daripada lima lelaki dan dua wanita yang berusia antara 27 hingga 42 tahun.

"Mereka dipercayai memanipulasi sistem mySIKAP bagi urusan cukai jalan LKM yang mana jumlah ketirisan

kutipan cukai jalan JPJ Johor mencecah RM3.1 juta dalam tempoh enam bulan iaitu bermula Julai hingga Disember 2019," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Seri Azam Baki yang kini berada di Johor Bahru bagi menghadiri mesyuarat bersama SPRM Johor mengesahkan tangkapan berkenaan.

Katanya, semua suspek dibawa ke Mahkamah Majistret di sini, semalam bagi proses reman dan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

"Siasatan ini bermula hasil makluman dan kerjasama Bahagian Integriti dan Pejabat Ketua Pengarah JPJ.

"SPRM akan meneruskan kerjasama dengan JPJ agar langkah pematuhan dan pe-

nambahbaikan proses kerja dapat dilakukan sebagai langkah mengelakkan kegiatan rasuah berulang.

"Perkara ini dibincangkan dengan Ketua Pengarah JPJ dan perkongsian maklumat itu dapat meningkatkan integriti dan tadbir urus jabatan," katanya.



# KERATAN AKHBAR (*Februari 2021*)

*SINAR HARIAN: 23/02/2021 (Selasa)*



## Penjawat awam didakwa palsukan tuntutan RM16,800

**JOHOR BAHRU** - Seorang pembantu tadbir pengkeraan/operasi di Pejabat Kadi Daerah Kluang mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu atas 21 pertuduhan membuat tuntutan palsu sebanyak RM16,800 ke atas kelas takmir surau dan masjid yang tidak wujud pada tahun 2015 dan 2016.

Tertuduh, Norazah Abd Aziz, 49, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Abdul Kamal Arifin Ismail.

Mengikut kertas pertuduhan, Norazah dengan niat memperdayakan prinsipalnya iaitu Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) dengan membuat tuntutan palsu menerusi Borang Tuntutan Saguhati Mengajar Di Bawah Rancangan Kelas Takmir Masjid dan Surau berjumlah RM800 setiap satu selama 21 bulan.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh pada Januari hingga Disember 2015 serta Januari hingga September 2016.

Kesemua pertuduhan itu

didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(2) akta yang sama.

Kes dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Nur Mahirah Mohd Pauzi manakala tertuduh diwakili peguam, Siti Norbaya Aman.

Terdahulu, Nur Mahirah memohon mahkamah menetapkan ikat jamin sebanyak RM30,000 dengan seorang penjamin termasuk pasport diserahkan kepada mahkamah selain tertuduh diminta melapor diri ke Pejabat SPRM setiap bulan.

Sementara Siti Norbaya memohon mahkamah menetapkan jaminan rendah dengan alasan tertuduh mengalami masalah kewangan.

Hakim kemudiannya membenarkan tertuduh dijamin RM10,000 dengan seorang penjamin dan pasportnya diserahkan kepada mahkamah.

Mahkamah menetapkan sebutan semula kes pada 8 Mac depan bagi penyerahan dokumen.



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

SINAR HARIAN: 23/02/2021 (Selasa)



## Tiada siapa yang kebal

Tindakan tegas perlu diambil tanpa mengira status individu terlibat

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

SHAH ALAM

Pergerakan Pengguna Malaysia (PPPM) mencajendangkan kerajaan agar menjadikan usaha memerangi rasuah sebagai agenda utama negara.

Presidennya, Darshan Singh Dhillon berkata, selari dengan itu, tindakan tegas juga perlu diambil tanpa mengira status individu tersebut.

“Perbuatan rasuah merupakan satu amalan yang terkutuk. Rakyat perlu bersatu dan bangkit bersama menolak amalan ini termasuk menolak sesiapa sahaja yang terbabit dengannya biarpun ia melibatkan seorang pemimpin, pegawai kerajaan ataupun swasta.

“Amalan rasuah juga boleh disamakan dengan penyakit barah di mana sekiranya tidak dirawat ia



DARSHAN SINGH

akan membinasakan badan dan menyebabkan maut. Rasuah juga jika tidak dibendung akan menghancurkan daya saing ataupun daya kompetitif dan seterusnya merosakkan negara,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Mengulas lanjut, Darshan Singh berkata, gejala rasuah juga antara aspek utama yang diambil kira oleh sesebuah syari-

kat pelabur asing sebelum membuat keputusan untuk melabur.

Malah katanya, sekiranya perkara terkutuk itu berada pada tahap tidak terkawal, maka pelabur akan menyalurkannya ke negara yang mempunyai sistem pentadbiran lebih berintegriti.

“Akhirnya negara akan rugi besar dan hanya golongan tidak berintegriti sahajalah yang akan menerima keuntungan,” katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan sama, beliau turut menggesa agar kempen pendidikan rasuah dilaksanakan secara menyeluruh kepada masyarakat secara agresif terutamanya dari aspek agama.

Ini kerana katanya, semua agama tidak memaafkan amalan rasuah.



# KERATAN AKHBAR (*Februari 2021*)

*SINAR HARIAN: 23/02/2021 (Selasa)*



## Tujuh kakitangan JPJ Johor direman 7 hari

**JOHOR BAHRU** - Scramai tujuh petugas kaunter Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Johor direman tujuh hari bermula Isnin bagi membantu siasatan penyelewengan urusan cukai jalan Lesen Kenderaan Motor (LKM) melibatkan lebih 1,000 jenis kenderaan bermotor membabitkan nilai mencecah RM3.1 juta.

Perintah reman sehingga 28 Februari itu dikeluarkan Majistret Nurmadiana Mamat terhadap kesemua suspek yang berusia 27 hingga 42 tahun itu selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor membuat permo-

honan itu pada pagi Isnin.

Kesemua suspek ditahan reman mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Pada Ahad, SPRM Johor menahan tujuh kakitangan JPJ Johor bagi membantu siasatan berhubung penyelewengan urusan cukai jalan LKM yang dipercayai hasil perbuatan salah guna kuasa oleh kakitangan berkenaan dengan mencerooh sistem JPJ.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki yang berada di Johor Bahru pada Ahad bagi menghadiri mesyuarat bersama SPRM Johor dilaporkan mengesahkan tangkapan terbabit.

FOTO: BERNAMA





# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

SINAR HARIAN: 23/02/2021 (Selasa)



## 'Takut' kepada kuasa golongan perasuah

Menyebabkan aktiviti tidak bermoral itu bermaharajalela

Oleh SYAHIDATUL AKMAL DUNYA

SHAH ALAM

**B**udaya 'takut' kepada pengaruh dan kuasa golongan perasuah menjadikan aktiviti rasuah semakin bermaharajalela di negara ini.

Pendakwah, Profesor Madya Ts Dr Mohd Nor Mamat berkata, kebiasaannya ia dilakukan oleh mereka yang berpengaruh dan mempunyai kuasa dalam membuat sesuatu keputusan sehingga memberi arahan yang cenderung kepada aktiviti rasuah dengan berselindung di sebalik terma dan istilah positif bagi mengelabui perbuatan keji itu.

"Amalan keji ini turut didukung oleh mereka yang mendapat keuntungan malah ada segelintirnya dalam kalangan pihak berautoriti yang sepatutnya mengawal aktiviti rasuah ini.

"Mereka berdiam diri demi kelangsungan jawatan dan kedudukan de-

ngan alasan bertoleransi ataupun berdiplomasi. Malah lebih menakutkan apabila menggunakan alasan berdiam diri sebagai tindakan berhemah.

"Rasuah berskala makro ini tidak perlu berlaku banyak kali tetapi hanya beberapa kali sudah cukup untuk meruntuhkan negara secara tidak langsung," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mengulas lanjut, katanya, beliau tidak melihat amalan rasuah berlaku disebabkan kemiskinan sebaliknya kerana transaksi ini lebih mudah berlaku dalam kalangan penguasa yang berjawatan dan berpendapatan tinggi.

"Penggunaan istilah yang

suci menghalalkan perbuatan sebegini sehingga tidak lagi terasa seperti satu kesalahan malah menjadi satu keperluan baik di rumah, di sekolah, di universiti mahupun di mana-mana," kata beliau lagi.

Dalam pada itu, Mohd Nor menyokong usaha *Sinar Harian* melaksanakan kempen Sinar Rasuah Busters sebagai langkah memerangi rasuah di negara ini.

"Inisiatif Rasuah Busters adalah sangat tepat dan signifikan dalam mengatur kembali budaya masyarakat yang sebenar.

"Selain ia memerlukan masa untuk menyedarkan, mendidik dan membudayakan dengan amalan yang betul, figura yang luhur dan tulus dalam usaha sebegini turut berdepan dengan ancaman pengaruh dan kuasa yang mendominasi amalan rasuah ini," kata beliau.

Menurutnya, kempen #RasuahBusters adalah satu gerakan yang sangat berani dan murni dalam melahirkan masyarakat bebas rasuah.

"Usaha membuka mata masyarakat tentang realiti rasuah, memperbetulkan budaya dan silap faham serta membina keberanian dalam jiwa masyarakat untuk sentiasa teguh menentang amalan rasuah adalah satu usaha yang suci dan berani demi negara tercinta," katanya.



MOHD NOOR



# KERATAN AKHBAR (*Februari 2021*)

*SINAR HARIAN: 23/02/2021 (Selasa)*



## Kukuh asas agama bentuk jati diri bendung amalan rasuah

**JERANTUT** - Penghayatan agama Islam bagi membentuk jati diri yang kuat menjadi benteng melawan godaan nafsu supaya tidak terbabit dengan perbuatan tidak bermoral termasuk amalan rasuah.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tahan, Mohd Zakhwan Ahmad Badarudin berkata, aspek tersebut perlu diperkukuhkan dalam kalangan umat Islam untuk membendung perbuatan tidak bermoral tersebut.

Beliau berkata, pelbagai kempen sama ada di media cetak, elektronik serta laman sosial yang seiring dengan perkembangan teknologi perlu dimanfaatkan sebaik mungkin untuk menangani isu rasuah di negara ini.

“Tapi jika jati diri seseorang itu tidak kuat, kempen yang dijalankan mungkin kurang memberi kesan.

“Jadi saya melihat penghayatan agama perlu dikukuhkan sejak kecil lagi supaya mereka tidak mudah terjebak kerana sudah mengetahui hukumnya jika terlibat aktiviti rasuah,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, dalam konteks ahli politik pula, seseorang itu perlu melihat tujuan sebenar terlibat dalam dunia politik.

“Jika mereka memilih dunia politik ini untuk berkhidmat kepada rakyat, mereka tentu dapat mengelakkan diri daripada amalan rasuah yang boleh merosakkan negara,” katanya.

Mohd Zakhwan turut berharap agar semua pihak memainkan peranan masing-masing tanpa mengharapkan kerajaan semata-mata untuk membendung gejala rasuah.



**MOHD ZAKHWAN**



# KERATAN AKHBAR (*Februari 2021*)

*SINAR HARIAN: 23/02/2021 (Selasa)*



## Kerajaan perlu sedia aplikasi, media sosial khas lapor rasuah

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan perlu menyediakan aplikasi khas atau saluran media sosial untuk memudahkan masyarakat melaporkan sebarang kegiatan rasuah di negara ini.

Setiausaha Agung Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan, Shahrin Darus berkata, kemudahan melalui aplikasi digital itu wajar disediakan kerana prosesnya menjadi cepat serta memudahkan orang ramai.

“Langkah yang perlu ialah kerjasama daripada semua pihak dan juga masyarakat memandangkan zaman sekarang kemudahan media sosial sangat membantu.

“Platform sosial dilihat berkesan kerana sebarang perbuatan rasuah boleh dilaporkan dan menjadi tular di media sosial,” katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Sementara itu, Shahrin berkata, dalam konteks



SHAHRIN

peniaga itu sendiri, amalan rasuah bukan sahaja memberi impak kepada pelaku tetapi juga kepada persekitarannya.

“Jika ia berlaku di peringkat penjaja dan peniaga kecil, maka ia bertambah susah untuk menjalankan perniagaan dan harga barang akan meningkat serta imej PBT akan tercalar.

“Kesannya kepada masyarakat sekeliling, mereka tidak akan lagi mempercayai kewibawaan pengurusan pihak pentadbir termasuk pihak kerajaan,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Jabatan Integriti di setiap agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu menempatkan pegawai yang amanah dan berpendidikan agama.

Katanya, pihak berkuasa tidak boleh bersikap pilih bulu ketika menjalankan tugas dan wajib mendakwa pihak yang melakukan kesalahan.



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

BERITA HARIAN: 23/02/2021 (Selasa)



## Pembantu tadbir didakwa buat 21 tuntutan palsu

**Johor Bahru:** Seorang pembantu tadbir di Pejabat Kadi Daerah Kluang didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas 21 tuduhan membuat tuntutan palsu berjumlah RM16,800, enam tahun lalu.

Norazah Abd Aziz, 49, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan dibacakan secara berasingan terhadapnya di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Mengikuti pertuduhan, tertuduh bertugas sebagai Pembantu Tadbir Pengkeranian/Operasi Gred N17 di Pejabat Kadi Daerah Kluang didakwa dengan niat memperdayakan prinsipalnya, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) dengan membuat tuntutan palsu menerusi Borang Tuntutan Sagu Hati Mengajar Di Bawah Rancangan Kelas Takmir Masjid Dan Surau berjumlah RM800 setiap satu selama 21 bulan.

Kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh pada Januari hingga Disember 2015 dan Januari hingga September 2016.

Dia didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Pendakwaan dilakukan Pega-



**Norazah Abd Aziz**

wai Pendakwa SPRM, Nur Mahirah Mohd Pauzi, manakala tertuduh diwakili peguam Siti Norbaya Awan.

Terdahulu, Nur Mahirah menawarkan jaminan RM30,000 dengan seorang penjamin, passport diserahkan kepada mahkamah dan tertuduh perlu melapor diri di pejabat SPRM pada setiap bulan.

Bagaimanapun, peguam tertuduh memohon jaminan dikurangkan kepada RM10,000 dengan alasan tertuduh mengalami masalah kewangan, selain perlu menyara anak yang melanjutkan pengajian di sebuah kolej.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh dijamin RM10,000 dengan seorang penjamin, passport diserahkan kepada mahkamah dan perlu melapor diri di pejabat SPRM pada setiap bulan.

Sebutan semula kes ditetapkan 8 Mac ini untuk serahan dokumen.



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

BERITA HARIAN: 23/02/2021 (Selasa)



## SPRM tahan 7 petugas kaunter JPJ



Tujuh kakitangan JPJ direman sehingga 28 Februari ini bagi membantu siasatan.

(Foto BERNAMA)

## Suspek kena reman tujuh hari

**Johor Bahru:** Tujuh petugas kaunter Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Johor, direman tujuh hari bermula semalam sehingga 28 Februari ini.

Ini bagi membantu siasatan kes penyelewengan urusan cukai jalan Lesen Kenderaan Motor (LKM) menjejaskan lebih 1,000 jenis kenderaan bermotor dengan nilai mencecah RM3.1 juta.

Majistret Nurmadiana Manan memerintahkan reman terhadap semua suspek berusia 27 hingga 42 tahun itu selepas dimohon Suruhanjaya Pencegahan Rasuah

Malaysia (SPRM) Johor.

Semua suspek ditahan reman mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Kelmarin, SPRM Johor dilaporkan menahan tujuh petugas JPJ Johor bagi membantu siasatan berhubung penyelewengan urusan cukai jalan LKM yang dipercayai hasil perbuatan salah guna kuasa oleh kakitangan berkenaan dengan menceraiboh sistem JPJ.

Semua kakitangan berkenaan dilaporkan ditahan antara jam 11 pagi hingga jam 1 tengah hari kelmarin dan dipercayai bertu-

gas di JPJ Johor Bahru di Taman Daya, di sini.

Menurut sumber, mereka dipercayai memanipulasi sistem MySIKAP bagi urusan cukai jalan LKM yang mana jumlah ketirisan kutipan cukai jalan JPJ Johor mencecah RM3.1 juta dalam tempoh enam bulan iaitu bermula Julai hingga Disember 2019.

Ketua Pengerusi SPRM, Datuk Seri Azen Baki yang berada di Johor Bahru kelmarin bagi menghadiri mesyuarat bersama SPRM Johor dilaporkan mengesahkan tangkapan.



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

*BERITA HARIAN: 23/02/2021 (Selasa)*



*Kes tertukar bayi di Hospital Melaka*

## Tindakan tatatertib jika ada unsur kecuaiian

Jabatan  
Kesihatan  
Melaka buat  
siasatan  
dalam

Oleh Amir Mamat  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Melaka:** Jabatan Kesihatan negeri melakukan siasatan dalam kes tertukar bayi di Hospital Melaka. di sini, minggu lalu sama ada berlaku kecuaiian petugas kesihatan atau pun sebaliknya.

EXCO Kesihatan dan Antidadah negeri, Datuk Rahmad Mariman, berkata tindakan tatatertib akan dikenakan terhadap petugas kesihatan terbahit jika ter-

dapat unsur kecuaiian sehingga menyebabkan kes berkenaan berlaku.

"Kes ini tidak pernah berlaku di Melaka dan ia dikatakan berpunca daripada kesilapan dan kecuaiian petugas.

"Jadi saya mengesyorkan supaya petugas kesihatan yang terbahit dikenakan tindakan tatatertib kerana ia adalah kes yang serius," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Ayer Molek, semalam.

Sebelum ini, kejadian bayi tertukar seberat 3.1 kilogram yang dilahirkan pada 12 Februari lalu ditularkan seorang wanita di Facebook miliknya.

Dalam status dimuat naik, wanita itu dilaporkan berkata, membenarkan pulang pada 15 Februari lalu, tetapi bayi lelakinya terpaksa ditahan wad hospital kerana jaundis.

Bagaimanapun, ketika wanita

itu datang semula ke hospital dua hari kemudian untuk menyusukan bayinya, dia terkejut seorang bayi lelaki diletakkan di katil bayi bukan anaknya.

Bayi wanita itu pula sudah diambil individu lain selepas dibenarkan keluar wad pada waktu tengah hari, pada hari yang sama.

Bagaimanapun, pihak hospital berjaya menghubungi pemilik sebenar bayi di hospital itu dan kedua-duanya menukar semula bayi masing-masing.

Rahmad berkata, kes tertukar bayi itu bagaimanapun, diselesaikan dengan baik antara pihak hospital dan kedua-dua keluar-ga.

"Saya mewakili kerajaan negeri dan jabatan kesihatan negeri memohon maaf mengenai perkara itu dan berharap kejadian sama tidak berulang lagi," katanya.



**Kes ini tidak pernah berlaku di Melaka dan ia dikatakan berpunca daripada kesilapan dan kecuaiian petugas.**

**Rahmad Mariman,**  
EXCO Kesihatan  
dan Antidadah Melaka



# KERATAN AKHBAR (*Februari 2021*)

*BERITA HARIAN: 23/02/2021 (Selasa)*



## Didenda RM12,500 kemuka penyata palsu

**Kuala Lumpur:** Seorang bekas penolong pegawai kesihatan di-jatuhi hukuman denda RM12,500 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah mengemukakan penyata palsu tuntutan bekerja lebih masa berjumlah RM3,352.06.

Hakim Rozina Ayob menjatuhkan hukuman denda masing-masing RM2,500 terhadap Mohd Johan Fazlan Sa'adon, 42, atas lima pertuduhan mengemukakan penyata palsu.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani tambahan hukuman penjara 15 bulan jika gagal bayar denda. Tertuduh kemudian membayar denda itu.

Mengikut pertuduhan pertama hingga kelima, tertuduh yang ketika kejadian bekerja di Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan di Putrajaya didakwa mengemukakan beberapa set dokumen penyata tuntutan bekerja lebih masa yang diketahuinya adalah palsu bagi bulan Mei hingga September 2015 berjumlah keseluruhan RM3,352.06.



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

THE STAR: 23/02/2021 (Selasa)



## Kadi's office clerk charged, JPJ personnel remanded

By REMAR NORDIN  
[newsdesk@thestar.com.my](mailto:newsdesk@thestar.com.my)

**JOHOR BARU:** An administrative assistant at the Kluang district kadi's office has been charged in the Sessions Court here with 21 counts of making false claims amounting to RM16,800.

Norazah Abdul Aziz, 49, claimed trial to all the charges before judge Ahmad Kamal Arifin Ismail yesterday.

According to the charge sheets, she committed the offences between January 2015 and September 2016, by submitting claims under the "kelas takmir Masjid dan surau" programme worth RM800 each month.

Norazah is accused of committing the offences while serving at the Kluang district kadi office, which is under the Johor Islamic Religious Department.

If convicted under the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) Act 2009, she faces a maximum jail term of 20 years and a fine of five times the value of the claims or RM10,000, whichever is higher.

Ahmad Kamal set bail at RM10,000 in one surety and fixed



**In custody:** JPJ personnel being led to the Magistrate's Court in Johor Baru where they were remanded for seven days on corruption charges involving motor vehicle licences. — Bernama

March 8 for next mention of the case.

He also ordered Norazah to hand over her passport to the court and to report to the MACC office every month until her case is over.

MACC prosecution officer Nur Mahirah Mohd Pauzi prosecuted the case while lawyer Siti Norbaya Amin represented the accused.

Norazah posted bail.

In an unrelated case, the

Magistrate Court's here granted a seven-day remand order on seven Road Transport Department (JPJ) personnel currently being investigated by the MACC.

Assistant registrar Nurmadiana Mamat issued the seven-day remand order until Feb 28.

On Sunday, the MACC arrested the individuals aged 27 to 42 for alleged corruption involving 1,000 motor vehicle licences.

According to an MACC source, the suspects – two women and five men – were those manning JPJ counters in Johor.

"The suspects are believed to have manipulated JPJ's MySikap system to handle the licences and had caused losses of about RM3.1mil in road taxes to the state JPJ within six months between July and December 2019," said the source.



# KERATAN AKHBAR (*Februari 2021*)

*THE STAR: 23/02/2021 (Selasa)*



## Man fined RM12,500 for making false OT claims

**KUALA LUMPUR:** A former assistant health officer was fined RM12,500 by the Sessions Court for fraudulently using documents to claim more than RM3,000 in overtime pay.

Mohd Johan Fazlan Sa'don, 42, pleaded guilty before judge Rozina

Ayob here yesterday.

He admitted to five counts of fraudulently using the documents to claim RM644.63, RM709.09, RM547.93, RM966.94 and RM483.47 at the salary unit office of the Health Ministry in Putrajaya between June 1 and Oct 1, 2015.

The total amount for the five consecutive months was RM3,352.06.

The charge under Section 471 of the Penal Code carries imprisonment of up to two years or a fine or both, upon conviction.

Deputy public prosecutor Abd Muntaqim Abdul Aziz appeared for

the prosecution while Mohd Johan was represented by Nur Fazrin Ahmad.

The court fined him RM2,500 for each charge and ordered him to serve 15 months in jail if he fails to pay the fine.

Mohd Johan paid the fine.



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

HARIAN METRO: 23/02/2021 (Selasa)



## Tipu ada kelas agama

Pembantu tadbir kena 21 tuduhan tuntutan palsu bernilai RM16,800



Oleh Mohamed Farid Noh  
an@hmetro.com.my

Jobor Bahru

Seorang pembantu tadbir di Pejabat Kadi Daerah Kluang didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam di atas 21 pertuduhan membuat tuntutan palsu bernilai RM16,800 terhadap kelas agama yang tiada.

Tertuduh Norazah Abd Aziz, 49, mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Mengikut keratan pertuduhan, Norazah dengan niat memperdayakan prinsipalnya, Jabatan Agama Islam Negeri Johor membuat tuntutan palsu menerusi Borang Tuntutan Saguhati Mengisjar Di Bawah Rancangan Kelas Takmir Masjid Dan Surau berjumlah RM800 setiap satu selama 21 bulan.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh pada Januari hingga Disember 2015 serta Januari hingga September 2016.

Dia didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai

suapan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi.

Kes dileendalkan Penguawai Pendakwa SPRM Nur Mahirah Mohd Pauzi manakala tertuduh diwakili peguam Siti Norsyaz Arwan.

Terdahulu, Nur Mahirah menawarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin, pasport diserahkan pada mahkamah selain perlu melapor diri di Pejabat SPRM setiap bulan.

Bagaimanapun, peguam tertuduh memohon wang jaminan dikurangkan kepada RM10,000 berikutan anak guamnya mengalami masalah kewangan.

"Tertuduh perlu menyara anak yang sedang melanjutkan pengajian di sebuah kolej selain ibunya uzur dan perlu menjalani dialisis setiap minggu.

"Tertuduh sudah bekerja selama 21 tahun di Pejabat Kadi Daerah Kluang namun dia digantung kerja dan gajinya hanya dibayar separuh mulai hari ini (semalam)," katanya.

Ahmad Kamal kemudian memerintahkan tertuduh dijamin RM10,000 dengan seorang penjamin, pasport diserahkan pada mahkamah selain perlu melapor diri di Pejabat SPRM setiap bulan.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 8 Mac depan bagi penyerahan dokumen.

**Tertuduh perlu menyara anak yang sedang melanjutkan pengajian Siti Norsyaz**

NORAZAH mengaku tidak bersalah



# KERATAN AKHBAR (Februari 2021)

HARIAN METRO: 23/02/2021 (Selasa)



TUJUH kakitangan JPJ Johor direman tujuh hari mulai semalam.

## 7 staf JPJ direman 7 hari manipulasi sistem MySIKAP

**Johor Bahru:** Tujuh kakitangan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Johor direman tujuh hari bermula semalam hingga 28 Februari ini bagi membantu siasatan berhubung penyelewengan urusan cukai jalan Lesen Kenderaan Motor (LKM) membabitkan lebih 1,000 jenis kenderaan bermotor bernilai RM3.1 juta.

Majistret Nurmadiana Mamat memerintahkan reman berkenaan terhadap semua suspek yang berusia 27 hingga 42 tahun itu selepas dimohon Suruhanjaya

Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Semua suspek ditahan reman mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Kelmarin, SPRM dilaporkan menahan tujuh kakitangan JPJ Johor bagi membantu siasatan berhubung penyelewengan urusan cukai jalan LKM yang dipercayai hasil perbuatan salah guna kuasa dengan menceroboh sistem JPJ.

Semua kakitangan itu dilaporkan ditahan antara jam 11 pagi hingga 1 tengah hari kelmarin.

Menurut sumber, mereka dipercayai memanipulasi sistem MySIKAP bagi urusan cukai jalan LKM yang mana jumlah ketirisan kutipan cukai jalan JPJ Johor mencecah RM3.1 juta dalam tempoh enam bulan bermula Julai hingga Disember 2019.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Seri Azam Baki yang berada di Johor Bahru kelmarin kerana menghadiri mesyuarat bersama SPRM Johor mengesahkan penahanan kakitangan JPJ terbabit.





# MAC 2021

78



HARIAN METRO: 02/03/2021 (Selasa)

## Pengarah dituduh songlap RM603k

**Kuala Lumpur:** Seorang pengarah syarikat perisian komputer dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas satu pertuduhan menyalah guna wang milik syarikatnya berjumlah RM603,000, tiga tahun lepas.

Bagaimanapun, G Shamala Devi, 47, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Hasbullah Adam.

Mengikut pertuduhan, wanita itu yang merupakan pemilik syarikat CSE Solution Sdn Bhd didakwa menyalahgunakan wang berjumlah RM603,000 yang diterima dalam akaun Maybank milik syarikat berkenaan menerusi tujuh transaksi untuk kegunaannya sendiri, pada 3 Januari 2018 hingga 24 Disember 2018.

Ibu kepada empat orang anak itu didakwa mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksamaan yang membawa hukuman penjara tidak kurang enam bulan dan maksimum lima tahun dan sebatan serta denda, jika sa-

### » INFO

*Tertuduh G Shamala Devi didakwa menyalahgunakan wang berjumlah RM603,000 yang diterima dalam akaun Maybank milik syarikat berkenaan menerusi tujuh transaksi untuk kegunaannya sendiri pada 3 Jan 2018 hingga 24 Disember 2018.*

bit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Nurul Khairiyah Samsudin mencadangkan jaminan RM50,000 dengan seorang penjamin kerana pertuduhan itu melibatkan jumlah yang besar manakala peguam Aravind Raj yang mewakili tertuduh memohon jaminan rendah atas alasan empat anak tertuduh masih bersekolah dan suaminya sudah meninggal dunia.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM20,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 8 April ini untuk sebutan semula kes.



**Dituduh kemuka tuntutan palsu**

**SEORANG** Pengurus Sumber Manusia, Wong Siow Yen, 39, (kanan) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Seremban, semalam atas pertuduhan membuat tuntutan palsu subsidi Program Subsidi Upah (PSU) pada tahun lalu.

## Kontraktor didakwa palsukan dokumen

**Alor Setar:** Seorang kontraktor semalam mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, atas pertuduhan memalsukan dokumen untuk pindah milik tanah pada Oktober 2005.

Tertuduh Mohd Isa Hanafiah, 67, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Murtazadi Amran selepas pertuduhan dibacakan.

Dia didakwa dengan curangnya menggunakan suatu dokumen sebagai tulen iaitu Borang 14A Kanun Tanah Negara bagi tujuan pindah milik tanah, bahagian atau pajakan daripada Bakar Mohd Isa kepada dirinya di Pejabat Tanah Kubang Pasu, Jitra pada 9.23 pagi, 25 Okt 2005.

Tertuduh mempunyai sebab untuk mempercayai dokumen itu adalah palsu dan sehubungan itu dia dituduh mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksamaan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 465 kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit

kesalahan.

Bagaimanapun, mahkamah membenarkan Mohd Isa diikat jamin RM8,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan iaitu dia perlu melaporkan diri di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terdedak pada minggu pertama setiap bulan. Mahkamah menetapkan 8 April depan untuk sebutan semula kes. Pendakwa kes itu dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM Tan Sew Ping megakala tertuduh diwakili Peguam Rosman Azwan Osman.

### » INFO

*Tertuduh Mohd Isa Hanafiah didakwa dengan curangnya menggunakan suatu dokumen sebagai tulen iaitu Borang 14A Kanun Tanah Negara bagi tujuan pindah milik tanah, bahagian atau pajakan daripada Bakar Mohd Isa kepada dirinya.*



# KERATAN AKHBAR (Mac 2021)

80

SINAR HARIAN: 02/03/2021 (Selasa)

## SPRM gagal lucut hak wang UMNO Selangor

SHAH ALAM - Mahkamah Tinggi Shah Alam pada Isnin menolak permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk melucut hak wang berjumlah RM2.73 juta di dalam akaun UMNO Selangor.

Setiasaha UMNO Selangor, Datuk Kamaruzzaman Johari berkata, Hakim Datuk Muhammad Jamil Hussin memutuskan bahawa SPRM gagal membuktikan wang tersebut diterima daripada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib-Tun Razak atau wang tersebut hasil daripada aktiviti haram.

"Mahkamah turut memutuskan wang yang dikatakan diterima UMNO Selangor daripada Ahli Parlimen Pekan itu telah lama habis digunakan.

"SPRM juga gagal mencabar kesahihan dan kandungan akaun-akaun dan pengataang-pengataang yang dikemukakan dalam affidavit responden."



Kamaruzzaman (dua dari kanan) ketika hadir di Mahkamah Tinggi Shah Alam pada Isnin.

katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Katanya, permohonan susulan oleh Timbalan Pendakwa Raya untuk menggantung keputusan tersebut sementara mereka mengemukakan rayuan ke Mahkamah Rayuan juga telah ditolak oleh hakim.

"Berdasarkan keputusan tersebut, SPRM wajib menamatkan pembekuan serta penyitaan ke atas akaun UMNO

Selangor serta-merta.

"Ia bagi membolehkan UMNO Selangor kembali mempunyai akses kepada wang kepunyaannya," katanya.

Dalam prosiding berkenaan, pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nik Haslinie Hashim manakala peguam Datuk Hasnal Rezua Merican dan Muzzammil Merican mewakili UMNO Selangor.



# KERATAN AKHBAR (Mac 2021)

81

SINAR HARIAN: 03/03/2021 (Rabu)

14

**RASUAH BUSTERS**

## 'Rasuah bukan budaya'

Pendidikan agama sebagai instrumen penting kekang rasuah

Oleh HANIZA HUSSAIN

**SIKAP ALAM**

**K**esedaran sejak awal serta pendidikan agama perlu menjadi instrumen penting dalam mengekang gejala atau salah laku rasuah di negara ini.

Felo Utama Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Datuk Dr Teo Kok Seong berkata, kedua-dua elemen itu perlu bergerak seiring dan berterusan dalam usaha membanteras rasuah.

Beliau berkata, jika dilihat pada masa ini, kesedaran mengenai bahayanya rasuah dalam kalangan masyarakat amat kurang, malah ramai masih menganggapnya sebagai satu budaya normal atau kebiasaan.

"Kesedaran bahawa rasuah itu salah, satu dosa serta perbuatan jijik perlu diberi penekanan dan dipertingkatkan khususnya sejak dari bangku sekolah.

"Guna semula saluran agama di mana orang Melayu diberi pengetahuan tentang hal itu menerusi Pendidikan Islam, manakala bagi yang bukan Melayu ia perlu diterapkan melalui subjek Pendidikan Moral,"



Kesedaran mengenai bahayanya rasuah dalam kalangan masyarakat amat kurang, malah ramai masih menganggapnya sebagai satu budaya atau kebiasaan.



katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Isnin.

Tegasnya, rata-rata masyarakat Malaysia beragama dan berpedoman, malah jika kesedaran berkenaan dipupuk dan didedahkan sejak awal dari sudut agama dan moral, keberkesannya akan dapat dilihat setelah mereka meningkat dewasa dan berdepan dunia sebenar.

"Dari pada kesedaran, ia akan mewujudkan keinsafan dan barulah masukkan elemen bahawa rasuah itu tidak baik serta berbahaya dan boleh meruntuhkan negara.

"Justeru, pengukuhan dari segi agama dan kesedaran itu amat penting," katanya.

Mengulas mengenai perkembangan terkini gejala rasuah dalam negara, Kok Seong berkata, tidak dimafikan ia berada pada tahap yang membimbangkan, namun banyak usaha atau iktibar untuk membasminya dengan lebih serius telah dibuat berbanding sebelum ini.

"Malah banyak kempen untuk membanteras rasuah turut dilaksanakan pelbagai pihak termasuk yang digerakkan *Sinar Harian* menerusi #RasuahBuster.

"Kesemua ini wajar mendapat sokongan rakyat, namun pada masa sama bara yang dihidupkan perlu dilakukan berterusan agar ia tidak padam atau hilang selepas satu ketika," katanya.

22

**M**AHKAMAH & JENAJ

*Sinar Malaysia*

## Bekas pengurus ladang Felcra didakwa

Mengaku tidak bersalah terhadap enam pertuduhan pecah amanah

**SANDAKAN**

**S**eorang bekas pengurus ladang Felcra mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di Sandakan pada Selasa terhadap enam pertuduhan pecah amanah membiatkan wang berjumlah lebih RM20,000 pada 2018.

Shahrul Nazim Mustapa, 39, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Bagi pertuduhan pertama sehingga keenam, tertuduh yang ketika itu bertugas sebagai pengurus Felcra Estet Pertama didakwa melepaskan dengan curangnya Wang Tabung Bagi Kerja-Kerja Urus kendali Felcra Estet Pertama berjumlah keseluruhan RM20,999.44 melalui cek Maybank Islamic.

Dia didakwa melakukan kesemua kesalahan itu di Pejabat Felcra Bhd di sini antara 6 Ogos 2018 dan 31 Disember 2018.

Kesemua pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 405 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 406 kanun sama, memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 10 tahun dan dengan sebatan dan boleh dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Abu Bakar membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 bagi semua pertuduhan dengan RM5,000 didepositkan oleh seseorang penjamin tempatan.

Hakim itu turut menetapkan syarat tambahan iaitu tertuduh perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah, melapor diri di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada setiap dua bulan dan dilarang mengganggu saksi pendakwaan serta menetapkan sebutan semula kes pada 8 April.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM Clementine Severinus, manakala peguam Hamida Ambo mewakili tertuduh. - Bernama



FOTO: BERNAMA

Shahrul Nazim (tengah) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Sandakan pada Selasa terhadap enam pertuduhan pecah amanah membiatkan wang berjumlah lebih RM20,000 pada 2018.

SINAR HARIAN: 03/03/2021 (Rabu)



# KERATAN AKHBAR (Mac 2021)

82

SINAR HARIAN: 03/03/2021 (Rabu)

SINAR HARIAN • RABU 3 MAC 2021

Sinar NEGERI • KEDAH

27



## Didakwa sogok pegawai imigresen

Dua beradik warga Syria mengaku tidak bersalah

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI

ALOR SETAR

**D**ua beradik warga Syria mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini pada Selasa atas pertuduhan memberi rasuah bernilai RM10,000 kepada seorang penolong penguasa imigresen di Langkawi tahun lalu.

Kedua-dua tertuduh, Ali Esmail Hamed, 38, dan adiknya Alaa Esmail, 35, membuat pengakuan berkenaan di hadapan Hakim Murtazadi Amran setelah pertuduhan dibacakan jurubahasa dalam bahasa Inggeris.

Mengikut kertas pertuduhan, mereka secara bersama pada 22 Januari 2020 memberi suapan sebanyak RM10,000 kepada Mohd Hazwan Othman, 31, yang bertugas sebagai penolong penguasa imigresen sebagai dorongan supaya tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap lima pekerja restoran yang ditahan di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen dan Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen.

Mereka didakwa telah melakukan perbuatan itu kira-kira jam 12.50 pagi di Restoran Yasmeen Express Pantai Chenang, Langkawi yang mana membolehkan mereka didakwa mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Jika sabit kesalahan boleh



Ali (kiri) dan Alaa (tengah) menunggu di luar Mahkamah Sesyen Alor Setar pada Selasa sementara menanti giliran mereka dibicarakan.

dihukum penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 atau mana-mana lebih tinggi. Pendakwaan dikendalikan

oleh Timbalan Pendakwa Raya, Tan Sew Ping manakala tertuduh pula diwakili oleh peguam Kuldeep Singh Gill.

Dalam proses penghakiman, mahkamah telah membenarkan kedua-dua mereka diikat jamin RM15,000 dengan dua penjamin warga tempatan.

Mereka yang masing-masing merupakan pemilik dan pengurus restoran itu juga perlu melaporkan diri di pejabat SPRM terdekat pada setiap bulan dan menyerahkan pasport mereka kepada mahkamah.

Mahkamah membenarkan penyerahan pasport Ali yang telah berkahwin dengan wanita tempatan kepada mahkamah ditangguhkan sehingga 18 Mac depan bagi tujuan menyelesaikan urusan permohonan sponsor visanya pada 14 Mac.

Mahkamah turut menetapkan 8 April depan sebagai tarikh sebutan semula kes.



HARIAN METRO: 04/03/2021 (Khamis)

Harian Metro | Khamis 04.03.2021

@hmetromy | HarianMetro | @hmetromy | www.hmetro.com.my 19

lokal

## Ubah wang haram RM209,000

Bername *Bekas pengurus syarikat pemaju perumahan nafi 16 pertuduhan lupus baucar*

Seremban

Seorang bekas pengurus syarikat pemaju perumahan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam terhadap 16 pertuduhan perubahan wang haram berjumlah RM209,000.

Bagi semua pertuduhan, Wong Tze Wei, 47, didakwa melupuskan wang hasil aktiviti haram melalui baucar pembayaran milik syarikat itu.

Lelaki itu dituduh melakukan kesalahan di Great Five Development Sdn Bhd, No 56M Tingkat 2, Jalan Era Square 4, Seremban,

antara 2 Februari 2016 dan 30 Mac 2016.

Pertuduhan terhadapnya dikemukakan mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLA) yang membawa hukuman penjara tidak lebih 15 tahun dan denda sehingga RM5 juta, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Rohaiza Zainal mencadangkan jaminan RM100,000 bagi setiap pertuduhan mengambil kira kesalahan

yang dilakukan tertuduh adalah serisu.

Peguam S Prakash bagaimanapun memohon anak guamnya diikat jamin RM20,000 bagi semua pertuduhan atas alasan Wong tidak bekerja dan membayar jaminan RM460,000 bagi kes sebelum ini.

Hakim Madihah Harullah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM100,000 bagi semua pertuduhan dengan seorang penjamin dan pembayaran perlu dilakukan selewat-lewatnya Isnin ini.

Mahkamah menetapkan 8 dan 9 Mac ini untuk sebutan semula kes.

Wong sebelum ini pernah didakwa dengan 78 pertuduhan pecah amanah berjumlah RM922,500 pada 2018.



WONG dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Seremban, semalam.

Wong sebelum ini pernah didakwa dengan 78 pertuduhan pecah amanah



# KERATAN AKHBAR (Mac 2021)

84

SINAR HARIAN: 04/03/2021 (Khamis)

YAH

KHAMIS 4 MAC 2021 • SINAR HARIAN

## Kontraktor dipenjara, denda RM90,000 guna dokumen palsu

ALOR SETAR - Seorang kontraktor dipenjarakan sehari serta denda RM90,000 selepas mengaku bersalah atas enam tuduhan memalsukan beberapa dokumen program dan aktiviti pelancongan di bawah Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan "Kedah pada 2014 dan 2016.



Zulfadhli hadir ke Mahkamah Sesyen Alor Setar pada Rabu.

Pengakuan tersebut dibuat oleh Zulfadhli Mahdir, 36, di hadapan Hakim Mortazadi Aman di Mahkamah Sesyen Alor Setar pada Rabu.

Namun mahkamah menetapkan hukuman kepada tiga pertuduhan sahaja manakala tiga lagi pertuduhan menggunakan prinsip *Take Into Consideration* (TIC) selepas Timbalan Pendakwa Raya, Tan Sew Ping memohon mahkamah mengguna paksi TIC sebelum hakim menjatuhkan hukuman.

Kes disiasat mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksamaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Peguam tertuduh, Muhamad Aizat Fakri memohon mahkamah mengenakan denda RM15,000 bagi setiap pertuduhan selepas anak guamnya memberikan kerjasama yang baik kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sepanjang tempoh siasatan dijalankan selain perlu menyara seorang isteri, empat anak, ibu bapa dan mentuanya.

Namun Siew Ping yang mewakili SPRM memohon denda yang tinggi kepada tertuduh kerana tindakannya telah memberikan kerugian kepada rakyat dan negara sehingga lebih RM400,000.

Hakim Mortazadi kemudian memutuskan denda RM30,000 bagi setiap pertuduhan selain hukuman penjara setahun jika tertuduh gagal melunaskan setiap satu daripada denda berkenaan. Hukuman penjara sehari itu pula berjalan serentak bermula Rabu.

BH SABTU, 13 MAC 2021

15

Kes rasuah, pengubahan wang haram

## Abdul Azeez gagal batal 13 tuduhan

### Hakim dapati pertuduhan tidak cacat, berlandas peruntukan undang-undang

Oleh Farah Marshita Abdul Patah farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi di sini, semalam menolak permohonan bekas Pengerusi Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim bagi membatalkan 13 tuduhan menerima rasuah dan pengubahan wang haram yang dihadapinya.

Hakim Datuk Muhammad Jamil Hussin membuat keputusan itu selepas mendapati pertuduhan dikenakan tidak cacat dan berlandaskan peruntukan undang-undang. Sehubungan itu,



Abdul Azeez Abdul Rahim

perbicaraan kes berkenaan yang didengar di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen, Azura Alwi akan disambung Isnin ini.

Muhammad Jamil dalam penghakimannya berkata, mahkamah juga mendapati alasan permohonan Abdul Azeez tidak bermerit dan tertuduh juga gagal untuk menunjukkan pendakwaan terhadapnya bersifat mala fide (berniat jahat).

"Mahkamah juga mendapati pada peringkat ini adalah terlalu

awal untuk mahkamah menentukan sama ada pertuduhan itu adalah tidak berasas," katanya.

Beliau berkata, pertuduhan mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang dihadapi Abdul Azeez adalah tidak cacat, walaupun empat projek berasingan digabungkan dalam satu pertuduhan kerana suapan diterima membabitkan semua projek berkenaan.

Sementara itu, peguam Amer Hamzah Arshad yang mewakili Abdul Azeez pada prosiding semalam, menerima arahan daripada anak guamnya untuk memfailkan notis rayuan terhadap keputusan itu.

Pada 18 Disember tahun lalu, peguam Hisyam Teh Poh Teik yang turut mewakili Ahli Parlimen Baling itu, memberitahu Mahkamah Sesyen di sini, bahawa anak guamnya sudah memfailkan permohonan di Mahkamah Tinggi untuk membatalkan 12 pertuduhan yang dihadapi.

Nasional



Mohamed Helfien dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

## 120 pertuduhan rasuah

Kuala Lumpur: Seorang penolong pegawai tadbir Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dihadapkan ke tiga Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas 120 pertuduhan menerima dan berjumlah RM82,700 daripada lima pemilik syarikat kontraktor pembersihan, empat tahun lalu.

Bagaimanapun, Mohamed Helfien Nordin, 44, mengaku tidak bersalah atas semua pertuduhan terhadapnya yang dibacakan masing-masing di hadapan Hakim Suzana Hussin, Rozina Ayob dan Azura Alwi.

Mohamed Helfien didakwa sebagai Penolong Pegawai Tadbir (N29), Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti yang bertugas sebagai

Pengurus Perumahan Zon 2 DBKL menerima RM82,700 yang dimasukkan dalam akaun Maybank miliknya daripada lima pemilik syarikat kontraktor pembersihan perumahan dan rumah sampah di DBKL yang ada hubungan dengan kerja rasmi tertuduh sebagai Pengurus Perumahan Zon 2.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM47,000 dengan seorang penjamin bagi semua pertuduhan serta pasportnya diserahkan kepada mahkamah dan perlu melapor diri di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Mahkamah menetapkan 12 April ini untuk sebutan semula kes.

BERITA HARIAN: 13/03/2021 (Sabtu)



# KERATAN AKHBAR (Mac 2021)

85

HARIAN METRO: 16/03/2021 (Selasa)



LIN dan Karen ketika dibawa ke Mahkamah Sesi Shah Alam, semalam.

## Kena 18 pertuduhan

Suami, isteri didakwa terima suapan, ubah wang haram RMI juta

Oleh Raja Noraina Raja Rahim noraina@phmetro.com.my

Shah Alam

Seorang suami isteri didakwa di Mahkamah Sesi di sini, semalam, atas 18 pertuduhan terbit aktiviti pengubahan wang haram dan menerima suapan dengan jumlah keseluruhan lebih RMI juta. Tertuduh, Len Chia Whye, 35, dan Tong Karen, 35, bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap kesemua pertuduhan yang dibacakan secara berasingan oleh Jabutasa di bujukan Hakim Hozailah Salleh. Len yang juga pengurus hartanah berdepan 12 pertuduhan merindakkan wang hasil daripada aktiviti haram ke akaun simpanan miliknya dan akaun lain sebagai bayaran pendahuluan tenderan, serta Mini Cooper S Clubman F34 serta memiliki mata wang asing

hasil aktiviti haram itu dengan jumlah keseluruhan RM792,986. Perbuatan itu dilakukan antara 7 Julai 2018 sehingga 12 September 2019 di lokasi berasingan iaitu di dalam daerah Sepang, Shah Alam, Klang, Subang Jaya dan Petaling Jaya. Bagi kesalahan berkenaan, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 4(1) akta yang sama. Kesalahan itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 15 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau RM5 juta ringgit, mana

yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan. Di mahkamah sama, Len turut didakwa menerima suapan wang tunai berjumlah RM239,220 daripada Chooing Wai Loon melalui orang tengah iaitu Chooing Wee Long sebagai upah membantu menguruskan subkontrak Design and build Agreement stesen minyak tarunsky. Ia dilakukan di rumahnya di Setia Eco Glades, Cyberjaya, antara jam 3 petang hingga 5 petang pada 24 Mei 2019. Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama, jika sabit kesalahan perjumpaan maksimum 30 tahun dan tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM100k dengan seorang penjamin

Kedua-dua tertuduh dibenarkan diikat jamin RM100k dengan seorang penjamin

## Ahli politik perlu lapor SPRM jika disogok

**JOHOR BAHRU** - Ahli politik perlu bersikap lebih berani dengan melaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sekiranya mereka ditawarkan sebarang dorongan untuk 'melompat parti'. Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Seri Shamsun Baharin Mohd Jamil berkata, tidak ramai ahli politik yang tampil melaporkan kepada SPRM, sebaliknya dilihat lebih gemar menyebarkan

hal tersebut. "Berkenaan lompat parti ini, jika mereka sekadar ubah pendirian tidak mengapa. Namun sekiranya mempunyai dorongan, pihak berkaitan diminta melaporkan kepada SPRM untuk siasatan lanjut dilakukan. "Sesiapa pun boleh lompat, sama ada lompat kijang atau lompat jauh, itu terpulang tetapi isu kita adakah yang melompat itu menerima rasuah. "Ada yang hendak ubah pen-

dirian sahaja atau dia ditawarkan. Itu yang kita ambil kira," katanya pada sidang akhbar Majlis Pelancaran CPP (Cakera Padat Pencegahan) di Ibu Pejabat SPRM Johor di Tampoi di sini pada Isnin. Shamsun Baharin menegaskan, jika ahli politik didorong supaya melompat parti, mereka perlu ke SPRM untuk melaporkan perbuatan tersebut tanpa perlu menghebahkan perkara itu terlebih dahulu.



Shamsun Baharin (dua dari kiri) merasmikan CPP di Ibu Pejabat SPRM Johor di Tampoi pada Isnin.

SINAR HARIAN: 16/03/2021 (Selasa)



# KERATAN AKHBAR (Mac 2021)

86

HARIAN METRO: 17/03/2021 (Rabu)

6

www.hmetro.com.my @hmetromy HarianMetro @hmetromy

Rabu 17.03.2021 | Harian Metro

lokal

Oleh Mohd Jamilul  
Anbia Md Denin  
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Jual maklumat pelanggan talian prabayar secara haram bagi peroleh keuntungan ratusan ribu ringgit.

Itu antara tindakan pengurus bahagian syarikat telekomunikasi yang didakwa menerima rasuah RM315,000 bagi maklumat pelanggan dibocorkan.

Suspek lelaki berusia 50 tahun itu bagaimanapun bakal didakwa di mahkamah kerana disyaki menerima rasuah daripada syarikat pembekal kandungan sebagai balasan memberikan maklumat dan nombor pelanggan prabayar.

## Bocor data pelanggan

### Pengurus syarikat telekomunikasi terima rasuah RM315,000 tunggu masa didakwa

Difahamkan suspek lelaki berusia 50 tahun itu bakal berdepan dengan beberapa pertuduhan mengikut Seksyen 16 (a) (A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 di Mahkamah Shah Alam,

Selangor, semalam. Sumber berkata, suspek menerima rasuah daripada syarikat itu sejak 2014 hingga tahun lalu membabitkan jumlah antara RM800 hingga RM55,000 bagi setiap transaksi. Kata-nya,

Selangor, semalam.

Sumber berkata, suspek menerima rasuah daripada syarikat itu sejak 2014 hingga tahun lalu membabitkan jumlah antara RM800 hingga RM55,000 bagi setiap transaksi.

Kata-nya,

wang rasuah itu dibayar menerusi cek atau dimasukkan ke akaun bank suspek.

Sejak November tahun lalu, SPRM menahan beberapa individu bagi membantu

Suspek terima rasuah daripada syarikat itu sejak 2014 hingga tahun lalu

siyasatan kes rasuah kakitangan syarikat telekomunikasi dan sindi-

ket penipuan melalui sistem pesanan ringkas (SMS).

Malah Harian Metro sebelum ini membongkar kegiatan hampir 100 syarikat penyedia kandungan dikesan melakukan jenayah 'menyedut' kredit prabayar milik pengguna telefon bimbit menyebabkan mangsa kerugian hampir RM100 juta sejak 10 tahun lalu.

Difahamkan syarikat ini aktif 'mencuri' wang milik pengguna talian prabayar hasil kegiatan membeli data

peribadi pengguna dengan menyogok kakitangan syarikat telekomunikasi (telco) tempatan.

Sumber Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendedahkan, syarikat ini menghantar pelbagai kandungan mesej melalui sistem pesanan ringkas (SMS) ke telefon bimbit pelanggan talian prabayar sebelum mangsa dikenakan caj antara 50 sen hingga RM5 bagi setiap penghantaran 'sampah'.

Menurutnya, ramai pakar teknikal dan 'orang penting' syarikat telco dikesan bersekolong dengan menjual data peribadi milik pelanggan berdaftar talian prabayar.



# KERATAN AKHBAR (Mac 2021)

87

HARIAN METRO: 17/03/2021 (Rabu)

## Berdepan 11 tuduhan rasuah RM2.6 juta

**Kuala Lumpur:** Seorang bekas pengurus hartanah syarikat minyak dan gas dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas 11 pertuduhan rasuah membabitkan RM2.6 juta bagi mendapatkan subkontrak Perjanjian Reka dan Bina untuk beberapa stesen minyak di Selangor, Melaka serta Johor antara 2018 dan 2019.

Bagaimanapun, Len Chia Whey, 37, mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Azura Alwi.

Len berdepan satu pertuduhan meminta rasuah RM480,000 daripada Mohamed Shariff Abdul sebagai dorongan membantu mangsa mendapatkan beberapa projek bagi kontrak Perjanjian Reka dan Bina di Selangor, Johor dan Melaka di sebuah restoran di sini, pada Disember 2017.

Dia turut berdepan 10 pertuduhan menerima rasuah iaitu lima cek dan wang tunai RM2,139,650 daripada beberapa individu sebagai upah membantu syarikat KK Choong Synergy Sdn Bhd mendapatkan subkontrak Perjanjian Reka dan Bina



LEN ketika didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam, kelmarin.

untuk beberapa stesen minyak di Selangor, Johor dan Melaka serta beberapa lokasi sekitar Kuala Lumpur antara 12 Disember 2018 dan 19 Julai 2019.

Semua pertuduhan terhadap Len dikemukakan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun dan denda lima kali nilai suapan atau RM10,000

mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Azura membenarkan Len diikat jamin RM100,000 dengan dua penjamin bagi semua pertuduhan dan mengarahkan tertuduh melapor diri ke Pejabat SPRM di Putrajaya pada minggu pertama setiap bulan.

Pendakwa dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Maziah Mohaide dan Abdul Rashid Sulaiman manakala tertuduh diwakili pe-

guam Gooi Soon Seng serta Ooi Pen Lyn.

Mahkamah menetapkan 16 April depan untuk sebutan semula kes.

Kelmarin, Len dan isterinya Tong Karen, 36, didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas 18 pertuduhan menerima rasuah serta melakukan pengubahan wang haram membabitkan RM1.17 juta antara tahun 2018 dan 2019. -Ber-

## Perunding projek direman enam hari

**SEREMBAN** - Seorang perunding projek direman enam hari bermula pada Selasa bagi membantu siasatan kerana disyaki meminta rasuah RM5,000 awal bulan ini.

**KES MINTA RASUAH RM5,000**

Perintah reman terhadap suspek berusia 37 tahun itu dikeluarkan oleh Penolong Kanan Pendaftaran Mahkamah Khas Reman, Syed Farid Syed Ali selepas permohonan dibuat oleh Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Riduan Kadri di Mahkamah Khas Reman Seremban.

Suspek direman bermula semalam sehingga Ahad depan (21 Mac).

Menurut sumber, suspek telah meminta rasuah berjumlah RM5,000 daripada seorang lelaki sebagai dorongan untuknya meluluskan tuntutan perkembangan kerja bagi projek pembangunan Kompleks Sukan Rembau yang sedang dilakukan oleh syarikat miliknya.

Suspek ditahan di sebuah restoran makanan segera di sekitar Tampin dalam satu operasi SPRM pada Isnin.

Kes disiasat mengikut Seksyen 16 (a)(A) Akta SPRM 2009.



Suspek diiring penguat kuasa SPRM ketika tiba di mahkamah pada Selasa.

SINAR HARIAN: 17/03/2021 (Rabu)



# KERATAN AKHBAR (Mac 2021)

88

SINAR HARIAN: 17/03/2021 (Rabu)

SINAR HARIAN • RABU 17 MAC 2021

RASUAH  
BUSTERS

13

Sinar  
untuk  
Malaysia

## 32 pegawai JPJ ditahan SPRM

12 lagi individu turut ditahan disyaki terlibat rasuah RM1.64 juta

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIF MOHD ZOKI

KUALA LUMPUR

**S**eramai 32 pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) antara 44 individu yang ditahan dipercayai terlibat dalam sindiket melindungi pemandu-pemandu lori yang melakukan kesalahan jalan raya khususnya membawa lebih muatan serta tidak memenuhi aspek teknikal.

Jumlah selebihnya terdiri daripada seorang anggota polis trafik, bekas anggota polis trafik serta orang awam.

Menurut sumber, pegawai JPJ tersebut melibatkan pelbagai gred termasuk pegawai kanan manakala orang awam pula merupakan proksi.

"Tangkapan tersebut dilakukan menerusi satu operasi besar-besaran yang dikenali

sebagai Ops Sukat di lima negeri yang mana Kedah melibatkan lapan pegawai JPJ, seorang anggota trafik, seorang bekas anggota trafik polis dan seorang orang awam.

"Pulau Pinang pula melibatkan tangkapan seramai sembilan pegawai JPJ, Perak melibatkan lapan pegawai JPJ dan empat orang awam, Perlis melibatkan tangkapan seorang awam dan Melaka melibatkan tangkapan seramai tujuh pegawai JPJ dan empat orang awam sejak semalam (Isnin)," kata sumber itu pada Selasa.

Sumber itu turut berkata, antara modus operandi yang dikesan ialah pegawai-pegawai berkenaan tidak akan mengambil tindakan terhadap pengusaha lori yang telah melakukan kesalahan jalan raya setelah menerima wang rasuah yang dimasukkan ke dalam akaun bank peribadi atau proksi secara bulanan.

"Mereka dipercayai menerima kira-kira RM150 hingga RM3,000 sebulan dengan nilai keseluruhan melibatkan kira-kira RM1.64 juta.

"Perbuatan ini dipercayai dilakukan sejak 2019 hingga




FOTO: BERNAMA

2020," kata sumber terbabit.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan tangkapan berka-itan operasi tersebut.

"Operasi itu merupakan hasil kerjasama antara SPRM dan JPJ khususnya ketua pengarah dan Bahagian Integriti JPJ dalam usaha meningkatkan integriti jabatan tersebut," katanya.

Azam berkata, ketika ini siasatan masih lagi berjalan dan pihaknya tidak menolak kemungkinan akan ada beberapa lagi siri tangkapan.



Tiga kakitangan JPJ Pulau Pinang dibawa ke Mahkamah Majistret Georgetown untuk mendapat tahanan reman pada Selasa.

Anggota SPRM membawa 10 individu termasuk lapan penguat kuasa JPJ ke Kompleks Mahkamah Alor Setar pada Selasa untuk mendapatkan perintah reman bagi membantu siasatan kes rasuah melibatkan pengusaha dan pekerja syarikat pengangkutan.



# KERATAN AKHBAR (Mac 2021)

89

HARIAN METRO: 19/03/2021 (Jumaat)

## 2 dituduh kemuka 28 tuntutan palsu

**Kuala Lumpur:** Seorang pemilik syarikat pembekal dan pembungkus minyak masak subsidi serta pembantunya dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas 28 pertuduhan mengemukakan tuntutan palsu berhubung pembekalan minyak masak kepada peruncit berjumlah RM618,058.80, dua tahun lalu.

Bagaimanapun, Eng Wing Kuang, 52, dan pembantunya, Choy Lee See, 51, mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan ke atas mereka dibacakan di hadapan Hakim Azura Alwi.

Mengikut semua pertuduhan, Eng dan Choy didakwa dengan niat bersama memberikan 28 set dokumen penyata Tuntutan Bayaran Kewangan Kepada Kilang Penapis/Pembungkus Minyak Masak Sawit Tulen yang mengandungi butiran palsu bagi tarikh antara 1 Februari 2019 dan 30 April 2020 kepada seorang kakitangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Normawati Osman.

Tuntutan berkenaan mengandungi butiran palsu iaitu resit berkaitan pembekalan minyak masak kepada peruncit oleh Nurfitri Sdn Bhd berjumlah RM1,527,807.40, yang kedua-dua tertuduh tahu

RM618,058.80 daripada jumlah tuntutan itu ada-

lah palsu.

Mereka didakwa melakukan perbuatan itu di Bahagian Perdagangan Dalam Negeri, KPDNHEP di Putrajaya antara 22 Februari 2019 dan 14 Mei 2020.

Pertuduhan mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan (Akta 574) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24 Akta SPRM.

Jika sabit kesalahan, mereka boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai butiran palsu atau silap dan jika butiran itu dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000 atau mana-mana yang lebih tinggi.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa SPRM Kamariah Seman menawarkan jaminan RM100,000 dengan seorang penjamin bagi setiap tertuduh dengan syarat tambahan pasport mereka diserahkan kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Peguam Mohd Baharuddin Ahmad Kassim yang mewakili kedua-dua tertuduh memohon jumlah jaminan rendah atas alasan syarikat Eng baru sahaja kembali beroperasi selepas Perintah Kawat

Jan Pergerakan (PKP) selain Choy adalah ibu tunggal. Ber-

Didakwa atas 28 pertuduhan kemuka tuntutan palsu berjumlah RM618,058.80

## Penolong jurutera nafi rasuah RM1,500

**Seremban:** Seorang penolong jurutera dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Seremban di sini, semalam, atas pertuduhan menerima suapan membabitkan jumlah RM1,500 pada Jun 2018.

Mohd Nor Afendi Abd Wahab, 30, mengaku tidak bersalah ketika pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Madhah Hairullah.

Tertuduh didakwa menerima rasuah RM1,500 daripada Fadlie Idhameffendy Rahmat secara pindahan mesin deposit tunai di sebuah bank tempatan di sini.

Bayaran itu sebagai dorongan melancarkan proses berkaitan kebenaran untuk pihak syarikat Primudi Sdn Bhd memulakan kerja di tapak projek membina dan menyiapkan bangunan Fakulti Pengajian Bahasa Utama di Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Nilai, Negeri Sembilan.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di alamat 1A, Wisma Dewan Perniagaan Melayu Negeri Sembilan, Jalan Dato Bandar Tunggal di sini, pada jam 10 malam, 13 Jun 2018.

Mohd Nor Afendi didakwa tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Prosiding kes dijalankan Pegawai Pendakwa Raya SPRM, Zainab Yahaya manakala tertuduh tidak diwa-



MOHD NOR AFENDI dibawa ke Mahkamah Sesyen Seremban, semalam.

lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Prosiding kes dijalankan Pegawai Pendakwa Raya SPRM, Zainab Yahaya manakala tertuduh tidak diwa-

kali peguam.

Tertuduh memohon wang jaminan yang rendah kerana perlu menanggung isteri yang menghadapi masalah kesihatan kerana dalam rawatan dengan Institut Jantung Negara (IJN) serta seorang anak.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM6,000 dengan seorang penjamin dan diminta melaporkan diri kepada SPRM minggu pertama setiap bulan dan menetapkan 21 April depan untuk sebutan semula kes.

HARIAN METRO: 19/03/2021 (Jumaat)



# KERATAN AKHBAR (Mac 2021)

90

SINAR HARIAN: 21/03/2021 (Ahad)

12

MEMBINA PERSPEKTIF  
**Sinar** Ahad

**Sinar** untuk  
**Malaysia**

## Ketua jabatan minta rasuah seks ditahan

**KOTA KINABALU** - Seorang ketua jabatan di sebuah jabatan kerajaan negeri ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki meminta rasuah berbentuk perkhidmatan seks daripada seorang wanita pada Jumaat.

Lelaki berusia 51 yang bertugas di Keningau itu ditahan jam 3.30 petang di sebuah hotel di Keningau.

Difahamkan, perkhidmatan seks tersebut ialah sebagai syarat untuk wanita berkenaan mendapatkan pinjaman wang bagi projek pertanian.



**KARUNANITHY**

Pengarah SPRM Sabah, S Karunanithy ketika dihubungi mengesahkan tangkapan.

“Suspek ditahan 24 jam untuk diambil keterangan dan telah dilepaskan dengan jaminan SPRM sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin.

“Kes disiasat di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009,” katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Beliau menjelaskan, tafsiran suapan di bawah Seksyen 3 Akta SPRM 2009 meliputi pelbagai perkara termasuk pinjaman, jawatan serta perkhidmatan seperti perkhidmatan seks.



# KERATAN AKHBAR (Mac 2021)

91

HARIAN METRO: 23/03/2021 (Selasa)

6

www.hmetro.com.my @hmetromy HarianMetro @hmetromy

Selasa 23.03.2021 | Harian Metro

## lokal

**Shah Alam:** Seorang bekas pengurus besar kanan sebuah syarikat pembinaan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen semalam atas pertuduhan menerima rasuah dari dua individu pada 2017 dan 2019.

Tertuduh, Chua Shiou Meng, 49, (*gambar*) membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa meminta suapan berjumlah RM10,000 setiap bulan daripada seorang individu sebagai dorongan tidak memberikan laporan prestasi kerja kurang baik dan menyebabkan kontrak syarikat

## Tak mengaku minta RM10k sebulan

individu terbabit dibatalkan.

Bagi pertuduhan kedua, Shiou Meng didakwa secara rasuah menerima daripada individu yang sama satu suapan iaitu wang berjumlah RM140,000 sebagai dorongan untuk tidak memberikan laporan prestasi kerja yang kurang baik dan boleh menyebabkan kontrak syarikat dibatalkan.

Mengikut pertuduhan ketiga, Shiou Meng didakwa secara rasuah menerima suatu suapan iaitu wang berjumlah RM75,700 daripada seorang lagi individu melalui akaun isterinya se-

bagai dorongan untuk tidak memberikan laporan prestasi kerja yang kurang baik dan boleh menyebabkan kontrak syarikat dibatalkan.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan berkenaan antara Januari 2017 hingga Januari 2019 di dua bank di Bandar Puchong Jaya dan Bandar Puchong Puteri.

Justeru, tertuduh melakukan kesalahan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

Sabit kesalahan, tertuduh

boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM Fadhli Ab Wahab menawarkan jaminan RM100,000 bersama seorang penjamin dengan syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah dan tertuduh perlu melaporkan diri pada minggu per-

tama setiap bulan di pejabat SPRM Selangor.

Tertuduh yang diwakili peguam, Nik Ahmed Asraf Nik Othman, Shah Rizal Abdul Manan serta Kelvinder Singh kemudian memohon mahkamah mengurangkan jumlah wang jaminan serta memaklumkan tertuduh tidak akan lari dan akan hadir ke mahkamah apabila dipanggil.

Mahkamah kemudian menetapkan 22 April sebagai tarikh sebutan semula kes berkenaan.





# KERATAN AKHBAR (Mac 2021)

92

HARIAN METRO: 24/03/2021 (Rabu)

## Datuk Seri mengaku tak salah

**Shah Alam:** Seorang ahli perniagaan bergelar Datuk Seri didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas dua pertuduhan termasuk tuduhan pilhan meminta dan menerima rasuah berjumlah lebih RM400,000 tahun lalu.

Tertuduh, Mohammed Al Faizal Mohammed Ibrahim, 45, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sejujur pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut kertas pertuduhan utama, tertuduh didakwa secara rasuah meminta suatu suapan iaitu wang berjumlah RM300,000 daripada Lim Seng Chye, 41, sebagai dorongan untuk membantu melepaskan 22 warga China daripada tahanan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Bagi pertuduhan pilihan, tertuduh didakwa secara rasuah bersetuju menerima iaitu wang berjumlah RM176,000 daripada individu yang sama sebagai dorongan untuk membantu melepaskan 22 warga China daripada tahanan PDRM dan JIM.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah restoran di Kampung Baru Subang pada 22 September tahun lalu.

Justeru, tertuduh melakukan kesalahan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Ra-



MOHAMMED Al Faizal berkerusi roda ketika hadir ke Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam.

suah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) Akta yang sama.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Fadhi Ab Wahab menawarkan jaminan RM100,000 dengan seorang penjamin warganegara serta syarat tambahan, tertuduh perlu melaporkan diri di pejabat SPRM Selangor pada minggu pertama se-

tiap bulan.

Terdahulu, Hakim Rozilah membatalkan waran tangkap terhadap Mohamed Al Faizal yang dikeluarkan selepas tertuduh gagal menghadiri prosiding pendakwaan kes yang sepatutnya berlangsung kelmarin.

Rozilah turut memberi amaran bahawa mahkamah tidak akan memaafkan sekiranya tertuduh mengulangi perbuatan sama (tidak hadir ke mahkamah apabila diarahkan).

**Sebutan semula kes akan dilakukan bersama satu lagi kes membabitkan tertuduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 21 April ini.**



# KERATAN AKHBAR (Mac 2021)

HARIAN METRO: 24/03/2021 (Rabu)

93

## Nafi rasuah dua penguat kuasa RM100k

**Seremban:** Seorang pengarah syarikat dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Seremban di sini, semalam, atas pertuduhan memberi rasuah RM100,000 kepada penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan, tahun lalu.

Bagaimanapun, tertuduh, Wong Yeng Fart, 49, mengaku tidak bersalah selepas jurubahasa mahkamah membacakan kertas pertuduhan di hadapan Hakim Datin Surita Budin.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh memberi wang tunai RM100,000 kepada dua individu iaitu seorang penolong pegawai penguat kuasa dan seorang pegawai penguat kuasa KPDNHEP Negeri Sembilan yang bertugas di Unit Kawalan Bekalan, Seksyen Penguat kuasa sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan terhadap semua pemilik Syarikat Viss

Motor Parts Sdn Bhd yang melakukan kesalahan mengikut Akta Cap Dagangan 2019.

Perbuatan itu dilakukan pada 4 Februari tahun lalu di sebuah restoran di Seremban 2, di sini.

Berikutan itu, tertuduh melakukan kesalahan mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh di-

hukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

Jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Surita menetapkan jaminan RM20,000 dengan syarat tambahan tertuduh perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah serta melapor diri di Pejabat SPRM Negeri Sembilan setiap bulan.

**Mahkamah menetapkan**



WONG dibawa ke Mahkamah Sesyen Seremban atas pertuduhan beri rasuah kepada penguat kuasa KPDNHEP Negeri Sembilan.

**sebutan semula kes 23 April depan.**

Pendakwaan kes dikenda-

likan Timbalan Pendakwa SPRM, Azriff Firdaus Mohamad Ali.

Hakim tetapkan jaminan RM20,000 dengan syarat tambahan





**APRIL 2021**

94



# KERATAN AKHBAR (April 2021)

95

HARIAN METRO: 03/04/2021 (Sabtu)



## Pegawai tentera darat, kontraktor direman

**SHAH ALAM** - Dua individu termasuk seorang pegawai kanan tentera darat berpangkat Leftenan Kolonel direman selama tujuh hari bermula Jumaat bagi membantu siasatan kes menerima rasuah berjumlah RM16,000 bagi kerja-kerja di sebuah kem di Selangor selama setahun bermula 2019.

Perintah reman hingga Khamis depan itu dikeluarkan Majistret Nur Faizah Abdul Sani di Mahkamah Majistret di sini terhadap suspek ber-

usia 47 tahun tersebut selepas menerima permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Seorang lagi suspek iaitu kontraktor berusia 50 tahun turut direman dengan jumlah hari yang sama.

Sumber SPRM memberitahu, kedua-dua suspek ditahan pada 4.30 petang Khamis selepas hadir di Pejabat SPRM Selangor.

Menurutnya, pegawai kanan tentera itu ialah antara pegawai tertinggi di kem tersebut dan mempunyai

kuasa meluluskan projek pembaik-pulihan melibatkan kem.

"Siasatan awal mendapati, suspek yang merupakan kontraktor itu mendapat projek di kem berkenaan.

"Pegawai tentera itu kemudiannya meminta dan menerima suapan berjumlah RM16,000 daripada syarikat-syarikat kontraktor menerusi bantuan kontraktor berkenaan," katanya.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009. - *Bernama*

## Unisel sahut seruan SPRM bebas rasuah

**KUALA SELANGOR** - Seramai 244 orang kakitangan akademik dan pentadbiran Universiti Selangor (Unisel) menandatangani ikrar bebas rasuah (IBR) buat pertama kali di Dewan Canselor, Unisel Kampus Bestari Jaya, Batang Berjuntai di sini.

Presiden dan Naib Canselor UNISEL, Profesor Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman berkata, program tersebut melambangkan Unisel komited menyahut seruan kerajaan

Persekutuan dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi memastikan setiap kakitangan bebas daripada gejala rasuah.

Menurutnya, setiap kakitangan Unisel tidak hanya melafaz ikrar semata-mata, namun ia perlu dihayati dan dipraktikkan agar universiti tersebut lebih cemerlang kelak.

"Agenda integriti dijadikan teras dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai pekerja," katanya dalam satu hantaran di Facebook

pada Khamis.

Lafaz IBR Unisel diketuai oleh Dr Mohammad Redzuan dan diteruskan dengan majlis menandatangani IBR yang disaksikan oleh Pengarah SPRM Negeri Selangor, Datuk Alias Salim.

Hadir sama pada majlis itu ialah Ketua Kluster Tadbir Urus Menteri Besar Incorporated (MBI), Anas Sulaiman, wakil SPRM Selangor dan MBI Selangor serta barisan pengu-rusan tertinggi Unisel.

SINAR HARIAN: 03/04/2021 (Sabtu)



# KERATAN AKHBAR (April 2021)

96

SINAR HARIAN: 06/04/2021 (Selasa)

## Penjara tujuh hari, denda RM11,500 kerana sogok polis



Tertuduh (kanan) didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu pada Isnin.

**KUALA TERENGGANU** - Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara tujuh hari dan denda RM11,500 oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin selepas mengaku salah memberi sogokan sebanyak RM2,300 kepada seorang anggota polis pada Februari lalu.

Tertuduh, Mohd Iskandar Mohd Zain, 41, berdepan dakwaan mengikut Seksyen 17 (b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 (1) akta yang sama. Hakim Dazuki Ali turut memerintahkan tertuduh dipenjara enam bulan sekiranya gagal menjelaskan denda berkenaan. Berdasarkan pertuduhan,

Mohd Iskandar didapati membekalkan satu supaan iaitu wang tunai berjumlah RM2,300 kepada seorang anggota polis yang bertugas di bilik Timbalan Ketua Polis Paka di Dungun pada 21 Februari lalu.

Perbuatan itu dilakukan sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan ke atasnya yang disyaki sebagai orang dihendaki kerana melakukan kesalahan lampau di bawah Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Farah Yasmin, Salleh manakala tertuduh diwakili peguam, Mohd Hayyatuddin Mohamad.

041 Selasa, 6 April 2021



Anggota SPRM membawa tujuh suspek ke Mahkamah Majistret, Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hameed/MI)

## Suspek kartel tender boleh dibuang kerja

### Penjawat awam terbabit kegiatan tertakluk SOP, Garis Panduan Perolehan

Oleh Hafidah Mat Ruzki dan Ihab Hafiz Aziz  
bhnews@com.my

Putrajaya: Pegawai kerajaan yang terbabit dalam kartel tender susulan penahanan tujuh individu oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kelmarin boleh berdepan tindakan tatatertib, termasuk dibuang kerja.

Ketua Pengarah Perkhidmatan

Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman, berkata penjawat awam termaktub kepada pematuhan prosedur operasi standard (SOP) dan Garis Panduan Perolehan yang ditetapkan. Selain itu, katanya Kementerian Kewangan mengeluarkan 'Pekeliling Perolehan yang perlu dipatuhi semua penjawat awam. "Ini jelas isu pematuhan. Sementara SPRM memusnahkan susut dan mengheret mereka ke mahkamah di bawah Akta SPRM, tindakan tatatertib akan diambil selepas proses mahkamah, termasuk buang kerja," katanya kepada *BH*, semalam.

Bellau berkata demikian ketika mengulas penahanan tujuh individu dipercayai anggota kartel yang memonopoli ratusan tender kerajaan dan agensi kerajaan sejak tujuh tahun lalu, membabitkan nilai projek RM3.8 bilion.

"Siasatan SPRM lebih komprehensif kerana Akta SPAM membenarkan skema tertuduh disemak, manakala tindakan tatatertib pula hanya membabitkan pelanggaran prosedur," katanya.

Mohd Khairul berkata, ada dua

jenis susut yang boleh dilakukan iaitu audit dalaman atau Audit Negara, selain susut SPRM mengikat aka sedia ada.

Bellau berkata, berdasarkan laporan media, susut sudah dimulakan SPRM dan mereka terbabit boleh dikenakan hukuman lebih berat termasuk denda dan penjara oleh mahkamah.

"Hukuman maksimum bagi tindakan tatatertib terhadap pegawai atau kakitangan terbabit ialah boleh dibuang kerja.

"Namun, jika mahkamah sudah ambitkan kesalahan, tatatertib boleh diteruskan untuk tindakan buang kerja.

"Siasatan SPRM lebih komprehensif kerana Akta SPAM membenarkan skema tertuduh disemak, manakala tindakan tatatertib pula hanya membabitkan pelanggaran prosedur," katanya.

Nasional

33

## 'Henti rundingan terus elak monopoli projek'

Kuala Lumpur: Rundingan kontrak secara terus ketika negara sedang berdepan COVID-19 perlu dibentangkan untuk membendung kewujudan kartel yang memonopoli projek atau tender kerajaan. Presiden Persatuan Pemeriksa Fraud Berualiah Malaysia, Datuk Seri Akhtar Satar, berkata ini kerana ada pihak cuba mengambili kesempatan dan memanipulasi pihak tertentu untuk membahayakan mereka memperoleh tender projek.

"Isu rundingan terus ini sudah sekian lama dibangkitkan ramai pihak termasuk saya dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Tetapi ketika negara berdepan COVID-19, rundingan terus ini dilihat berlaku malah syarat yang ada ditenggangkan, sekali gus membuka ruang serta peluang kemerosotan kepada jenayah rasuah.

"Isu juga mengakibatkan *contractor 27/09* kerana ada kontraktor yang membawa cadangan projek atau perolehan tanpa dinilai secara terus, sebaliknya ia ditertutupi terutamanya kerana disebabkan ada unsur habuan," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Bellau mengulas penahanan tujuh individu oleh SPRM kelmarin, dipercayai memonopoli ratusan tender kerajaan dan agensi kerajaan sejak tujuh tahun lalu, membabitkan nilai projek RM3.8 bilion.

Bellau berkata, kerajaan harus menitikberatkan aspek pematuhan membentangkan rundingan terus kerana ia banyak menimbulkan implikasi negatif kepada kerajaan sendiri.

"Penipuan juga terjadi apabila ada faktor dalaman dan luaran yang saling berhubung kait, sekali gus membawa kepada kerjasama yang akan menguntungkan mereka," katanya.

"Malah, kita khawatir kewujudan kartel tender ini mungkin berpuasa akibat pemberian kontrak kepada pihak yang tidak berakhlak, sombata-mata atas dasar

### Reaksi

Isu rundingan terus ini sudah sekian lama dibangkitkan ramai pihak termasuk saya dan SPRM

Akhtar Satar, Presiden Persatuan Pemeriksa Fraud Berualiah Malaysia



Hukuman maksimum bagi tindakan tatatertib terhadap pegawai atau kakitangan terbabit ialah boleh dibuang kerja



mahu mengejar keuntungan," katanya.

Bellau berkata, situasi bertamabah burukkan jika tiada penilaian dari segi kewangan dan teknikal terhadap kontraktor yang dipilih sebelum sesuatu projek ditawarkan.

"Biasanya, kartel ini akan melakukan *mark-up* harga untuk memastikan mereka mempunyai keuntungan lebih, manakala kerja yang dilakukan tidak sepadan. Ini akhirnya merugikan duit rakyat," katanya.

BERITA HARIAN: 06/04/2021 (Selasa)



# KERATAN AKHBAR (April 2021)

97

BERITA HARIAN: 06/04/2021 (Selasa)

171 Selasa, 6 April 2021

Nasional

17

Kes pecah amanah bekas Ketua Pengarah MEIO

## Enam jam tangan mewah dibeli tunai

Saksi kelima tidak dapat cam empat individu kerana sudah lama berlaku

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Tinggi yang mendengar perbicaraan kes pecah amanah AS\$12.1 juta (RM50.4 juta) bekas Ketua Pengarah Organisasi Perisikan Luar Malaysia (MEIO), Datuk Hasanah Ab Hamid diberitahu bahawa enam utas jam tangan Omega pelbagai model dibeli oleh seorang individu di sebuah kedai menjual jam tangan mewah di Pavilion, tiga tahun lalu.

Perunding jualan di premis berkenaan, Chua Sook Shin @ Miss Juraiporn Chua, 29, berkata keenam-enam jam tangan itu berharga dalam lingkungan RM20,000 hingga RM40,000 setudai dan dibayar secara tunai oleh seorang individu berjumlah RM142,410.

"Pada 3 Mei 2018, saya bertugas dari jam 10 pagi hingga 10 malam di premis itu. Selain saya, turut bertugas pada hari

itu adalah rakan sekerja saya bernama Jowy Kong Kim Kee (Jowy).

"Kira-kira jam 12 tengah hari, empat orang pelanggan lelaki masuk dalam kedai dan bertanyakan mengenai beberapa jenis jam tangan jenama Omega.

"Saya kemudian membantu Jowy untuk melayan keempat-empat lelaki itu dan selepas diterangkan oleh Jowy, mereka memilih enam utas jam tangan itu dan seorang daripada mereka membuat pembayaran keseluruhan secara tunai berjumlah RM142,410," kata saksi pendakwaan kelima itu ketika membacakan pernyataan saksinya semalam di hadapan Hakim Datuk Ahmad Shahrir Mohd Salleh.

Pada 6 Oktober tahun lalu, dalam ucapan pembukaan kes pada hari pertama perbicaraan itu pihak pendakwaan akan membuktikan Hasanah melakukan pecah amanah wang berjumlah AS\$12.1 juta (RM50.4 juta) dengan sebahagiannya digunakan bagi pembelian enam utas jam tangan mewah sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan Malaysia.

Chua berkata, beliau menguruskan dan menerima pembayaran bagi pembelian keenam-enam utas jam tangan itu

serta merekodkan butiran berkenaan dengan model jam tangan yang dibeli berserta harga dalam sistem, Point of sales (POS).

"Saya kemudian mengeluarkan enam invoice untuk keenam-enam utas jam tangan berkenaan. Saya juga mengeluarkan satu borang, Customer Relationship Management Form kepada pembeli dan tujuan borang ini diberikan untuk menyimpan data pelanggan yang membeli jam dari kedai kami," katanya.

Bagaimanapun, wanita itu berkata, beliau tidak dapat mengecam keempat-empat individu yang datang membeli jam tangan itu kerana ia sudah lama berlaku.

Model jam tangan yang dibeli ialah Omega Seamaster Aqua Terra, Omega Seamaster Diver 300, Omega Speedmaster Moonwatch dan Omega Constellation Ladies.

Saksi pendakwaan itu berkata pada November 2018, seorang pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) datang ke kedai jam tangan dan bertanyakan butiran pembelian keenam-enam jam tangan berkenaan.

"Saya membuat semakan dalam sistem POS dan mengesahkan pembelian keenam-



Hasanah (kanan) keluar dari Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

enam utas jam tangan itu dari kedai kami. Saya juga mencetak salinan invoice yang dikeluarkan untuk pembelian jam berkenaan untuk diserahkan kepada pihak SPRM," katanya.

Sementara itu, pegawai di Etihad Airway, Emi Azura Samsudin, 41, memberitahu mahkamah bahawa wanita bernama 'Hasanah' membuat penerbangan ke Abu Dhabi bersama dua individu pada 8 April 2018 dan ketiga-tiganya pulang ke tanah air pada 10 April 2018.

Pada 25 Oktober 2018, Hasanah, 64, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan sebagai seorang penjawat awam iaitu Ketua Pengarah Penyelidikan

Jabatan Perdana Menteri melakukan pecah amanah wang berjumlah AS\$12.1 juta (RM50.4 juta) milik kerajaan Malaysia.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di pejabat Ketua Pengarah, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kompleks JPM, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya antara 30 April hingga 9 Mei 2018, mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksamaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan serta dendang jika sabit kesalahan.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Shahrir bersambung hari ini. BERNAMA



# KERATAN AKHBAR (April 2021)

**HARIAN METRO:  
07/04/2021 (Rabu)**

## lokal

### KENDERAAN MEWAH DALANG KARTEL PROJEK YANG DIRAMPAS



# JUTAWAN TUMBANG

Kenderaan mewah milik dalang kartel projek dirampas

Oleh Mohd Jamilul Anblul Md Denin dan Hafidzul Hilmi Mohd Noor an@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Tayang puluhan kereta mewah antaranya model Ferrari Spider, Ford Mustang GT, Range Rover Evoque, Mercedes-Benz AMG, Porsche 911 dan Lamborghini Urus di pekarangan banglo di sini.

Malah dalang sindiket 'kartel projek' berusia 47 tahun terabit turut memiliki sebuah kapal mewah bernilai lebih RM10 juta selain dua helikopter untuk kesenangan peribadi.

Kehidupan persis jutawan dikenali suspek bergelar Dajak itu bagaimanapun dibongkar pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) susulan serbuan dilancarkan di kediaman mewahnya kelmarin.

Sumber berkata, hasil pemeriksaan dilekukan mendapati suspek menyimpan pelbagai kenderaan mewah dianggarkan bernilai RM15.7 juta.

**INFO**  
Suspek menyimpan pelbagai kenderaan mewah dianggarkan bernilai RM15.7 juta.

**SPRM merampas simpanan wang tunai berjumlah RM3.5 juta**

**Banglo, rumah kedai dan pejabat bernilai RM2.9 juta turut dibakar**

**Sebanyak 644 akaun individu dan syarikat yang dianggarkan bernilai RM100 juta turut dibekukan**

ta di kediamannya itu.

Selain itu SPRM turut menemui dan merampas simpanan wang tunai berjumlah RM3.5 juta milik ketua sindiket itu. SPRM turut menyita banglo, rumah kedai dan pejabat bernilai RM2.9 juta dalam operasi sama.

Selain itu sebanyak 644 akaun individu dan syarikat yang dianggarkan bernilai RM100 juta turut dibekukan

dalam siasatan kes 'kartel projek' dilakukan sejak 'kelmarin', katanya.

Media semalam melaporkan sindiket 'kartel projek' diketuai oleh seorang ahli perniagaan itu membolot projek kerajaan menerusi tender dan sebut harga bernilai lebih RM3.8 bilion. Difahamkan sindiket ini sudah beroperasi sejak tahun 2014 hingga 2021.

'Kemewahan yang ditunjukkan oleh Dajak yang juga ketua sindiket ini amat luar biasa. Selain memiliki nilai hartanah dan wang tunai yang luar biasa jumlahnya, dia turut memiliki deretan kereta mewah, sebuah kapal mewah dan dua helikopter.

'Modus operandi kumpulan kartel projek ini adalah membuka lebih 150 syarikat dengan 900 individu yang digunakan nama sebagai pengarah syarikat dan dibayar gaji antara RM5,000 hingga RM8,000 sebulan.

'Semua syarikat ini sebenarnya adalah milik dalang utama terabit. Dipercayai ia individu digunakan nama mereka untuk membuka le-

bih 150 syarikat,' katanya.

Memutuskannya, semua syarikat ini akan digunakan secara bergilir-gilir untuk memasuki tender dan sebut harga di Kementerian dan agensi kerajaan.

'Maklumat tender atau sebut harga termasuk spesifikasi projek dan harga siling projek akan disalurkan oleh individu dalam Kementerian atau agensi kerajaan.

'Hasil siasatan SPRM mendapati hampir semua syarikat itu menggunakan maklumat palsu dari segi kelulusan akaun, sijil profesional manapun penyata kewangan untuk meyakinkan lembaga tender berhubung keupayaan syarikat melaksanakan projek', katanya.

Harian Metro semalam melaporkan, SPRM memusnahkan sindiket kartel projek melalui penahanan tujuh individu termasuk seorang ketua sindiket, kelmarin.

Sindiket ini memonopoli sebanyak 345 tender daripada beberapa Kementerian dan agensi kerajaan di seluruh negara dengan nilai projek RM3.8 bilion.



# KERATAN AKHBAR (April 2021)

99

**HARIAN METRO:  
07/04/2021 (Rabu)**



## Sogok RM1.2 juta salur info

**Kuala Lumpur:** Terima wang sogokan RM1.2 juta bagi menyahkakan maklumat kepada sindiket 'kartel projek'.

Kegiatan rasuah itu dilakukan seorang kakitangan kerajaan yang juga jurutuk bahan Gred 48 yang ditayangi membopokkan maklumat berhubung spesifikasi projek kepada ketua sindiket untuk memudahkan penyediaan dokumen tender.

Menurut sumber, lelaki berusia 38 tahun itu bagaimanapun ditahan Suruhanjaya

Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di rumahnya di Ampang, Selangor, semalam. "Lelaki itu terbukti dalam kerja penyediaan 'Bill of Quality (BQ)' bagi projek yang ditawarkan agensi kerajaan berkenaan.

"Beliau dipercayai menerima rasuah bagi membocorkan maklumat berhubung spesifikasi projek kepada ketua sindiket untuk memudahkan penyediaan dokumen tender.

"Hasil risikan mendapati suspek menerima rasuah se-

banyak RM300,000 bagi maklumat yang disalurkan kepada ketua sindiket. Setakat ini sebanyak empat kali pembayaran iaitu anggaran RM1.2 juta ditayar kepadanya," katanya.

Memerutnya, siasatan kes masih dilakukan dan dipercayai lebih ramai akan ditahan berhubung kes ini.

Sementara itu, Ketua Pesaruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki mengesahkan tangkapan terbaharu itu namun enggan mengulas lanjut.

## Laksana pusingan kerja elak rasuah

**Putrajaya:** Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali berkuat Jabatan Perkhidmatan Awam (PA) di-

arahkan untuk melaksanakan pusingan kerja bagi pegawai di jawatan sensitif yang cenderung kepada isu berkaitan salah laku rasuah.

Dalam kenyataan semalam yang dikeluarkan eboan pendedahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkenaan sindiket kartel tender kerajaan, Mohd Zaki menyatakan kekeluarganya terdapat segelintir penjawat awam yang membenarkan diri mereka dipergunakan oleh pihak berkepentingan untuk habuan luyaman.

"Saya memberi jaminan bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana penjawat awam yang terlibat dalam isu ini ataupun sebarang salah laku yang menjejaskan imej perkhidmatan awam sekiranya dibuktikan bersalah," katanya.

Mohd Zuki berata pendedahan SPRM berkenaan sindiket kartel tender kerajaan yang bernilai RM3.8

bilion membimbangkan.

Memerutnya, kes tersebut mula dikesan sejak 2014, dan hasil pemerhatian serta risikan berterusan pihak SPRM berjaya membawa kepada penahanan beberapa individu yang menjadi suspek utama siasatan.

Dilaporkan, SPRM menumpaskan sindiket kartel projek yang memonopoli 345 tender kementerian dan agensi kerajaan yang bernilai RM3.8 bilion, dengan penahanan tujuh individu termasuk ketua sindiket pada Ahad.

Ketua sindiket yang berjumlah 47 taben berkenaan dikatakan mengawal lebih 150 syarikat yang berfungsi untuk memasuki tender atau sebat harga di kementerian dan agensi yang terbahit.

Menurut laporan, modus operandi kartel ialah membayar rasuah kepada 'orang dalam' untuk mendapat maklumat berhubung spesifikasi, harga siling, harga jabatan, jumlah penyertaan, selayakan syarikat dan masa yang sesuai untuk menghantar borang tender dan sebut harga. - Bernama

## KENDERAAN DAN HARTA DIRAMPAS SPRM MILIK 'KARTEL PROJEK'

1. Lamborghini Aventador
2. Mercedes-Benz AMG Dua unit
3. Mustang GT
4. Range Rover Evoque Dua unit
5. Toyota Alphard
6. Bot Mewah
7. Porsche 911
8. Ferrari Spider
9. Lamborghini Urus
10. Nissan Skyline GT-R R35
11. Helikopter ringan Dua unit
12. Wang tunai berjumlah RM3.5 juta
13. Banglo, rumah kedai dan pejabat bernilai RM29 juta
14. 644 akaun individu dan syarikat RM190 juta



## Waspada, selektif beri tender

**Kuala Lumpur:** Pendedahan kegiatan jenayah dan rasuah 'kartel projek' wajar membuka mata kerajaan supaya lebih berwaspada dan selektif dalam isu pemberian sesuatu tender.

Presiden Persatuan Kontraktor Binaan Malaysia (MBAM), Tan Sri Sufril Mohd Zin, berkata, kegiatan sindiket yang dibongkar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) itu menunjukkan banyak pihak mamam MBAM tidak mahu membuat

ulasan yang boleh mengganggu siasatan.

"Perkara ini (kartel projek tender) kita baru tahu, kalau tidak ada penangkapan kita tidak tahu. Apa yang boleh saya katakan, siasatan lanjut sedang dilakukan pihak berkuasa dan saya tidak mahu beri ulasan yang boleh mengganggu siasatan.

"Dalam melakukan sesuatu perkara, kita perlu hormat undang-undang, perkara tidak elok yang boleh mendatangkan ketidakselesaan

kepada masyarakat tidak harus diamalkan.

"Apa yang berlaku membuka mata kerajaan untuk lebih berhati-hati dan lebih selektif selepas ini," katanya pada sidang media selepas Majlis Perasmian Penderitaan Tahunan Keselamatan dan Kesihatan MBAM ke-19 di sini, semalam.

Majlis perasmian disempurnakan Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Ir Zalee Dollah.





# SPRM rampas wang tunai RM3.5 juta, sita dua helikopter dan sebuah kapal layar Kekayaan melampau kartel projek

oleh NOR IDAYU BOSRO dan MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA – Wang tunai RM3.5 juta, dua helikopter persendirian, sebuah kapal layar dan pelbagai perhiasan mewah merupakan antara harta bernilai jutaan ringgit yang dirampas dan disita Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) daripada sindiket kartel projek kelmarin.

Tindakan susulan penahanan seorang ahli perniagaan bergelar Datuk bagi membantu siasatan berhubung kegiatan sindiket kartel projek-projek kerajaan bernilai RM3.8 bilion.

Sumber berkata, selain pelbagai jenis kenderaan mewah dan wang tunai jutaan ringgit, suspek utama berusia 47 tahun itu turut memiliki unit hartanah, kapal layar dan helikopter persendirian. Antara kenderaan mewah yang disita termasuklah supercar jenis Ferrari 458, Porsche 911 dan Ford Mustang GT dengan nilai keseluruhan mencecah RM15.7 juta.

Difahamkan, dua buah helikopter yang dimiliki ahli perniagaan berkenaan adalah dari jenis Robinson R44 dan Robinson R66. "Sebuah di rumah Datuk



berkenaan yang terletak di Kuala Lumpur telah menemui wang tunai berjumlah RM3.5 juta.

"Selain itu, SPRM turut menyita unit hartanah berupa banglo, rumah kedai dan pejabat bernilai RM29 juta dalam sebuah unit yang dilakukan sejak dua hari lalu," kata sumber berkenaan.

Dalam pada itu, sumber turut memaklumkan sebanyak 644 akaun individu dan syarikat yang

dianggarkan bernilai RM100 juta telah dibekukan.

Ia bagi membantu siasatan kes kartel monopoli tender kerajaan yang dipercayai telah beroperasi sejak tahun 2014.

Menurut sumber, kartel projek yang diketuai oleh seorang ahli perniagaan itu telah membolot tender untuk projek kerajaan menerusi tender atau sebut harga bernilai lebih RM3.8 bilion.

Sindiket berkenaan dipercayai telah beroperasi selama tujuh tahun bermula tahun 2014.

"Kemewahan yang ditunjukkan oleh Datuk yang merupakan ketua sindiket ini amat luar biasa. Selain memiliki hartanah dan

wang tunai, suspek juga mempunyai beberapa kereta mewah selain kapal mewah dan dua buah helikopter," katanya.

Menurut sumber lagi, ketua

kartel projek itu mengawal lebih 150 buah syarikat dengan setiap individu yang digunakan nama sebagai pengarah syarikat dibayar gaji antara RM5,000 hingga RM8,000.

"Syarikat-syarikat ini adalah milik suspek dengan seramai 114 orang telah digunakan nama mereka untuk membuka lebih daripada 150 buah syarikat.

"Kesemua syarikat ini akan digunakan secara bergilir-gilir untuk memasuki tender di Kementerian dan agensi kerajaan sebelum maklumat tender termasuk spesifikasi serta harga siling projek disalurkan oleh individu dalam Kementerian atau agensi," katanya.

Katanya, hasil siasatan SPRM mendapati hampir kesemua syarikat berkenaan menggunakan maklumat palsu dari segi kekelulusan akademik, sijil profesional mahupun rekod kewangan untuk meyakinkan lembaga tender berhubung kepercayaan syarikat untuk melaksanakan projek.

Kosmo! semalam melaporkan kegiatan haram sekumpulan tujuh lelaki terlibat dengan satu sindiket kartel projek-projek kerajaan bernilai RM3.8 bilion terbongkar apabila semua termasuk ketua dibekas SPRM kelmarin.

100

# KERATAN AKHBAR (April 2021)

KOSMO: 07/04/2021 (Rabu)

## Juruukur disyaki terima RM1.2j salur maklumat kepada sindiket

PUTRAJAYA – Seorang pegawai kanan sebuah agensi kerajaan yang dipercayai terlibat dalam sindiket kartel projek-projek kerajaan bernilai RM3.8 bilion sejak tahun 2014 ditahan reman semalam.

Perintah tahanan reman dikeluarkan Majistret Shah Wira Abdul Halim di Mahkamah Majistret di sini semalam selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Majistret menetapkan perintah tahanan reman selama tujuh hari mulai semalam hingga 12 April depan di bawah Sekyen 18 Akta SPRM 2009.

Terdahulu, sumber berkata, penahanan ke atas pegawai tersebut dibuat lewat malam kelmarin di rumahnya di Ampang.

Menurut sumber, lelaki berusia 38 tahun yang bekerja sebagai juruukur bahan gred 48 dipercayai terlibat dalam kerja-kerja penyediaan Bill of Quantity (BOQ) bagi projek-projek yang ditawarkan agensi tersebut.

"Suspek dipercayai menerima rasuah bagi membocorkan maklumat berhubung spesifikasi pro-



JURUUKUR (kiri) yang ditahan semalam tujuh hari di Mahkamah Majistret Putrajaya semalam bagi membantu siasatan kartel projek kerajaan.

jek-projek kepada ketua sindiket untuk memudahkan penyediaan dokumen-dokumen tender," katanya di sini semalam.

Katanya, hasil risikan mendapati beliau menerima rasuah sebanyak RM300,000 bagi maklumat yang disalurkan kepada ketua sindiket.

"Setakat ini sebanyak empat

bayaran iaitu anggaran RM1.2 juta telah dibayar kepada suspek.

"Siasatan masih berjalan dan dipercayai lebih ramai akan ditahan berhubung kes ini," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki mengesahkan tangkapan itu, namun enggan mengulas lanjut.

## Penjawat awam diperguna untuk habuan lumayan

PUTRAJAYA – Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali memberi jaminan bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana penjawat awam yang didapati bersalah dan terlibat dalam sindiket kartel projek kerajaan.

Beliau berkata, semua ketua jabatan telah berulang kali difingatkan supaya menepati dan memegang konsep integriti dalam pengurusan organisasi.

"Pendedahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap sindiket kartel tender kerajaan yang bernilai RM3.8 bilion amat membingungkan.

"Kes itu mula dikesan sejak tahun 2014 dan hasil pemerhatian serta risikan berterusan pihak SPRM berjaya membawa kepada penahanan beberapa individu," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Mohd. Zuki berkata, beliau menyokong penuh segala usaha untuk membanteras apa jua bentuk salah laku dan



KERATAN Kosmo! semalam.

penyelewangan yang berlaku dalam sistem penyampaian kerajaan.

"Saya kesal dengan segelintir penjawat awam yang membenarkan diri mereka diperguna pihak berkepentingan untuk habuan lumayan," katanya.

Sementara itu, Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, pihaknya mengambil beberapa pendekatan untuk mengesan aktiviti kartel tender.

Kata beliau, antaranya mengemukakan bon tender sebanyak RM500,000 kepada mana-mana pihak yang ingin memasuki tender di bawah Kementerian.



KOSMO: 07/04/2021 (Rabu)

## Penolong Jurutera JPS didakwa rasuah

**KUALA TERENGGANU** – Seorang penolong jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Hulu Terengganu dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan menerima suapan bagi mendapatkan kelulusan projek bernilai RM96,780 pada enam tahun lalu.

Tertuduh, Md. Shahrul Haizal Mohamad, 42, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Dazuki Ali.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa menggunakan jawatannya untuk mendapatkan suapan setelah mendapatkan projek kerja-kerja penyenggaraan cerun runtuh di Jalan Felda Tersat, Hulu Terengganu yang bernilai RM96,780.

Md. Shahrul Haizal yang juga pegawai penyelia tapak projek berkenaan didakwa melakukan perbuatan tersebut di Pejabat

Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Hulu Terengganu pada 29 Julai 2015.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda minimum lima kali nilai suapan atau RM10,000 manamana nilai lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Hakim Dazuki membenarkan Md. Shahrul Haizal dibebaskan dengan wang jaminan RM8,000 dan seorang penjamin.

Beliau juga memerintahkan tertuduh melapor diri di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia terdekat pada setiap 1 hingga 5 hariabulan selain perlu menyerahkan pasport antarabangsa.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 5 Mei depan.



PEJABAT SPRM Johor mengedarkan tiga pegawai penuntut rasuah MAQIS bagi menyalakan tahanan reman di Mahkamah Majistret, Johor Bahru, semalam.

Oleh Hazri A Bakar  
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Tiga pegawai Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) yang direman semalam disyaki menerima sogokan sekurang-kurangnya

RM200,000 bagi melepaskan kontenya muatan daging kerbau sejuk beku import daripada pembekal tidak diiktiraf sejak 2017.

Sumber memberitahu Harian Metro, pegawai Maqis terbabit dikatakan sudah melepaskan hampir 100 kontenya dengan muatan daging sejuk beku itu daripada pengeksport dari India yang tidak diiktiraf Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

Katanya, setiap pegawai Maqis itu disogok antara RM1,000 hingga RM5,000 bagi melepaskan setiap kontenya terbabit dan sogokan yang diterima berbeza berdasarkan pangkat dijawat pegawai terbabit.

"Pegawai berpangkat

### KES KARTEL DAGING IMPORT

## Makan suap RM200,000

tinggi menerima sogokan lebih tinggi berbanding anak buahnya. "Ia dipercayai berlaku di pintu masuk dagangan Pelembutan Tanjung Pelepas (PTP) membolehkan ejen penghantaran yang menguruskannya dokumen kemasukan daging sejuk beku terbabit," katanya ketika dihubungi, semalam.

Katanya, pegawai Maqis bersekongkol dengan ejen penghantaran bagi melepaskan barangan yang diimport mesdipun mengetahui pembekal daripada syarikat yang tidak pernah dibenarkan memasukan

ki negara ini. Semalam, ketiga-tiga pegawai Maqis masing-masing berusia 40, 44 dan 55 tahun itu direman lima hari sehingga 23 Januari ini bagi siasatan mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Difahamkan dua pegawai Maqis itu memegang Jawatan Penolong Pegawai Pelembutan di stesen pintu masuk dagangan laut manakala seorang lagi adalah Ketua Pintu Masuk Maqis.

Ketiga-tiga pegawai Maqis itu bagaimanapun dikanatkan su

dah dipindahkan ke daerah lain sebelum ditahan SPRM.

Berdasarkan laman web rasmi JPV, hanya 11 pengeksport daging sejuk beku kebuan di India mendapat pengiktirafan bagi tujuan dibawa masuk ke negara ini, termasuk status halal dan paling terakhir dilakukan pada 6 November 2019.

Bagaimanapun, mengikut senarai terkini JPV, daripada 11 pembekal di India, syarikat Federal Agro Industries Private Limited digantung pengiktirafan mereka berkuat kuasa serta-merta pada 16 September lalu.

## Tiga pegawai Maqis direman lima hari

Johor Bahru: Tiga pegawai Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) direman sehingga 23 Januari ini, selepas disyaki terbabit kegiatan rasuah berhubung kemasukan daging beku yang tidak dibenarkan oleh Jabatan Veterinar Malaysia.

Perintah reman itu dibenarkan Penolong Pendaftar Mahkamah Majistret Johor Bahru Nur Fathiah Mohd Pedzier selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor membuat permohonan berkenaan, pagi semalam.

Pengarah SPRM Johor Datuk Azmi Alias berkata, ketiga-tiga suspek berkenaan masing-masing berusia 40, 44 dan 55 tahun.

"Ketiga-tiganya ditahan di Pejabat SPRM Johor kira-kira jam 7 malam tadi (kelmarin) selepas hadir untuk membantu siasatan."

"Kes ini disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009," katanya ketika dihubungi, semalam.

Kelmarin, SPRM Johor dilaporkan menahan seorang pegawai Maqis berusia 55 tahun di Johor Bahru sebelum suspek direman semalam enari hari.

Pada 12 Januari lalu, seorang ejen penghantaran di reman lima hari sehingga Sabtu lalu kerana disyaki terbabit kegiatan rasuah berhubung isu skandal kartel daging yang mengembara dalam tanah air, Disember lalu.

Suspek lelaki berusia 55 tahun itu ditahan di Pejabat

Ketiga-tiganya ditahan di Pejabat SPRM Johor kira-kira jam 7 malam tadi (kelmarin) selepas hadir untuk membantu siasatan"

Azmi Alias

SPRM Johor baru-baru ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Pada 7 Januari lalu, dua pegawai Maqis Johor berusia 27 dan 31 tahun direman mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Pada 4 Januari lalu pula, seorang pengarah dan tiga pekerja syarikat pengimport daging sejuk beku, di sini dilaporkan turut direman.

Empat suspek berusia 39 dan 50 tahun itu adalah pengarah, pengarah operasi, kerani dari syarikat sejuk beku yang sama, manakala seorang lagi pengarah syarikat lain.

Dalam kenyataan dikeluarkan SPRM Kelmarin dilaporkan seramai lapan suspek sudah ditahan sejak 4 Januari lalu bagi membantu siasatan berhubung isu kartel daging sejuk beku.

SPRM dilaporkan memaklumkan seramai 27 suspek juga dipanggil dalam siasatan kes berkenaan terdiri daripada pekerja syarikat, ejen pengimport serta pegawai kerajaan.



# KERATAN AKHBAR (April 2021)

102

HARIAN METRO: 12/04/2021 (Isnin)

HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my 19

lokal

## Pemborong sawit rasuah RM300, didenda RM10k

**Johor Bahru:** Seorang pemborong kelapa sawit didenda RM10,000 dan dipenjara sehari oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam kerana merasuah seorang penguat kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) sebanyak RM300 pada tahun lalu.

Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail menjatuhkan hukuman itu selepas Lee Chee Hong, 42, mengaku bersalah atas pertuduhan berkenaan.

Mengikut pertuduhan, Lee didakwa memberi suapan wang tunai sebanyak RM300 kepada seorang Pembantu Penguat Kuasa Majlis Perbandaran Kluang (MPK) supaya tindakan undang-undang kerana menjalankan kerja tanah yang menyebabkan kekotoran, tidak diambil ke atasnya.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Kampung Paya Dalam, Palembang, Kluang, pada 15 Oktober tahun lalu.

Sementara itu, dalam prosiding berlatutan di mahkamah yang sama, seorang pengusaha rumah inap didakwa kerana merasuah seorang penguat kuasa sebanyak RM3,000 bagi membatalkan kompaun PBT tahun lalu.

Tertuduh, Wong Xin Wei, 30, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Wong didakwa memberi suapan wang tunai sebanyak RM3,000 kepada

seorang Pembantu Penguat Kuasa MPK, supaya membatalkan kompaun bagi kesalahan mempamer iklan tanpa lesen MPK.

Selain itu, suapan berkenaan juga diberi bagi membatalkan satu lagi kompaun bagi kesalahan menjadikan tanah pertanian sebagai premis rumah inap.

Kesalahannya itu dilakukan di Pejabat Penguatkuasaan dan Keselamatan MPK, kira-kira jam 3.30 petang pada 13 Julai tahun lalu.

Hakim memerintahkan Wong dijatuhkan sebanyak RM8,000 dengan seorang penjamin.

Tertuduh juga diarahkan menyerahkan pasport ke mahkamah selain perlu melaporkan diri pada setiap bulan di pejabat SPRM Kluang sehingga kesnya selesai.

Lee dan Wong masing-masing didakwa mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, manakala Lee dituntut, jika sabit kesalahan.

Kes Lee dan Wong dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Yunus Mohamed. Manakala Lee diwakili peguam Im Pang Kiat dan Wong diwakili peguam, T Vijaya Sundram dan V Kirhana Darshayini.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 26 April ini.

Tertuduh turut diarahkan menyerahkan pasport ke mahkamah

## Bekas pegawai MAHB tidak mengaku salah lima tuduhan menipu

**KOTA KINABALU** - Seorang bekas Pegawai Eksekutif Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas lima pertuduhan menipu seorang ahli perniagaan membabitkan RM41,000 antara tahun 2010 hingga 2014.

Abas Tuah, 59, didakwa memperdayakan ahli perniagaan itu untuk mempercayai bahawa dia boleh membantu mendapatkan tapak perniagaan dan memudahkan pembaharuan kontrak sewaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA).

Tertuduh telah mendorong lelaki itu untuk memasukkan wang berjumlah RM41,000 ke dalam akaun Maybank miliknya melalui lima transaksi berasingan di Maybank Cawangan Kam-



Abas, (kanan) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen hari ini atas lima pertuduhan menipu seorang ahli perniagaan membabitkan RM41,000 antara 2010 hingga 2014.

pung Air, Kota Kinabalu antara tahun 2010 hingga 2014.

Semua pertuduhan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksian yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 10 tahun dan dengan sebat serta boleh juga dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Hakim Abu Bakar Manat membenarkan tertuduh diikat jamin RM12,000 bagi semua

pertuduhan dengan syarat tambahan perlu melapor diri di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kota Kinabalu dua bulan sekali serta menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Kes yang dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Clementine Severinus itu ditetapkan untuk sebutan semula pada 24 Mei ini. - Bernama

SINAR HARIAN: 14/04/2021 (Rabu)



# KERATAN AKHBAR (April 2021)

SINAR HARIAN: 21/04/2021 (Rabu)

## Penyelia asrama buat tuntutan palsu hampir RM20 juta

**JOHOR BAHRU** – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor menahan seorang penyelia sebuah sekolah asrama di Kota Tinggi bagi membantu siasatan kes membuat tuntutan palsu kontrak pembekalan makanan pelajar sekolah bernilai hampir RM20 juta.



Suspek direman selama enam hari untuk membantu siasatan.

Suspek wanita berusia 40 tahun dan bertugas sebagai penyelia asrama itu ditahan di Pejabat SPRM Johor pada jam 10 malam Isnin bagi membantu siasatan.

Hasil siasatan dijalankan mendapati suspek bersubahat dengan beberapa syarikat kontraktor dan membuat tuntutan berhubung kontrak pembekalan makanan bermasak untuk pelajar bagi tahun 2015, 2018 dan 2020.

Difahamkan, jumlah tuntutan yang dibuat hampir RM20 juta yang mana pembekalan makanan tersebut meragukan.

Sementara itu, Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut dan memaklumkan suspek ditahan reman selama enam hari.

Perintah reman dikeluarkan oleh Majistret Nur Izzaty Mohammad Zahari.

14  
Ramadan  
dalam  
Keberkatan

RASUAH  
BUSTERS

## Inspektor didakwa rasuah

Dipercayai bagi menyelesaikan kes daun ketum dan rokok seludup, dua tahun lalu

Oleh SARINAH MAT KASIM

MELAKA

**S**eorang Inspektor dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini atas dua pertuduhan menerima suapan berjumlah RM6,200 dipercayai bagi menyelesaikan kes daun ketum dan rokok seludup, dua tahun lalu.

Tertuduh, JS Kalvinderjit, 34, yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Melaka Tengah, bagaimanapun mengaku tidak bersalah,

sebaik pertuduhan dibacakan secara berasingan oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan pada Selasa.

Mengikuti pertuduhan pertama dan kedua, tertuduh didakwa menerima suapan berbentuk wang tunai dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM6,200 daripada Mohd Hadaffiy Mokhtar Ruzaini dengan mengetahui dia mempunyai hubungan terhadap kerja-kerja rasmi tertuduh.

Tindakan itu dilakukan tertuduh antara jam 11.30 malam hingga 2 pagi di Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu IPD Jasin pada 8 hingga 9 Mac 2019.

Mahkamah membenarkan ikat jamin sebanyak RM5,000 dengan seorang penjamin bagi kedua-dua pertuduhan dan menetapkan 21 Mei depan sebagai



Tertuduh (tengah) ketika dibawa ke Mahkamah Sesyen Melaka pada Selasa.

sebutan semula kes.

Sebelum itu, suasana di pekarangan Mahkamah Sesyen menjadi kecoh apabila beberapa individu dipercayai anggota polis, cuba menghalang petugas media daripada merakam-gambar tertuduh ketika dibawa ke

baghagian pengurusan mahkamah untuk proses jaminan.

Individu-individu tersebut bertindak mengiringi tertuduh dan berdiri terlalu rapat di hadapan lensa kamera walaupun diminta untuk memberikan kerjasama.

SINAR HARIAN: 21/04/2021 (Rabu)





**MEI 2021**

104



# KERATAN AKHBAR (Mei 2021)

105

HARIAN METRO: 05/05/2021 (Rabu)

## DUA PEGAWAI SPRM DICEKUP

### 'Kita tunggu polis buat siasatan dahulu'

**Kuala Lumpur:** "Tiada siasatan dalaman dilakukan dan kes diserahkan kepada polis," kata Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Azam Baki mengulas mengenai penahanan dua pegawainya yang dipercayai terbabit melindungi Geng Nicky.

Dua pegawai SPRM dan 10 pegawai polis ditahan menerusi Op Pelican 3.0 selepas dikaitkan dengan kumpulan jenayah terancang yang ketuanya kini dalam buruan polis.

Azam berkata, dua pegawai terbabit masih berkhidmat dan berkemungkinan digantung tugas sekiranya mereka didakwa di mahkamah.

"Setakat ini, dua sahaja ditahan dan saya serah pada polis jika

ada kes (terbabit melindungi Geng Nicky) dan saya boleh sahkan tiada pegawai lain dikatakan terbabit.

"Kita tunggu polis siasat dulu dan sudah tentu polis kemukakan kepada Peguam Negara bagi tindakan lanjut," katanya ketika ditemui pemberita selepas Program Kerjasama Strategik Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) serta SPRM di sini, semalam.

Harian Metro sebelum ini melaporkan, SPRM mengesahkan penahanan dua pegawai suruhanjaya itu yang dipercayai terbabit dengan kegiatan haram Geng Nicky serta memberi jaminan menyerahkan mana-mana pegawainya yang bersekolong kepada pihak polis.



“  
Tiada siasatan  
dalaman  
dilakukan dan  
kes diserahkan  
kepada polis  
Azam



# KERATAN AKHBAR (Mei 2021)

HARIAN METRO: 05/05/2021 (Rabu)

## Didakwa palsukan tuntutan katering

**Kuala Lumpur:** Seorang ketua pembantu tadbir mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tiga pertuduhan mengemukakan tuntutan palsu berhubung pembayaran katering pada majlis Aidilfitri di kediamannya yang berjumlah RM11,350, tujuh tahun lalu. Bagi ketiga-tiga pertuduhan, Noradlina Idris, 43, yang ketika kejadian bekerja di Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (kini dikenali sebagai Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya) didakwa mengemukakan tiga dokumen yang dilampirkan bersama tiga keping invoice dari sebuah syarikat katering berjumlah RM850, RM1,500 dan RM9,000, masing-masing bertarikh 13, 14 dan 18 Ogos 2014.

Semua dokumen dan invoice itu mengandungi butir makan palsu mengenai pembayaran pembekalan makan tengah hari dan petang bagi perjumpaan Yang Berhormat Menteri bersama tetamu pada 13, 14 dan 17 Ogos 2014 di Bangunan Sultan Abdul Samad, di sini, di mana sebenarnya pembayaran itu adalah bagi perkhidmatan katering Majlis Hari Raya di kediaman tertuduh di Bandar Se-

ri Putra, Bangi pada 16 Ogos 2014.

Semua kesalahan itu didakwa dilakukan di Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan di Putrajaya pada Ogos 2014.

Pertuduhan mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta sama.

Seksyen itu membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang palsu atau silap dan jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan. - Bernama



NORADLINA didakwa kemukakan tiga dokumen berjumlah RM850, RM1,500 dan RM9,000.